Isi Kandungan

Dr. Umar bin Sulaiman al-Ashqar membahagikan hari kiamat kepada dua bentuk:

1- Kiamat kecil (Al-Qiyamah Al-Sughra)
2- Kiamat besar (Al-Qiyamah Al-Kubra)

Maksud Kiamat Kecil:

Apakah itu kiamat kecil?

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : كَانَ رِجَالٌ مِنَ الْأَعْرَابِ جُفَاةً يَأْتُونَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَيَسْأَلُونَهُ مَتَى السَّاعَةُ ؟ فَكَانَ يَنْظُرُ إِلَى أَصْغَرِهِمْ ، فَيَقُولُ : " إِنْ يَعِشْ هَذَا لَا يُدْرِكْهُ الْهَرَمُ حَتَّى تَقُومَ عَلَيْكُمْ سَاعَتُكُمْ " ، قَالَ هِشَامٌ : يَعْنِي مَوْتَهُمْ.

'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Sekumpulan lelaki Badwi yang kasar telah datang berjumpa Nabi sallallahu 'alaihi wasallam, lalu mereka bertanya kepada baginda: Bilakah berlakunya hari kiamat? Lalu baginda sallallahu 'alaihi wasallam melihat ke arah yang paling muda di kalangan mereka, lalu berkata: Jika anak ini umurnya panjang, ia tidak akan mencapai usia tua sehinggalah apabila telah berlaku ke atas kalian kiamat kalian. Perawi bernama Hisham berkata: Iaitu kematian mereka.

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Riqaq, hadis no: 6057, Sahih Muslim, Kitab al-Fitan wa Asyrat al-Sa'at, hadis no: 5252]

Daripada hadis di atas diketahui bahawa kematian juga dinamakan dengan As-Sa'ah yang juga merupakan salah satu nama hari kiamat. Oleh kerana itu kiamat kecil merujuk kepada kematian seseorang.

Imam an-Nawawi menyebutkan:

وَالْمُرَاد (بِسَاعَتِكُمْ) مَوْتهمْ ،

Yang dimaksudkan dengan (kiamat kalian) ialah kematian mereka.[1]

Al-Hafiz Ibn Hajar menyebutkan:

وقال الكرماني : هذا الجواب من الأسلوب الحكيم أي دعوا السؤال عن وقت القيامة الكبرى فإنها لا يعلمها إلا الله واسألوا عن الوقت الذي يقع فيه انقراض عصركم فهو أولى لكم لأن معرفتكم به تبعثكم على ملازمة العمل الصالح قبل فوته لأن أحدكم لا يدري من الذي يسبق الآخر

Al-Karmani berkata: Jawapan sebegini merupakan method menjawab yang bijaksana, iaitu meninggalkan persoalan tentang bilakah waktu hari kiamat al-Kubra. Sesungguhnya tiada sesiapa yang mengetahui tentangnya kecuali Allah. Bertanyalah tentang waktu yang mana akan

[1] Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim, jilid 9, m/s 341

terputusnya kehidupan kalian. Ia lebih utama untuk kalian kerana mengetahui tentangnya akan lebih membangkitkan semangat kalian untuk konsisten dalam melakukan amal soleh sebelum berlalunya kehidupan. Ini kerana kalian tidak mengetahui siapakah yang mati dahulu sebelum yang lain.[2]

Maksud Barzakh

Apakah maksud alam barzakh?

Perkataan barzakh disebut beberapa kali dalam al-Quran.

Allah berfirman:

وَهُوَ الَّذِي مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ هَذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ وَهَذَا مِلْحٌ أُجَاجٌ وَجَعَلَ بَيْنَهُمَا بَرْزَخًا وَحِجْرًا مَحْجُورًا (53)

Dan Dialah yang membiarkan dua laut yang mengalir (berdampingan); yang ini tawar lagi segar dan yang lain masin lagi pahit; dan Dia jadikan antara keduanya **dinding** dan pemisah yang menghalangi. [al-Furqan : 53]

Daripada ayat di atas, perkataan barzakh digunakan untuk menunjukkan pemisah yang menghalang air yang tawar dan masin daripada bercampur.

Dr. Umar al-Ashqar menyatakan:

البرزخ في كلام العرب الحاجز بين الشيئين

Al-Barzakh dalam Bahasa Arab bermaksud pemisah antara dua benda.

Oleh kerana itu Allah berfirman:

حَتَّى إِذَا جَاءَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ رَبِّ ارْجِعُونِ (99) لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ **بَرْزَخٌ** إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ (100)

[Demikianlah keadaan orang-orang kafir itu], hingga apabila datang kematian kepada seseorang dari mereka, dia berkata: "Ya Tuhanku kembalikanlah aku [ke dunia] (99) Agar aku berbuat amal yang soleh terhadap yang telah aku tinggalkan. Sekali-kali tidak. Sesungguhnya itu adalah perkataan yang diucapkannya saja. Dan di hadapan mereka ada **dinding** sampai hari mereka dibangkitkan [Al-Mukminun: 99-100]

Al-Imam Ibn Kathir rahimahullah menyebutkan berkaitan maksud barzakh dalam ayat ke 100 di atas:

---

[2] Fathul Bari, jilid 1, m/s 364

وقال مجاهد: البرزخ: الحاجز ما بين الدنيا والآخرة .وقال محمد بن كعب: البرزخ: ما بين الدنيا والآخرة. ليسوا مع أهل الدنيا يأكلون ويشربون، ولا مع أهل الآخرة يجازون بأعمالهم .وقال أبو صخر: البرزخ: المقابر، لا هم في الدنيا، ولا هم في الآخرة، فهم مقيمون إلى يوم يبعثون

Mujahid berkata: Al-Barzakh: Pemisah antara dunia dan akhirat. Muhammad bin Ka'ab berkata: Al-Barzak: Apa yang ada di antara dunia dan akhirat. Penghuni alam barzakh tidaklah bersama-sama penghuni dunia untuk makan dan minum, dan tidak jua mereka bersama-sama penghuni akhirat yang diberikan balasan atas perbuatan mereka. Abu Sakhr berkata: Al-Barzakh adalah perkuburan. Mereka bukan di dunia dan bukan jua di akhirat. Mereka tinggal di situ sehingga hari kebangkitan.[3]

Tidur itu Kematian Kecil

Tidur mempunyai ciri-ciri yang sama dengan kematian. Oleh kerana itu para ulama menyatakan bahawa tidur adalah kematian yang kecil. Tidur itu adalah kematian, dan terjaga daripada tidur adalah kebangkitan. Ini berdasarkan ayat al-Quran di bawah:

وَهُوَ الَّذِي **يَتَوَفَّاكُمْ** بِاللَّيْلِ وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُمْ بِالنَّهَارِ ثُمَّ **يَبْعَثُكُمْ** فِيهِ لِيُقْضَى أَجَلٌ مُسَمًّى ثُمَّ إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ ثُمَّ يُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Dan Dialah yang **mematikan** kamu di malam hari dan Dia mengetahui apa yang kamu kerjakan pada siang hari, kemudian Dia **membangunkan** kamu pada siang hari untuk disempurnakan umur yang telah ditentukan, kemudian kepada Allah kamu kembali, lalu Dia memberitahu kepada kamu apa yang dahulu kamu kerjakan. (60) [Al-An'am : 60]

Al-Imam Ibn Kathir menyebutkan:

يخبر تعالى إنه يتوفى عباده في منامهم بالليل، وهذا هو التوفي الأصغر

Allah menyatakan sesungguhnya Dia akan mematikan hamba-hambaNya ketika tidur di malam hari. Inilah dia kematian kecil.[4]

Bahkan dua jenis kematian ini, iaitu tidur dan kematian sebenar telah Allah sebutkan dalam satu ayat. Firman Allah:

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا فَيُمْسِكُ الَّتِي قَضَى عَلَيْهَا الْمَوْتَ وَيُرْسِلُ الْأُخْرَى إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Allah memegang jiwa [orang] ketika matinya dan [memegang] jiwa [orang] yang belum mati di waktu tidurnya; maka Dia tahanlah jiwa [orang] yang telah Dia tetapkan kematiannya dan Dia

[3] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 5, m/s 494-495

[4] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 3, m/s 266

melepaskan jiwa yang lain sehingga waktu yang ditentukan. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir. [Az-Zumar : 42]

وَهُوَ الَّذِي يَتَوَفَّاكُمْ بِاللَّيْلِ وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُمْ بِالنَّهَارِ ثُمَّ يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِيُقْضَى أَجَلٌ مُسَمًّى ثُمَّ إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ ثُمَّ يُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ (60) وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً حَتَّى إِذَا جَاءَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفَرِّطُونَ (61)

Dan Dialah yang mematikan kamu di malam hari dan Dia mengetahui apa yang kamu kerjakan pada siang hari, kemudian Dia membangunkan kamu pada siang hari untuk disempurnakan umur [mu] yang telah ditentukan, kemudian kepada Allah lah kamu kembali, lalu Dia memberitahukan kepadamu apa yang dahulu kamu kerjakan. (60) Dan Dialah yang mempunyai kekuasaan tertinggi di atas semua hamba-Nya, dan diutus-Nya kepadamu malaikat-malaikat penjaga, sehingga apabila datang kematian kepada salah seorang di antara kamu, dia diwafatkan oleh malaikat-malaikat Kami, dan malaikat-malaikat Kami itu tidak lalai (61) [Al-An'am : 60-61]

Al-Imam Ibn Kathir menyatakan:

فذكر الوفاتين: الصغرى ثم الكبرى. وفي هذه الآية ذكر الكبرى ثم الصغرى؛

Allah menyebutkan tentang dua kematian: Iaitu kematian kecil kemudian kematian besar (dalam ayat surah Al-An'am, 60-61), dan dalam ayat ini (az-Zumar, 42), Allah menyebutkan tentang kematian besar kemudian kematian kecil.[5]

وقال بعض السلف [رحمهم الله] (2) يقبض أرواح الأموات إذا ماتوا، وأرواح الأحياء إذا ناموا

Sebahagian ulama salaf berkata: Allah memegang roh-roh orang yang ketika mereka mati, dan memegang roh-roh orang hidup ketika mereka tidur.[6]

Oleh disebabkan hal ini, kita akan banyak berdoa sebelum kita tidur. Doa-doa tidur itu juga membuktikan bahawa tidur adalah satu bentuk kematian yang kecil.

عَنْ حُذَيْفَةَ ، قَالَ : "كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَنَامَ ، قَالَ : **بِاسْمِكَ اللَّهُمَّ أَمُوتُ وَأَحْيَا** ، وَإِذَا اسْتَيْقَظَ مِنْ مَنَامِهِ ، قَالَ : **الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُورُ**

Huzaifah radiallahu 'anhu berkata: Apabila Nabi sallallahu 'alaihi wasallam mahu tidur, baginda sallallahu 'alaihi wasallam akan membaca: **Dengan nama Mu ya Allah, aku mati dan aku hidup**. Apabila baginda sallallahu 'alaihi wasallam bangun daripada tidurnya, baginda sallallahu 'alaihi wasallam akan membaca: **Segala puji bagi Allah, yang menghidupkan kami selepas kematian kami. KepadaNya lah kami kembali**.

[5] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 7, m/s 101
[6] Tafsir al-Quran al-Azhimi, jilid 7, m/s 102

[Sahih al-Bukhari, Kitab ad-Da'awat, hadis no: 5879]

Setiap Makhluk Mati

Setiap yang hidup pasti akan menghadapi kematian. Allah menyebutkan hal ini dalam banyak ayat-ayat al-Quran.

وَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ لَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Janganlah kamu berdoa di samping [menyembah] Allah, tuhan apapun yang lain. Tidak ada Tuhan [yang berhak disembah] melainkan Dia. Tiap-tiap sesuatu pasti binasa, kecuali Wajah-Nya [Allah]. Bagi-Nyalah segala penentuan, dan hanya kepada-Nyalah kamu dikembalikan. [Al-Qasas : 88]

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ (26) وَيَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ (27)

Semua yang ada di bumi itu akan binasa. (26) Dan tetap kekal Wajah Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan. (27) [Al-Rahman : 26-27]

Al-Imam Ibn Kathir menyatakan:

يخبر تعالى أن جميع أهل الأرض سيذهبون ويموتون أجمعون، وكذلك أهل السموات، إلا من شاء الله، ولا يبقى أحد سوى وجهه الكريم؛ فإن الرب -تعالى وتقدس-لا يموت، بل هو الحي الذي لا يموت أبدا.

Allah menyatakan bahawa kesemua penghuni bumi akan pergi dan mati, begitu juga dengan penghuni langit, melainkan sesiapa yang Allah kehendaki. Tidak akan tertinggal satu pun melainkan wajahNya yang Maha Mulia. Sesungguhnya Tuhan yang Maha Tinggi dan Suci tidak akan mati. Bahkan Dia adalah Maha Hidup yang tidak akan mati selama-lamanya.[7]

Seandainya ada insan yang paling layak untuk terselamat daripada kematian, sudah pasti insan itu adalah Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam. Akan tetapi, baginda sallallahu 'alaihi wasallam sendiri mati sebagaimana insan-insan yang lain. Firman Allah:

إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُمْ مَيِّتُونَ

Sesungguhnya engkau akan mati, dan mereka jua akan mati [Az-Zumar : 30]

Al-Imam Ibn Kathir menerangkan:

وقوله: { إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُمْ مَيِّتُونَ } هذه الآية من الآيات التي استشهد بها الصديق [رضي الله عنه] (4) عند موت الرسول (5) صلى الله عليه وسلم، حتى تحقق الناس موته، مع قوله: { وَمَا مُحَمَّدٌ إلا رَسُولٌ قَدْ

[7] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 7, m/s 494

خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ انْقَلَبْتُمْ عَلَى أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَى عَقِبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ اللَّهَ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ } [آل عمران :144]

Firmannya: ((Sesungguhnya engkau akan mati, dan mereka akan mati)). Ini merupakan ayat yang diperksaksikan oleh Abu Bakar as-Siddiq radiallahu ‘anhu ketika kewafatan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, sehingga orang ramai pun membenarkan kewafatan baginda sallallahu ‘alaihi wasallam. Firman Allah: Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul, sungguh telah berlalu sebelumnya beberapa orang rasul. Apakah jika dia wafat atau dibunuh kamu berbalik ke belakang [murtad]? Barangsiapa yang berbalik ke belakang, maka dia tidak dapat mendatangkan mudharat kepada Allah sedikitpun; dan Allah akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur. [Ali ‘Imran : 144]

Maut Itu Masanya Pasti

Sesungguhnya maut itu pasti akan hadir menjemput kita tanpa tercepat sesaat, atau terlewat sesaat.

Firman Allah:

وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ **أَنْ تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ كِتَابًا مُؤَجَّلًا** وَمَنْ يُرِدْ ثَوَابَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَنْ يُرِدْ ثَوَابَ الْآخِرَةِ نُؤْتِهِ مِنْهَا وَسَنَجْزِي الشَّاكِرِينَ

Sesuatu yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, **sebagai ketetapan yang telah ditentukan waktunya**. Barangsiapa menghendaki pahala dunia, niscaya Kami berikan kepadanya pahala dunia itu, dan barangsiapa menghendaki pahala akhirat, Kami berikan [pula] kepadanya pahala akhirat. Dan Kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur. [Ali ‘Imran : 145]

أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِكْكُمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنْتُمْ فِي بُرُوجٍ مُشَيَّدَةٍ

Di mana saja kamu berada, kematian akan mendapatkan kamu, walau pun kamu di dalam benteng yang tinggi lagi kukuh [An-Nisa’ : 78]

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجَلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ (34)

Tiap-tiap umat mempunyai batas waktu; [4] maka apabila telah datang waktunya mereka tidak dapat mengundurkannya barang sesaatpun dan tidak dapat [pula] memajukannya. [Al-A’raf : 34]

قُلْ إِنَّ الْمَوْتَ الَّذِي تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُ مُلَاقِيكُمْ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَى عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ (8)

Katakanlah: "Sesungguhnya kematian yang kamu lari daripadanya, maka sesungguhnya kematian itu akan menemui kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada [Allah], yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia beritakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan". [Al-Jumu’ah : 8]

Tiada Siapa Tahu Bila dan Di Mana Hadirnya Maut

Bilakah saat kematian seseorang merupakan antara perkara-perkara ghaib yang tidak akan diketahui oleh manusia. Berapa ramai insan yang selepas doktor menyatakan dia akan sembuh, tetapi dia meninggal dunia, berapa ramai insan yang disahkan doktor akan meninggal dunia tetapi mereka hidup. Ia merupakan rahsia Allah. Ia merupakan salah satu perkara-perkara ghaib.

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَاذَا تَكْسِبُ غَدًا **وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ** إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ (34)

Sesungguhnya Allah, hanya pada sisi-Nya sajalah pengetahuan tentang Hari Kiamat; dan Dia lah Yang menurunkan hujan, dan mengetahui apa yang ada dalam rahim. Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui [dengan pasti] apa yang akan diusahakannya esok . **Dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati**. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal. [Luqman : 34]

Apabila hadirnya maut

Apabila tibanya saat yang dijanjikan, Allah akan menghantar malaikat untuk mencabut nyawa manusia.

وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً حَتَّى إِذَا جَاءَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفَرِّطُونَ (61)

Dan Dialah yang mempunyai kekuasaan tertinggi di atas semua hamba-Nya, dan diutus-Nya kepadamu malaikat-malaikat penjaga, sehingga apabila datang kematian kepada salah seorang di antara kamu, dia akan diwafatkan oleh malaikat-malaikat Kami, dan malaikat-malaikat Kami itu tidak lalai daripada kewajipannya. [Al-An'am : 61]

Hadis Al-Bara' bin Azib

Dalam membicarakan tentang keadaan seseorang ketika mati, kita akan banyak menggunakan riwayat Al-Bara' bin Azib radiallahu 'anhu yang sangat panjang. Dinukilkan di sini teks penuh hadis tersebut dan akan dihuraikan mengikut bab-bab yang spesifik selepasnya.

عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ ، قَالَ : خَرَجْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فِي جِنَازَةِ رَجُلٍ مِنَ الأَنْصَارِ ، فَانْتَهَيْنَا إِلَى الْقَبْرِ ، وَلَمَّا يُلْحَدْ ، فَجَلَسَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَجَلَسْنَا حَوْلَهُ ، كَأَنَّ عَلَى رُؤُوسِنَا الطَّيْرَ ، وَفِي يَدِهِ عُودٌ يَنْكُتُ فِي الأَرْضِ ، فَرَفَعَ رَأْسَهُ ، فَقَالَ : اسْتَعِيذُوا بِاللَّهِ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ مَرَّتَيْنِ ، أَوْ ثَلاَثًا (أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ ثَلاَثَ مِرَارٍ)

Al-Bara' bin 'Azib radiallahu 'anhu berkata: "Kami pernah menghantar jenazah seorang lelaki Ansar bersama Nabi sallahu `alaihi wassallam. Sebaik sahaja tiba di kubur dan ketika jenazah itu dimasukkan ke liang lahad, maka Rasulullah sallahu `alaihi wassallam pun duduk, lalu kami pun

duduk di sekeliling baginda. Suasana menjadi hening seakan-akan di atas kepala kami terdapat seekor burung. Nabi sallahu `alaihi wassallam memegang sebilah lidi seraya mencungkil-cungkil tanah, kemudian mengangkat kepalanya. Kemudian baginda bersabda: “Mohonlah perlindungan kepada Allah daripada azab kubur. Baginda mengulang-ulang ucapannya itu sebanyak dua atau tiga kali” *(dalam riwayat lain: Baginda menyebut: “Aku berlindung dengan Allah daripada azab kubur” sebanyak tiga kali)*

ثُمَّ قَالَ : إِنَّ الْعَبْدَ الْمُؤْمِنَ إِذَا كَانَ فِي انْقِطَاعٍ مِنَ الدُّنْيَا وَإِقْبَالٍ مِنَ الآخِرَةِ ، نَزَلَ إِلَيْهِ مَلاَئِكَةٌ مِنَ السَّمَاءِ بِيضُ الْوُجُوهِ ، كَأَنَّ وُجُوهَهُمُ الشَّمْسُ ، مَعَهُمْ كَفَنٌ مِنْ أَكْفَانِ الْجَنَّةِ ، وَحَنُوطٌ مِنْ حَنُوطِ الْجَنَّةِ ، حَتَّى يَجْلِسُوا مِنْهُ مَدَّ الْبَصَرِ ، ثُمَّ يَجِيءُ مَلَكُ الْمَوْتِ ، عَلَيْهِ السَّلاَمُ ، حَتَّى يَجْلِسَ عِنْدَ رَأْسِهِ ،

Kemudian baginda berkata lagi: “Apabila seorang mukmin mahu meninggal dunia dan menuju ke alam akhirat, maka para malaikat yang wajahnya putih berseri akan turun dari langit. Wajah mereka itu cerah seperti sinaran matahari. Mereka membawa kain kafan daripada kafan di syurga, dan membawa wangian daripada wangian syurga. Lalu mereka duduk di sisi jenazah sejauh mata memandang. Kemudian datanglah Malaikat Maut ‘alaihissalam lalu duduk di kepala jenazah itu.

فَيَقُولُ : أَيَّتُهَا النَّفْسُ الطَّيِّبَةُ ، اخْرُجِي إِلَى مَغْفِرَةٍ مِنَ اللهِ وَرِضْوَانٍ . قَالَ : فَتَخْرُجُ تَسِيلُ كَمَا تَسِيلُ الْقَطْرَةُ مِنْ فِي السِّقَاءِ ، فَيَأْخُذُهَا ، فَإِذَا أَخَذَهَا لَمْ يَدَعُوهَا فِي يَدِهِ طَرْفَةَ عَيْنٍ حَتَّى يَأْخُذُوهَا ، فَيَجْعَلُوهَا فِي ذَلِكَ الْكَفَنِ ، وَفِي ذَلِكَ الْحَنُوطِ ، وَيَخْرُجُ مِنْهَا كَأَطْيَبِ نَفْحَةِ مِسْكٍ وُجِدَتْ عَلَى وَجْهِ الأَرْضِ

Lalu Malaikat Maut itu berkata: “Wahai roh yang bersih, keluarlah menghadap keampunan dan keredhaan Allah”. Sabda Nabi sallahu `alaihi wassallam: “Maka roh itu pun keluar mengalir bagaikan titisan air mengalir ke tempat minuman lantas Malaikat Maut pun mengambilnya. Setelah Malaikat Maut mengambilnya,malaikat-malaikat yang pun segera mengambilnya, lalu mereka meletakkan roh itu pada kain kafan dan wangian tadi. Roh itu keluar dari tubuhnya bagaikan haruman kasturi paling wangi yang pernah terdapat di bumi ini.

قَالَ : فَيَصْعَدُونَ بِهَا ، فَلاَ يَمُرُّونَ ، يَعْنِي بِهَا ، عَلَى مَلإٍ مِنَ الْمَلاَئِكَةِ ، إِلاَّ قَالُوا : مَا هَذَا الرُّوحُ الطَّيِّبُ ؟ فَيَقُولُونَ : فُلاَنُ بْنُ فُلاَنٍ ، بِأَحْسَنِ أَسْمَائِهِ الَّتِي كَانُوا يُسَمُّونَهُ بِهَا فِي الدُّنْيَا ، حَتَّى يَنْتَهُوا بِهَا إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا ، فَيَسْتَفْتِحُونَ لَهُ ، فَيُفْتَحُ لَهُمْ فَيُشَيِّعُهُ مِنْ كُلِّ سَمَاءٍ مُقَرَّبُوهَا إِلَى السَّمَاءِ الَّتِي تَلِيهَا ، حَتَّى يُنْتَهَى بِهِ إِلَى السَّمَاءِ السَّابِعَةِ ،

“Kemudian malaikat-malaikat tersebut membawanya naik ke langit. Tidaklah para malaikat itu yang sedang membawa roh itu melalui sekumpulan malaikat melainkan malaikat-malaikat itu akan berkata: “Roh siapakah yang amat harum ini?” Malaikat-malaikat yang membawa roh tersebut menjawab: “Ini adalah fulan bin fulan” sambil menyebut namanya yang paling baik yang pernah diberikan kepadanya di dunia, sehinggalah mereka tiba di langit dunia. Malaikat tersebut

meminta supaya dibukakan pintu dan malaikat penjaga langit dunia pun membukanya. Setiap kali roh tersebut naik ke atas langit berikutnya, ia dihantar oleh malaikat muqarrabin sehingga sampai ke langit ketujuh.

(فَجَلَسُوا مِنْهُ مَدَّ الْبَصَرِ ، حَتَّى إِذَا خَرَجَ رُوحُهُ ، صَلَّى عَلَيْهِ كُلُّ مَلَكٍ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالأَرْضِ ، وَكُلُّ مَلَكٍ فِي السَّمَاءِ ، وَفُتِحَتْ لَهُ أَبْوَابُ السَّمَاءِ ، لَيْسَ مِنْ أَهْلِ بَابٍ إِلاَّ وَهُمْ يَدْعُونَ اللَّهَ : أَنْ يُعْرَجَ بِرُوحِهِ مِنْ قِبَلِهِمْ ، فَإِذَا عُرِجَ بِرُوحِهِ قَالُوا : رَبِّ عَبْدُكَ فُلاَنٌ ،)

(Dalam riwayat lain: Para malaikat akan duduk sejauh mata memandang sehinggalah roh itu keluar. Apabila roh itu keluar, semua malaikat yang ada di antara langit dan bumi, dan semua malaikat di langit akan berdoa kepada roh tadi. Lalu dibukakan pintu-pintu langit untuk roh itu. Kesemua malaikat yang menjaga pintu itu akan berdoa kepada Allah agar roh itu akan dinaikkan ke langit bersama mereka. Apabila mereka naik ke langit bersama roh itu, mereka berkata: Tuhan ku. Ini hamba Mu si fulan)

فَيَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ : اكْتُبُوا كِتَابَ عَبْدِي فِي عِلِّيِّينَ ، وَأَعِيدُوهُ إِلَى الأَرْضِ ، فَإِنِّي مِنْهَا خَلَقْتُهُمْ ، وَفِيهَا أُعِيدُهُمْ ، وَمِنْهَا أُخْرِجُهُمْ تَارَةً أُخْرَى . قَالَ : فَتُعَادُ رُوحُهُ فِي جَسَدِهِ ، (قَالَ : فَإِنَّهُ يَسْمَعُ خَفْقَ نِعَالِ أَصْحَابِهِ ، إِذَا وَلَّوْا عَنْهُ)

Lalu Allah `Azza Wa Jalla berfirman kepada para malaikat tersebut: “Tulislah catatan amal hamba-Ku ini di tempat yang mulia bernama ‘Iliyyin dan kembalikanlah rohnya ke bumi. Sesungguhnya Aku telah Menciptakannya daripadanya (tanah) dan Aku kembalikan dia ke tanah serta suatu masa nanti Aku akan mengeluarkan mereka daripadanya.” Nabi sallahu `alaihi wassallam berkata: Maka roh itu dikembalikan ke jasadnya. *(Dalam riwayat lain: Baginda berkata: “Sesungguhnya jenazah itu akan mendengar suara tapak kasut sahabat-sahabatnya yang pulang meninggalkan dirinya).*

فَيَأْتِيهِ مَلَكَانِ ، فَيُجْلِسَانِهِ ، فَيَقُولاَنِ لَهُ (فَيَنْتَهِرُهُ): مَنْ رَبُّكَ ؟ فَيَقُولُ : رَبِّيَ اللَّهُ ، فَيَقُولاَنِ لَهُ: مَا دِينُكَ ؟ فَيَقُولُ : دِينِيَ الإِسْلاَمُ ، فَيَقُولاَنِ لَهُ : مَا هَذَا الرَّجُلُ الَّذِي بُعِثَ فِيكُمْ ؟ فَيَقُولُ : هُوَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَيَقُولاَنِ لَهُ : وَمَا عِلْمُكَ ؟ فَيَقُولُ : قَرَأْتُ كِتَابَ اللهِ ، فَآمَنْتُ بِهِ وَصَدَّقْتُ ، (فَيَقُولُ لَهُ : صَدَقْتَ)

(وَهِيَ آخِرُ فِتْنَةٍ تُعْرَضُ عَلَى الْمُؤْمِنِ ، فَذَلِكَ حِينَ يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ : {يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الآخِرَةِ})

Lalu datanglah dua malaikat lalu kedua-duanya mendudukkan jenazah tersebut di dalam kubur. Kedua-dua malaikat itu bertanya *(dalam riwayat lain: Malaikat itu akan bertanya dengan kasar)* : “Siapakah Tuhan-mu”? Dia menjawab: Tuhanku adalah Allah. “Apakah agamamu”? Dia

menjawab: Agamaku Islam. “Siapakah lelaki yang pernah diutus kepada kamu”? Dia menjawab: Dia adalah Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam. “Apakah ilmu kamu”? Dia menjawab: Aku membaca Kitab Allah (al-Quran), lalu aku mengimaninya dan mempercayainya. *(Dalam riwayat lain: Malaikat berkata kepada jenazah itu: Engkau benar)*

(Dalam riwayat lain: Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Itu merupakan itu merupakan ujian akhir yang akan dikenakan kepada orang beriman. Inilah maksud firman Allah: Allah meneguhkan [iman] orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu dalam kehidupan di dunia dan di akhirat [Ibrahim : 27]

فَيُنَادِي مُنَادٍ فِي السَّمَاءِ : أَنْ صَدَقَ عَبْدِي ، فَأَفْرِشُوهُ مِنَ الْجَنَّةِ ، وَأَلْبِسُوهُ مِنَ الْجَنَّةِ ، وَافْتَحُوا لَهُ بَابًا إِلَى الْجَنَّةِ . قَالَ : فَيَأْتِيهِ مِنْ رَوْحِهَا ، وَطِيبِهَا ، وَيُفْسَحُ لَهُ فِي قَبْرِهِ مَدَّ بَصَرِهِ . قَالَ : وَيَأْتِيهِ رَجُلٌ حَسَنُ الْوَجْهِ ، حَسَنُ الثِّيَابِ ، طَيِّبُ الرِّيحِ ، فَيَقُولُ : أَبْشِرْ بِالَّذِي يَسُرُّكَ ، هَذَا يَوْمُكَ الَّذِي كُنْتَ تُوعَدُ ، فَيَقُولُ لَهُ : مَنْ أَنْتَ ؟ فَوَجْهُكَ الْوَجْهُ يَجِيءُ بِالْخَيْرِ ، فَيَقُولُ : أَنَا عَمَلُكَ الصَّالِحُ ، فَيَقُولُ : رَبِّ أَقِمِ السَّاعَةَ حَتَّى أَرْجِعَ إِلَى أَهْلِي ، وَمَالِي .

Lalu penyeru di langit berkata: “Benarlah apa yang dikatakan hamba-Ku itu! Oleh demikian, hamparkan permaidani dari syurga, berilah pakaian dari syurga dan bukakanlah pintu syurga baginya”. Di datangkan kepada bau dan wangian syurga. Kuburnya pula diluaskan sejauh mata memandang. Sabda Nabi sallahu `alaihi wassallam: “Kemudian datang kepadanya seorang lelaki yang mempunyai rupa paras yang cantik, memakai pakaian yang indah dan memakai wangian. Lelaki itu berkata: “Berbahagialah dengan pelbagai kesenangan yang disediakan kepadamu hari ini. Inilah hari yang telah dijanjikan kepadamu”. Dia (jenazah) bertanya kepada lelaki itu: “Siapakah kamu ini? Sebab wajahmu ialah wajah yang datang dengan kebaikan”. Lelaki itu menjawab: “Aku adalah amal soleh kamu”. Lalu jenazah itu berkata: “Wahai Tuhanku, segerakanlah hari kiamat, sebab aku ingin berkumpul bersama-sama keluargaku dan hartaku”.

(فَيَقُولُ أَنَا عَمَلُكَ الصَّالِحُ ، كُنْتَ وَاللَّهِ سَرِيعًا فِي طَاعَةِ اللهِ ، بَطِيئًا عَنْ مَعْصِيَةِ اللهِ ، فَجَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا ، ثُمَّ يُفْتَحُ لَهُ بَابٌ مِنَ الْجَنَّةِ ، وَبَابٌ مِنَ النَّارِ ، فَيُقَالُ : هَذَا كَانَ مَنْزِلَكَ لَوْ عَصَيْتَ اللَّهَ ، أَبْدَلَكَ اللَّهُ بِهِ هَذَا ، فَإِذَا رَأَى مَا فِي الْجَنَّةِ قَالَ : رَبِّ عَجِّلْ قِيَامَ السَّاعَةِ كَيْمَا أَرْجِعَ إِلَى أَهْلِي وَمَالِي ، فَيُقَالُ لَهُ : اسْكُنْ .)

(Dalam riwayat lain: (Lelaki yang cantik itu berkata): “Aku adalah amal soleh kamu. Engkau dahulu selalu bersegera melakukan ketaatan kepada Allah, dan menjauhkan diri daripada maksiat kepada Allah. Allah telah mengurniakan kepada engkau kebaikan”. Kemudian dibukakan untuk jenazah itu pintu syurga dan pintu neraka. Lalu dikatakan kepada jenazah itu: “Inilah tempat engkau jika engkau melakukan maksiat kepada Allah, Allah telah menggantikan untuk engkau tempat ini (iaitu syurga)”. Apabila jenazah itu melihat keadaan syurga, dia pun berkata: “Tuhan ku, segerakan hari kiamat agar aku boleh pulang kepada keluarga ku dan harta ku”. Lalu dikatakan kepada jenazah itu: “Tinggallah engkau di sini”.)

قَالَ : وَإِنَّ الْعَبْدَ الْكَافِرَ إِذَا كَانَ فِي انْقِطَاعٍ مِنَ الدُّنْيَا وَإِقْبَالٍ مِنَ الآخِرَةِ ، نَزَلَ إِلَيْهِ مِنَ السَّمَاءِ مَلاَئِكَةٌ سُودُ الْوُجُوهِ ،مَعَهُمُ الْمُسُوحُ ، فَيَجْلِسُونَ مِنْهُ مَدَّ الْبَصَرِ ، ثُمَّ يَجِيءُ مَلَكُ الْمَوْتِ ، حَتَّى يَجْلِسَ عِنْدَ رَأْسِهِ ، فَيَقُولُ : أَيَّتُهَا النَّفْسُ الْخَبِيثَةُ ، اخْرُجِي إِلَى سَخَطٍ مِنَ اللهِ وَغَضَبٍ . قَالَ : فَتُفَرَّقُ فِي جَسَدِهِ ، فَيَنْتَزِعُهَا كَمَا يُنْتَزَعُ السَّفُّودُ مِنَ الصُّوفِ الْمَبْلُولِ ،(وَتُنْزَعُ نَفْسُهُ مَعَ الْعُرُوقِ)

Lalu Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda pula: “Apabila orang kafir meninggal dunia dan menuju akhirat, maka turunlah para malaikat dari langit kepadanya yang berwajah hitam dan membawa kain yang kasar. Mereka duduk di sisinya sejauh mata memandang. Kemudian datanglah Malaikat Maut dan duduk di sebelah kepalanya lalu berkata: “Wahai roh yang busuk, keluarlah untuk menghadap kemurkaan dan kemarahan Allah”. Nabi sallahu `alaihi wassallam berkata lagi: “Rohnya itu berhambur di dalam tubuhnya lalu Malaikat Maut mencabutnya bagaikan mencabut besi panas dari kain kapas yang basah *(Dalam riwayat lain: Dan dicabut rohnya bersama-sama urat-uratnya).*

فَيَأْخُذُهَا ، فَإِذَا أَخَذَهَا لَمْ يَدَعُوهَا فِي يَدِهِ طَرْفَةَ عَيْنٍ حَتَّى يَجْعَلُوهَا فِي تِلْكَ الْمُسُوحِ ، وَيَخْرُجُ مِنْهَا كَأَنْتَنِ رِيحِ جِيفَةٍ وُجِدَتْ عَلَى وَجْهِ الأَرْضِ ، فَيَصْعَدُونَ بِهَا ، فَلاَ يَمُرُّونَ بِهَا عَلَى مَلأٍ مِنَ الْمَلاَئِكَةِ ، إِلاَّ قَالُوا : مَا هَذَا الرُّوحُ الْخَبِيثُ ؟ فَيَقُولُونَ : فُلاَنُ بْنُ فُلاَنٍ بِأَقْبَحِ أَسْمَائِهِ الَّتِي كَانَ يُسَمَّى بِهَا فِي الدُّنْيَا ، حَتَّى يُنْتَهَى بِهِ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا ، فَيُسْتَفْتَحُ لَهُ ، فَلاَ يُفْتَحُ لَهُ ، ثُمَّ قَرَأَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : {لاَ تُفَتَّحُ لَهُمْ أَبْوَابُ السَّمَاءِ وَلاَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّى يَلِجَ الْجَمَلُ فِي سَمِّ الْخِيَاطِ}

Malaikat Maut mengambilnya dan diserahkan kepada malaikat yang ada di sekelilingnya. Mereka terus memasukkan roh itu ke dalam kain yang kasar tersebut. Sebaik sahaja roh tersebut keluar, ia mengeluarkan bau seperti bangkai paling busuk yang pernah ditemui di bumi ini. Kemudian mereka membawanya naik ke atas langit dan setiap kali malaikat dan roh itu melewati rombongan malaikat, mereka pasti tertanya-tanya: “Roh siapakah yang berbau busuk ini? Malaikat-malaikat yang membawa roh itu menjawab: Roh si polan bin si polan sambil menyebut dan memanggil nama yang terburuk yang pernah menjadi panggilannya di dunia, sehinggalah roh itu tiba di langit dunia. Malaikat pembawa roh itu meminta supaya pintu langit dibukakan, tetapi tidak dibukakan untuknya. Kemudian Rasulullah sallallahu `alaihi wassallam membaca firman Allah dalam surah al-A’raf, ayat 40 yang bermaksud: "…Tidak sekali-kali akan dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit dan mereka tidak akan masuk syurga sehinggalah unta masuk ke lubang jarum.”

(، فَيَلْعَنُهُ كُلُّ مَلَكٍ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالأَرْضِ ، وَكُلُّ مَلَكٍ فِي السَّمَاءِ ، وَتُغْلَقُ أَبْوَابُ السَّمَاءِ ، لَيْسَ مِنْ أَهْلِ بَابٍ ، إِلاَّ وَهُمْ يَدْعُونَ اللَّهَ : أَنْ لاَ تَعْرُجَ رُوحُهُ مِنْ قِبَلِهِمْ ،)

(Dalam riwayat lain: Semua malaikat yang ada antara langit dan bumi dan yang berada di langit melaknat roh itu. Pintu-pintu langit ditutup. Kesemua malaikat yang menjaga pintu itu akan berdoa kepada Allah agar roh itu tidak dinaikkan bersama mereka)

فَيَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ : اكْتُبُوا كِتَابَهُ فِي سِجِّينٍ فِي الأَرْضِ السُّفْلَى ، فَتُطْرَحُ رُوحُهُ طَرْحًا . ثُمَّ قَرَأَ : {وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ ، فَكَأَنَّمَا خَرَّ مِنَ السَّمَاءِ فَتَخْطَفُهُ الطَّيْرُ أَوْ تَهْوِي بِهِ الرِّيحُ فِي مَكَانٍ سَحِيقٍ} فَتُعَادُ رُوحُهُ فِي جَسَدِهِ ،

(قَالُوا : رَبِّ فُلاَنُ بْنُ فُلاَنٍ عَبْدُكَ ، قَالَ : أَرْجِعُوهُ ، فَإِنِّي عَهِدْتُ إِلَيْهِمْ أَنِّي مِنْهَا خَلَقْتُهُمْ ، وَفِيهَا أُعِيدُهُمْ ، وَمِنْهَا أُخْرِجُهُمْ تَارَةً أُخْرَى ، قَالَ : فَإِنَّهُ لَيَسْمَعُ خَفْقَ نِعَالِ أَصْحَابِهِ ، إِذَا وَلَّوْا عَنْهُ)

Sejurus selepas itu, Allah `Azza Wa Jalla berfirman: “Tulislah catatan amalnya di dalam tempat yang hina (As-Sijjin) dalam lapisan bumi paling bawah. Maka, roh itu dilempar. Kemudian Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam membaca firman Allah dalam surah al-Hajj, ayat 31 yang bermaksud: "...Dan sesiapa yang mempersekutukan sesuatu yang lain dengan Allah, maka seolah-olah dia jatuh dari langit lalu disambar burung atau dihumbankan oleh angin ke tempat yang jauh (yang membinasakan)”. Lalu roh itu akan dipulangkan ke jasadnya.

(Dalam riwayat lain, baginda berkata: Sesungguhnya jenazah itu akan mendengar suara tapak kasut sahabat-sahabatnya yang pulang meninggalkan dirinya)

وَيَأْتِيهِ مَلَكَانِ ، فَيُجْلِسَانِهِ ، فَيَقُولاَنِ لَهُ : مَنْ رَبُّكَ ؟ فَيَقُولُ : هَاهْ هَاهْ لاَ أَدْرِي ، فَيَقُولاَنِ لَهُ : مَا دِينُكَ ؟ فَيَقُولُ : هَاهْ هَاهْ لاَ أَدْرِي ، فَيَقُولاَنِ لَهُ : مَا هَذَا الرَّجُلُ الَّذِي بُعِثَ فِيكُمْ ؟ فَيَقُولُ : هَاهْ هَاهْ لاَ أَدْرِي ، فَيُنَادِي مُنَادٍ مِنَ السَّمَاءِ أَنْ كَذَبَ ، فَافْرِشُوا لَهُ مِنَ النَّارِ ، وَافْتَحُوا لَهُ بَابًا إِلَى النَّارِ ، فَيَأْتِيهِ مِنْ حَرِّهَا ، وَسَمُومِهَا ، وَيُضَيَّقُ عَلَيْهِ قَبْرُهُ حَتَّى تَخْتَلِفَ فِيهِ أَضْلاَعُهُ ،

Lalu datanglah kepadanya dua malaikat dan mendudukkannya.Kedua malaikat itu bertanya: “Siapakah Tuhanmu”? Dia menjawab: Hah, hah, aku tidak tahu. Malaikat itu bertanya lagi: “Apa agamamu”? Dia menjawab: “Hah, hah… aku tidak tahu. Kedua malaikat itu bertanya lagi: “Apakah yang akan kamu katakan kepada lelaki yang pernah diutus kepada kamu”? Dia menjawab: Hah, hah… aku tidak tahu. Penyeru di langit pun berkata: “Dia berbohong. Oleh yang demikian, hamparkan permaidani dari neraka dan bukakanlah pintu neraka untuknya. Maka dia pun didatangi panas dan racun dan kuburnya pula disempitkan sehingga tulang-belulangnya menjadi remuk.

وَيَأْتِيهِ رَجُلٌ قَبِيحُ الْوَجْهِ ، قَبِيحُ الثِّيَابِ ، مُنْتِنُ الرِّيحِ ، فَيَقُولُ : أَبْشِرْ بِالَّذِي يَسُوءُكَ ، هَذَا يَوْمُكَ الَّذِي كُنْتَ تُوعَدُ ، فَيَقُولُ : مَنْ أَنْتَ ؟ فَوَجْهُكَ الْوَجْهُ يَجِيءُ بِالشَّرِّ ، فَيَقُولُ : أَنَا عَمَلُكَ الْخَبِيثُ ، فَيَقُولُ : رَبِّ لاَ تُقِمِ السَّاعَةَ.

Selepas itu dia didatangi seseorang yang berwajah buruk, berpakaian kotor dan berbau busuk. Lalu orang itu berkata: “bergembiralah kamu dengan pelbagai keburukan yang disediakan kepadamu hari ini. Inilah hari yang telah dijanjikan kepadamu. Dia bertanya kepada lelaki itu:

Siapakah kamu ini? Sebab wajahmu menampilkan dan mendatangkan keburukan. Aku adalah amal kamu yang jahat itu". Maka dia pun berkata: "Wahai Tuhanku, janganlah Engkau jadikan hari kiamat."

(فَيَقُولُ : أَنَا عَمَلُكَ الْخَبِيثُ ، كُنْتَ بَطِيئًا عَنْ طَاعَةِ اللهِ ، سَرِيعًا فِي مَعْصِيَةِ اللهِ ، فَجَزَاكَ اللَّهُ شَرًّا ، ثُمَّ يُقَيَّضُ لَهُ أَعْمَى أَصَمُّ أَبْكَمُ فِي يَدِهِ مِرْزَبَةٌ ، لَوْ ضُرِبَ بِهَا جَبَلٌ كَانَ تُرَابًا ، فَيَضْرِبُهُ ضَرْبَةً حَتَّى يَصِيرَ تُرَابًا ، ثُمَّ يُعِيدُهُ اللَّهُ كَمَا كَانَ ، فَيَضْرِبُهُ ضَرْبَةً أُخْرَى ، فَيَصِيحُ صَيْحَةً يَسْمَعُهُ كُلُّ شَيْءٍ إِلاَّ الثَّقَلَيْنِ. قَالَ الْبَرَاءُ بْنُ عَازِبٍ : ثُمَّ يُفْتَحُ لَهُ بَابٌ مِنَ النَّارِ وَيُمَهَّدُ مِنْ فُرُشِ النَّارِ.)

(Dalam riwayat lain: Aku adalah amal kejahatan engkau. Engkau dahulunya sering lambat daripada melakukan ketaatan kepada Allah dan segera melakukan maksiat kepada Allah. Moga Allah membalas engkau dengan keburukan. Kemudian seseorang yang buta, pekak dan bisu yang memegang pemukul datang untuk menghancurka jenazah itu. Seandainya dia memukul bukit dengan pemukul itu bukit itu akan menjadi debu. Lalu dia memukul jenazah tadi hingga ia menjadi debu. Kemudian Allah mengembalikan jenazah itu kepada keadaan sebelumnya, lalu orang itu memukulnya dengan pukulan yang lain, lalu jenazah itu menjerit dengan jeritan yang didengari oleh semua makhluk kecuali jin dan manusia. Al-Bara' berkata: Kemudian pintu neraka dibuka, lalu dihamparkan permaidani neraka)

[Musnad Ahmad, Musnad Al-Kufiyyin, Hadis Al-Bara' bin 'Azib, hadis no: 18557, Shaikh al-Arnaouth berkata: Sanadnya sahih] Yang di dalam kurungan pula [Musnad, Ahmad, Musnad Al-Kufiyyin, Hadis Al-Bara' bin 'Azib, hadis no: 18637, Shaikh al-Arnaouth berkata: Sanadnya lemah]

Wajah malaikat

Dalam hadis Al-Bara' disebutkan:

ثُمَّ قَالَ : إِنَّ الْعَبْدَ الْمُؤْمِنَ إِذَا كَانَ فِي انْقِطَاعٍ مِنَ الدُّنْيَا وَإِقْبَالٍ مِنَ الآخِرَةِ ، نَزَلَ إِلَيْهِ مَلاَئِكَةٌ مِنَ السَّمَاءِ بِيضُ الْوُجُوهِ ، كَأَنَّ وُجُوهَهُمُ الشَّمْسُ ، مَعَهُمْ كَفَنٌ مِنْ أَكْفَانِ الْجَنَّةِ ، وَحَنُوطٌ مِنْ حَنُوطِ الْجَنَّةِ ، حَتَّى يَجْلِسُوا مِنْهُ مَدَّ الْبَصَرِ ، ثُمَّ يَجِيءُ مَلَكُ الْمَوْتِ ، عَلَيْهِ السَّلاَمُ ، حَتَّى يَجْلِسَ عِنْدَ رَأْسِهِ ،

Kemudian baginda berkata lagi: "Apabila seorang mukmin mahu meninggal dunia dan menuju ke alam akhirat, maka para malaikat yang wajahnya putih berseri akan turun dari langit. Wajah mereka itu cerah seperti sinaran matahari. Mereka membawa kain kafan daripada kafan di syurga, dan membawa wangian daripada wangian syurga. Lalu mereka duduk di sisi jenazah sejauh mata memandang. Kemudian datanglah Malaikat Maut 'alaihissalam lalu duduk di kepala jenazah itu.

Inilah kenikmatan sejak awal kematian manusia yang beriman. Didatangi malaikat yang wajahnya menenangkan, diberikan pula wangian dan kain kafan daripada syurga.

Adapun manusia yang kufur, lain pula keadaannya;

قَالَ : وَإِنَّ الْعَبْدَ الْكَافِرَ إِذَا كَانَ فِي انْقِطَاعٍ مِنَ الدُّنْيَا وَإِقْبَالٍ مِنَ الآخِرَةِ ، نَزَلَ إِلَيْهِ مِنَ السَّمَاءِ مَلاَئِكَةٌ سُودُ الْوُجُوهِ ،مَعَهُمُ الْمُسُوحُ ، فَيَجْلِسُونَ مِنْهُ مَدَّ الْبَصَرِ ، ثُمَّ يَجِيءُ مَلَكُ الْمَوْتِ ، حَتَّى يَجْلِسَ عِنْدَ رَأْسِهِ

Lalu Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda pula: “Apabila orang kafir meninggal dunia dan menuju akhirat, maka turunlah para malaikat dari langit kepadanya yang berwajah hitam dan membawa kain yang kasar. Mereka duduk di sisinya sejauh mata memandang. Kemudian datanglah Malaikat Maut dan duduk di sebelah kepalanya.

Wajah yang gelap dan kain kafan yang kasar. Inilah balasan bagi manusia-manusia yang hidup di dunia melanggar perintah Allah.

Adakah insan sekeliling dapat melihat apa yang berlaku kepada jenazah? Manusia tidak dapat melihatnya kerana ia merupakan urusan roh, dan urusan roh adalah urusan-urusan yang termasuk perkara ghaib. Ketidakmampuan manusia melihat apa yang berlaku kepada roh jenazah disebutkan di dalam al-Quran, surah Al-Waqi’ah ayat 83-85, firman Allah:

فَلَوْلَا إِذَا بَلَغَتِ الْحُلْقُومَ (83) وَأَنْتُمْ حِينَئِذٍ تَنْظُرُونَ (84) وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْكُمْ وَلَكِنْ لَا تُبْصِرُونَ (85)

Maka mengapa ketika nyawa sampai di kerongkong, (83) padahal kamu ketika itu melihat, (84) dan Kami lebih dekat kepadanya daripada kamu. Tetapi kamu tidak melihat, (85)

Kata Al-Imam Ibn Kathir:

يقول تعالى: { فَلَوْلا إِذَا بَلَغَتِ } أي: الروح { الْحُلْقُومَ } أي: الحلق، وذلك حين الاحتضار..ولهذا قال هاهنا: { وَأَنْتُمْ حِينَئِذٍ تَنْظُرُونَ } أي: إلى المحتضر وما يُكابده من سكرات الموت. وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْكُمْ } أي: بملائكتنا { وَلَكِنْ لا تُبْصِرُونَ } أي: ولكن لا ترونهم.

Allah menyatakan: Apabila roh telah sampai ke halqum, dan orang yang hadir melihat apa yang berlaku pada saat sakaratul maut. Ketika itu “Kami lebih dekat dengan si jenazah daripada mereka” Kami ini bermaksud malaikat-malaikat kami. Akan tetapi kalian tidak dapat melihat mereka (iaitu malaikat-malaikat tersebut).[8]

Malaikat menyampaikan berita gembira bagi yang beriman dan kecaman bagi yang kufur

Dalam hadis Al-Bara’ disebutkan:

[8] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 7, m/s 548

فَيَقُولُ : أَيَّتُهَا النَّفْسُ الطَّيِّبَةُ ، اخْرُجِي إِلَى مَغْفِرَةٍ مِنَ اللهِ وَرِضْوَانٍ . قَالَ : فَتَخْرُجُ تَسِيلُ كَمَا تَسِيلُ الْقَطْرَةُ مِنْ فِي السِّقَاءِ ، فَيَأْخُذُهَا ، فَإِذَا أَخَذَهَا لَمْ يَدَعُوهَا فِي يَدِهِ طَرْفَةَ عَيْنٍ حَتَّى يَأْخُذُوهَا ، فَيَجْعَلُوهَا فِي ذَلِكَ الْكَفَنِ ، وَفِي ذَلِكَ الْحَنُوطِ ، وَيَخْرُجُ مِنْهَا كَأَطْيَبِ نَفْحَةِ مِسْكٍ وُجِدَتْ عَلَى وَجْهِ الأَرْضِ

Lalu Malaikat Maut itu berkata: “Wahai roh yang bersih, keluarlah menghadap keampunan dan keredhaan Allah”. Sabda Nabi sallahu `alaihi wassallam: “Maka roh itu pun keluar mengalir bagaikan titisan air mengalir ke tempat minuman lantas Malaikat Maut pun mengambilnya. Setelah Malaikat Maut mengambilnya,malaikat-malaikat yang pun segera mengambilnya, lalu mereka meletakkan roh itu pada kain kafan dan wangian tadi. Roh itu keluar dari tubuhnya bagaikan haruman kasturi paling wangi yang pernah terdapat di bumi ini.

Hal ini juga disebut dalam al-Quran, surah al-Fussilat, ayat 30-32:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ (30)

Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan: "Tuhan kami ialah Allah" kemudian mereka meneguhkan pendirian mereka, **maka malaikat akan turun kepada mereka [lalu berkata]: "Janganlah kamu berasa takut dan janganlah kamu berasa sedih; dan bergembiralah kamu dengan syurga yang telah dijanjikan Allah kepadamu**".

Adapun bagi yang kufur;

، فَيَقُولُ : أَيَّتُهَا النَّفْسُ الْخَبِيثَةُ ، اخْرُجِي إِلَى سَخَطٍ مِنَ اللهِ وَغَضَبٍ .

lalu berkata: “Wahai roh yang busuk, keluarlah untuk menghadap kemurkaan dan kemarahan Allah”.

Ini juga disebut dalam al-Quran, dalam surah Al-Anfal, ayat 50-51:

وَلَوْ تَرَى إِذْ يَتَوَفَّى الَّذِينَ كَفَرُوا الْمَلَائِكَةُ يَضْرِبُونَ وُجُوهَهُمْ وَأَدْبَارَهُمْ وَذُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ (50) ذَلِكَ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِظَلَّامٍ لِلْعَبِيدِ (51)

Kalau kamu melihat ketika para malaikat mencabut jiwa orang-orang yang kafir seraya memukul muka dan belakang mereka [dan berkata]: "Rasakanlah olehmu siksa neraka yang membakar" (50)Demikian itu disebabkan oleh perbuatan tanganmu sendiri. Sesungguhnya Allah sekali-kali tidak menzalim hamba-Nya, (51)

Sakaratut Maut

Firman Allah dalam surah Qaf, ayat 19:

وَجَاءَتْ سَكْرَةُ الْمَوْتِ بِالْحَقِّ ذَلِكَ مَا كُنْتَ مِنْهُ تَحِيدُ (19)

Dan datanglah sakaratulmaut dengan sebenar-benarnya. Itulah yang kamu selalu lari daripadanya. (19)

Kesakitan ketika mati ini turut dirasai oleh Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam.

أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا كَانَتْ تَقُولُ : إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ بَيْنَ يَدَيْهِ رَكْوَةٌ أَوْ عُلْبَةٌ فِيهَا مَاءٌ ، يَشُكُّ عُمَرُ ، فَجَعَلَ يُدْخِلُ يَدَيْهِ فِي الْمَاءِ ، فَيَمْسَحُ بِهِمَا وَجْهَهُ وَيَقُولُ : " لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ إِنَّ لِلْمَوْتِ سَكَرَاتٍ " ، ثُمَّ نَصَبَ يَدَهُ ، فَجَعَلَ يَقُولُ : " فِي الرَّفِيقِ الْأَعْلَى " ، حَتَّى قُبِضَ وَمَالَتْ يَدُهُ ، قَالَ أَبُو عَبْد اللَّهِ : الْعُلْبَةُ مِنَ الْخَشَبِ ، وَالرَّكْوَةُ مِنَ الْأَدَمِ

Aisyah radiallahu ‘anha menceritakan bahawa di hadapan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam terdapat bekas yang berisi air. Lalu baginda memasukkan kedua tangannya ke dalam, dan menyapu wajahnya seraya berkata: Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah. Sesungguhnya pada kematian itu ada kesakitan. Kemudian baginda mengangkat tangannya lalu berkata: (Menuju) kepada teman yang Maha Tinggi, sehinggalah baginda wafat dan diturunkan tangannya.

[Sahih al-Bukhari, Kitab ar-Riqaq, hadis no: 6056]

قَالَتْ عَائِشَةُ : " مَا رَأَيْتُ الْوَجَعَ عَلَى أَحَدٍ أَشَدَّ مِنْهُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " , قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata: Aku tidak pernah melihat seseorang yang lebih kuat sakitnya melebihi yang menimpa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam.

[Sunan at-Tirmizi, Kitab az-Zuhd, hadis no: 2334. Hasan sahih]

Ini menunjukkan bahawa kesakitan ketika kematian bukan hanya menimpa orang-orang kafir, bahkan ia menimpa manusia yang beriman seperti mana yang dialami oleh Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam.

Al-Hafiz Ibn Hajar Al-Asqalani menyatakan:

وفي الحديث أن شدة الموت لا تدل على نقص في المرتبة بل هي للمؤمن اما زيادة في حسناته واما تكفير لسيأته

Pada hadis ini menunjukkan bahawa kesukaran ketika mati tidak menunjukkan rendahnya martabat seseorang. Bahkan untuk seorang Mukmin, ia boleh jadi penambah kepada pahalanya dan boleh jadi penghapus kepada dosa-dosanya.[9]

Orang kafir lebih berat sakaratnya

Sudah pasti, manusia yang kufur lebih berat kesakitan ketika matinya. Dalam hadis Al-Bara' bin 'Azib disebutkan:

قَالَ : فَتُفَرَّقُ فِي جَسَدِهِ ، فَيَنْتَزِعُهَا كَمَا يُنْتَزَعُ السَّفُّودُ مِنَ الصُّوفِ الْمَبْلُولِ ،(وَتُنْزَعُ نَفْسُهُ مَعَ الْعُرُوقِ)

Nabi sallahu `alaihi wassallam berkata lagi: "Rohnya itu berhambur di dalam tubuhnya lalu Malaikat Maut mencabutnya bagaikan mencabut besi panas dari kain kapas yang basah *(Dalam riwayat lain: Dan dicabut rohnya bersama-sama urat-uratnya).*

Allah berfirman:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ قَالَ أُوحِيَ إِلَيَّ وَلَمْ يُوحَ إِلَيْهِ شَيْءٌ وَمَنْ قَالَ سَأُنْزِلُ مِثْلَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَوْ تَرَى إِذِ الظَّالِمُونَ فِي غَمَرَاتِ الْمَوْتِ وَالْمَلَائِكَةُ بَاسِطُو أَيْدِيهِمْ أَخْرِجُوا أَنْفُسَكُمُ الْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ الْهُونِ بِمَا كُنْتُمْ تَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ وَكُنْتُمْ عَنْ آيَاتِهِ تَسْتَكْبِرُونَ (93(

Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang membuat kedustaan terhadap Allah atau yang berkata: "Telah diwahyukan kepada saya", padahal tidak ada diwahyukan sesuatupun kepadanya, dan orang yang berkata: "Saya akan menurunkan seperti apa yang diturunkan Allah". **Alangkah dahsyatnya sekiranya kamu melihat di waktu orang-orang yang zalim [berada] dalam tekanan-tekanan sakratul maut, sedang para malaikat memukul dengan tangannya, [sambil berkata]: "Keluarkanlah nyawamu".** Di hari ini kamu dibalas dengan seksaan yang sangat menghinakan, ini kerana kamu selalu mengatakan terhadap Allah [perkataan] yang tidak benar dan [kerana] kamu selalu menyombongkan diri terhadap ayat-ayat-Nya. [Al-An'am : 93]

Yang mendapat keringanan sakaratul maut

Akan tetapi terdapat insan yang tidak akan mengalami kesakitan ketika mati, iaitu manusia yang mati syahid. Dia hanya akan mengalami rasa sakit sedikit seperti digigit serangga sahaja.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَا يَجِدُ الشَّهِيدُ مِنْ مَسِّ الْقَتْلِ ، إِلَّا كَمَا يَجِدُ أَحَدُكُمْ مِنْ مَسِّ الْقَرْصَةِ " ، قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata, Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tidaklah seseorang yang syahid merasai kematian melainkan seperti mana salah seorang kalian disengat serangga. [Sunan at-Tirmizi, Kitab Fadhail al-Jihad, hadis no: 1589, hasan sahih gharib]

[9] Fathul Bari, jilid 1, m/s 363.

Manusia berangan mahu pulang waktu hadirnya maut

Apabila tibanya kematian, ketika itu barulah manusia yang lalai akan menyedari kesilapan-kesilapan yang lalu, kelekaan mereka dengan kehidupan dunia yang sementara hingga melupakan alam kehidupan yang abadi. Allah berfirman dalam surah al-Mukminun, ayat 99-100:

حَتَّى إِذَا جَاءَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ رَبِّ ارْجِعُونِ (99) لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ (100)

[Demikianlah keadaan orang-orang kafir itu], hingga apabila datang kematian kepada seseorang dari mereka, dia berkata: **"Ya Tuhanku kembalikanlah aku [ke dunia] (99) agar aku berbuat amal yang saleh terhadap yang telah aku tinggalkan. Sekali-kali tidak**. Sesungguhnya itu adalah perkataan yang diucapkannya saja. Di hadapan mereka ada dinding sampai hari mereka dibangkitkan (100)

Kata Al-Imam Ibn Kathir:

يخبر تعالى عن حال المحتضر عند الموت، من الكافرين أو المفرطين في أمر الله تعالى، وقيلهم عند ذلك، وسؤالهم الرجعة إلى الدنيا، ليصلح ما كان أفسده في مدة حياته

Allah menceritakan tentang kehadiran orang yang menghadapi maut, daripada golongan kafir dan yang lalai daripada perintah Allah. Kata-kata mereka ketika itu dan permintaan mereka untuk kembali ke dunia untuk memperbaiki apa yang telah mereka rosakkan semasa hidup.[10]

Sesungguhnya taubat ketika itu adalah taubat yang sia-sia, dan tidak akan diterima Allah. FirmanNya lagi:

وَلَيْسَتِ التَّوْبَةُ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ حَتَّى إِذَا حَضَرَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ إِنِّي تُبْتُ الْآنَ وَلَا الَّذِينَ يَمُوتُونَ وَهُمْ كُفَّارٌ أُولَئِكَ أَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا (18)

Dan tidaklah taubat itu diterima Allah dari orang-orang yang mengerjakan kejahatan [yang] hingga apabila datang ajal kepada seseorang di antara mereka, [barulah] dia mengatakan: "Sesungguhnya saya bertaubat sekarang" Dan tidak [pula diterima taubat] orang-orang yang mati sedang mereka di dalam kekafiran. Bagi orang-orang itu telah Kami sediakan seksa yang pedih. [An-Nisa' : 18]

Shaikh Abdul Rahman as-Sa'di menghuraikan ayat ini:

وذلك أن التوبة في هذه الحال توبة اضطرار لا تنفع صاحبها، إنما تنفع توبة الاختيار

---

[10] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 5, m/s 493

Ini kerana taubat dalam keadaan ini merupakan taubat dalam keadaan terpaksa, maka ia tidak memberi manfaat kepada pelakunya. Sesungguhnya hanya taubat yang dilakukan dalam keadaan mempunyai pilihan itulah yang bermanfaat.[11]

Orang Mukmin gembira untuk bertemu Allah

Sesungguhnya tiada sesiapa yang menyukai kematian. Itu merupakan fitrah setiap insan. Akan tetapi kesakitan sakaratul maut hanyalah seketika, berbanding kegembiraan yang akan dirasai umat beriman kerana berjaya bertemu dengan Allah.

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ أَحَبَّ لِقَاءَ اللَّهِ أَحَبَّ اللَّهُ لِقَاءَهُ ، وَمَنْ كَرِهَ لِقَاءَ اللَّهِ كَرِهَ اللَّهُ لِقَاءَهُ " ، فَقُلْتُ : يَا نَبِيَّ اللَّهِ ، أَكَرَاهِيَةُ الْمَوْتِ فَكُلُّنَا نَكْرَهُ الْمَوْتَ ، فَقَالَ : " لَيْسَ كَذَلِكِ ، وَلَكِنَّ الْمُؤْمِنَ إِذَا بُشِّرَ بِرَحْمَةِ اللَّهِ وَرِضْوَانِهِ وَجَنَّتِهِ أَحَبَّ لِقَاءَ اللَّهِ ، فَأَحَبَّ اللَّهُ لِقَاءَهُ ، وَإِنَّ الْكَافِرَ إِذَا بُشِّرَ بِعَذَابِ اللَّهِ وَسَخَطِهِ كَرِهَ لِقَاءَ اللَّهِ وَكَرِهَ اللَّهُ لِقَاءَهُ

'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang suka untuk bertemu Allah, Allah akan suka untuk bertemunya. Sesiapa yang tidak suka bertemu Allah, Allah tidak suka untuk bertemu dengannya. 'Aisyah bertanya: Wahai Nabi Allah, adakah maksudnya bencikan kematian? Kami semua bencikan kematian. Baginda menjawab: Bukan begitu. Akan tetapi seorang yang beriman apabila diberikan khabar gembira tentang rahmat Allah, keredhaanNya, dan syurgaNya, dia akan suka untuk bertemu Allah, lalu Allah suka untuk bertemunya. Sesungguhnya orang kafir apabila diberikan khabar buruk tentang azab Allah, kemurkaanNya, dia akan benci untuk bertemu Allah, dan Allah benci untuk bertemu dengannya.

[Sahih Muslim, Kitab adz-Dzikr wa ad-Dua' wa at-Taubah wa al-Istighfar, hadis no: 4851]

Perjalanan ruh ke langit

Sesungguhnya para malaikat akan memuliakan dan menyambut roh yang baik ke langit dengan pujian. Wangi-wangian akan terhidu oleh mereka tatkala roh-roh manusia beriman diangkat ke langit.

Dalam hadis Al-Bara' bin Azib disebutkan:

قَالَ : فَيَصْعَدُونَ بِهَا ، فَلاَ يَمُرُّونَ ، يَعْنِي بِهَا ، عَلَى مَلإٍ مِنَ الْمَلاَئِكَةِ ، إِلاَّ قَالُوا : مَا هَذَا الرُّوحُ الطَّيِّبُ ؟ فَيَقُولُونَ : فُلاَنُ بْنُ فُلاَنٍ ، بِأَحْسَنِ أَسْمَائِهِ الَّتِي كَانُوا يُسَمُّونَهُ بِهَا فِي الدُّنْيَا ، حَتَّى يَنْتَهُوا بِهَا إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا ، فَيَسْتَفْتِحُونَ لَهُ ، فَيُفْتَحُ لَهُمْ فَيُشَيِّعُهُ مِنْ كُلِّ سَمَاءٍ مُقَرَّبُوهَا إِلَى السَّمَاءِ الَّتِي تَلِيهَا ، حَتَّى يُنْتَهَى بِهِ إِلَى السَّمَاءِ السَّابِعَةِ ،

"Kemudian malaikat-malaikat tersebut membawanya naik ke langit. Tidaklah para malaikat itu yang sedang membawa roh itu melalui sekumpulan malaikat melainkan malaikat-malaikat itu

---

[11] Taisir al-Karim al-Rahman Fi Tafsir al-Kalam al-Mannan, jilid 1, m/s 171

akan berkata: “Roh siapakah yang amat harum ini?” Malaikat-malaikat yang membawa roh tersebut menjawab: “Ini adalah fulan bin fulan” sambil menyebut namanya yang paling baik yang pernah diberikan kepadanya di dunia, sehinggalah mereka tiba di langit dunia. Malaikat tersebut meminta supaya dibukakan pintu dan malaikat penjaga langit dunia pun membukanya. Setiap kali roh tersebut naik ke atas langit berikutnya, ia dihantar oleh malaikat muqarrabin sehingga sampai ke langit ketujuh.

(فَجَلَسُوا مِنْهُ مَدَّ الْبَصَرِ ، حَتَّى إِذَا خَرَجَ رُوحُهُ ، صَلَّى عَلَيْهِ كُلُّ مَلَكٍ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالأَرْضِ ، وَكُلُّ مَلَكٍ فِي السَّمَاءِ ، وَفُتِحَتْ لَهُ أَبْوَابُ السَّمَاءِ ، لَيْسَ مِنْ أَهْلِ بَابٍ إِلاَّ وَهُمْ يَدْعُونَ اللَّهَ : أَنْ يُعْرَجَ بِرُوحِهِ مِنْ قِبَلِهِمْ ، فَإِذَا عُرِجَ بِرُوحِهِ قَالُوا : رَبِّ عَبْدُكَ فُلاَنٌ ،)

(Dalam riwayat lain: Para malaikat akan duduk sejauh mata memandang sehinggalah roh itu keluar. Apabila roh itu keluar, semua malaikat yang ada di antara langit dan bumi, dan semua malaikat di langit akan berdoa kepada roh tadi. Lalu dibukakan pintu-pintu langit untuk roh itu. Kesemua malaikat yang menjaga pintu itu akan berdoa kepada Allah agar roh itu akan dinaikkan ke langit bersama mereka. Apabila mereka naik ke langit bersama roh itu, mereka berkata: Tuhan ku. Ini hamba Mu si fulan)

فَيَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ : اكْتُبُوا كِتَابَ عَبْدِي فِي عِلِّيِّينَ ، وَأَعِيدُوهُ إِلَى الأَرْضِ ، فَإِنِّي مِنْهَا خَلَقْتُهُمْ ، وَفِيهَا أُعِيدُهُمْ ، وَمِنْهَا أُخْرِجُهُمْ تَارَةً أُخْرَى . قَالَ : فَتُعَادُ رُوحُهُ فِي جَسَدِهِ ، (قَالَ : فَإِنَّهُ يَسْمَعُ خَفْقَ نِعَالِ أَصْحَابِهِ ، إِذَا وَلَّوْا عَنْهُ)

Lalu Allah `Azza Wa Jalla berfirman kepada para malaikat tersebut: “Tulislah catatan amal hamba-Ku ini di tempat yang mulia bernama ‘Iliyyin dan kembalikanlah rohnya ke bumi. Sesungguhnya Aku telah Menciptakannya daripadanya (tanah) dan Aku kembalikan dia ke tanah serta suatu masa nanti Aku akan mengeluarkan mereka daripadanya.” Nabi sallahu `alaihi wassallam berkata: Maka roh itu dikembalikan ke jasadnya. *(Dalam riwayat lain: Baginda berkata: “Sesungguhnya jenazah itu akan mendengar suara tapak kasut sahabat-sahabatnya yang pulang meninggalkan dirinya).*

Akan tetapi manusia yang jahat lain pula keadaannya. Mereka akan dihina kerana keadaan mereka yang sangat busuk. Malaikat-malaikat akan mencaci dan melaknat mereka.

فَيَأْخُذُهَا ، فَإِذَا أَخَذَهَا لَمْ يَدَعُوهَا فِي يَدِهِ طَرْفَةَ عَيْنٍ حَتَّى يَجْعَلُوهَا فِي تِلْكَ الْمُسُوحِ ، وَيَخْرُجُ مِنْهَا كَأَنْتَنِ رِيحِ جِيفَةٍ وُجِدَتْ عَلَى وَجْهِ الأَرْضِ ، فَيَصْعَدُونَ بِهَا ، فَلاَ يَمُرُّونَ بِهَا عَلَى مَلأٍ مِنَ الْمَلاَئِكَةِ ، إِلاَّ قَالُوا : مَا هَذَا الرُّوحُ الْخَبِيثُ ؟ فَيَقُولُونَ : فُلاَنُ بْنُ فُلاَنٍ بِأَقْبَحِ أَسْمَائِهِ الَّتِي كَانَ يُسَمَّى بِهَا فِي الدُّنْيَا ، حَتَّى يُنْتَهَى بِهِ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا ، فَيُسْتَفْتَحُ لَهُ ، فَلاَ يُفْتَحُ لَهُ ، ثُمَّ قَرَأَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : {لاَ تُفَتَّحُ لَهُمْ أَبْوَابُ السَّمَاءِ وَلاَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّى يَلِجَ الْجَمَلُ فِي سَمِّ الْخِيَاطِ}

Malaikat Maut mengambilnya dan diserahkan kepada malaikat yang ada di sekelilingnya. Mereka terus memasukkan roh itu ke dalam kain yang kasar tersebut. Sebaik sahaja roh tersebut keluar, ia mengeluarkan bau seperti bangkai paling busuk yang pernah ditemui di bumi ini. Kemudian mereka membawanya naik ke atas langit dan setiap kali malaikat dan roh itu melewati rombongan malaikat, mereka pasti tertanya-tanya: “Roh siapakah yang berbau busuk ini? Malaikat-malaikat yang membawa roh itu menjawab: Roh si polan bin si polan sambil menyebut dan memanggil nama yang terburuk yang pernah menjadi panggilannya di dunia, sehinggalah roh itu tiba di langit dunia. Malaikat pembawa roh itu meminta supaya pintu langit dibukakan, tetapi tidak dibukakan untuknya. Kemudian Rasulullah sallallahu `alaihi wassallam membaca firman Allah dalam surah al-A’raf, ayat 40 yang bermaksud: "…Tidak sekali-kali akan dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit dan mereka tidak akan masuk syurga sehinggalah unta masuk ke lubang jarum.”

(، فَيَلْعَنُهُ كُلُّ مَلَكٍ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالأَرْضِ ، وَكُلُّ مَلَكٍ فِي السَّمَاءِ ، وَتُغْلَقُ أَبْوَابُ السَّمَاءِ ، لَيْسَ مِنْ أَهْلِ بَابٍ ، إِلاَّ وَهُمْ يَدْعُونَ اللَّهَ : أَنْ لاَ تَعْرُجَ رُوحُهُ مِنْ قِبَلِهِمْ ،)

(Dalam riwayat lain: Semua malaikat yang ada antara langit dan bumi dan yang berada di langit melaknat roh itu. Pintu-pintu langit ditutup. Kesemua malaikat yang menjaga pintu itu akan berdoa kepada Allah agar roh itu tidak dinaikkan bersama mereka)

فَيَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ : اكْتُبُوا كِتَابَهُ فِي سِجِّينٍ فِي الأَرْضِ السُّفْلَى ، فَتُطْرَحُ رُوحُهُ طَرْحًا . ثُمَّ قَرَأَ : {وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ ، فَكَأَنَّمَا خَرَّ مِنَ السَّمَاءِ فَتَخْطَفُهُ الطَّيْرُ أَوْ تَهْوِي بِهِ الرِّيحُ فِي مَكَانٍ سَحِيقٍ} فَتُعَادُ رُوحُهُ فِي جَسَدِهِ ،

(قَالُوا : رَبِّ فُلاَنُ بْنُ فُلاَنٍ عَبْدُكَ ، قَالَ : أَرْجِعُوهُ ، فَإِنِّي عَهِدْتُ إِلَيْهِمْ أَنِّي مِنْهَا خَلَقْتُهُمْ ، وَفِيهَا أُعِيدُهُمْ ، وَمِنْهَا أُخْرِجُهُمْ تَارَةً أُخْرَى ، قَالَ : فَإِنَّهُ لَيَسْمَعُ خَفْقَ نِعَالِ أَصْحَابِهِ ، إِذَا وَلَّوْا عَنْهُ)

Sejurus selepas itu, Allah `Azza Wa Jalla berfirman: “Tulislah catatan amalnya di dalam tempat yang hina (As-Sijjin) dalam lapisan bumi paling bawah. Maka, roh itu dilempar. Kemudian Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam membaca firman Allah dalam surah al-Hajj, ayat 31 yang bermaksud: "...Dan sesiapa yang mempersekutukan sesuatu yang lain dengan Allah, maka seolah-olah dia jatuh dari langit lalu disambar burung atau dihumbankan oleh angin ke tempat yang jauh (yang membinasakan)”. Lalu roh itu akan dipulangkan ke jasadnya.

(Dalam riwayat lain, baginda berkata: Sesungguhnya jenazah itu akan mendengar suara tapak kasut sahabat-sahabatnya yang pulang meninggalkan dirinya)

Alam Kubur

Ujian di dalam kubur

Dalam hadis Al-Bara’ bin ‘Azib disebutkan apa yang akan berlaku kepada orang yang beriman:

فَيَأْتِيهِ مَلَكَانِ ، فَيُجْلِسَانِهِ ، فَيَقُولاَنِ لَهُ (فَيَنْتَهِرُهُ): مَنْ رَبُّكَ ؟ فَيَقُولُ : رَبِّيَ اللَّهُ ، فَيَقُولاَنِ لَهُ: مَا دِينُكَ ؟ فَيَقُولُ : دِينِيَ الإِسْلاَمُ ، فَيَقُولاَنِ لَهُ : مَا هَذَا الرَّجُلُ الَّذِي بُعِثَ فِيكُمْ ؟ فَيَقُولُ : هُوَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَيَقُولاَنِ لَهُ : وَمَا عِلْمُكَ ؟ فَيَقُولُ : قَرَأْتُ كِتَابَ اللهِ ، فَآمَنْتُ بِهِ وَصَدَّقْتُ ، (فَيَقُولُ لَهُ : صَدَقْتَ)

(وَهِيَ آخِرُ فِتْنَةٍ تُعْرَضُ عَلَى الْمُؤْمِنِ ، فَذَلِكَ حِينَ يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ : {يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الآخِرَةِ})

Lalu datanglah dua malaikat lalu kedua-duanya mendudukkan jenazah tersebut di dalam kubur. Kedua-dua malaikat itu bertanya *(dalam riwayat lain: Malaikat itu akan bertanya dengan kasar)* : “Siapakah Tuhan-mu”? Dia menjawab: Tuhanku adalah Allah. “Apakah agamamu”? Dia menjawab: Agamaku Islam. “Siapakah lelaki yang pernah diutus kepada kamu”? Dia menjawab: Dia adalah Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam. “Apakah ilmu kamu”? Dia menjawab: Aku membaca Kitab Allah (al-Quran), lalu aku mengimaninya dan mempercayainya. *(Dalam riwayat lain: Malaikat berkata kepada jenazah itu: Engkau benar)*

(Dalam riwayat lain: Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Itu merupakan itu merupakan ujian akhir yang akan dikenakan kepada orang beriman. Inilah maksud firman Allah: Allah meneguhkan [iman] orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu dalam kehidupan di dunia dan di akhirat [Ibrahim : 27]

Ujian ini berbentuk soalan. Manusia yang beriman akan berjaya menjawabnya sebagaimana hadis di atas. Berbeza pula dengan nasib manusia yang kufur;

وَيَأْتِيهِ مَلَكَانِ ، فَيُجْلِسَانِهِ ، فَيَقُولاَنِ لَهُ : مَنْ رَبُّكَ ؟ فَيَقُولُ : هَاهْ هَاهْ لاَ أَدْرِي ، فَيَقُولاَنِ لَهُ : مَا دِينُكَ ؟ فَيَقُولُ : هَاهْ هَاهْ لاَ أَدْرِي ، فَيَقُولاَنِ لَهُ : مَا هَذَا الرَّجُلُ الَّذِي بُعِثَ فِيكُمْ ؟ فَيَقُولُ : هَاهْ هَاهْ لاَ أَدْرِي ، فَيُنَادِي مُنَادٍ مِنَ السَّمَاءِ أَنْ كَذَبَ ، فَافْرِشُوا لَهُ مِنَ النَّارِ ، وَافْتَحُوا لَهُ بَابًا إِلَى النَّارِ ، فَيَأْتِيهِ مِنْ حَرِّهَا ، وَسَمُومِهَا ، وَيُضَيَّقُ عَلَيْهِ قَبْرُهُ حَتَّى تَخْتَلِفَ فِيهِ أَضْلاَعُهُ ،

Lalu datanglah kepadanya dua malaikat dan mendudukkannya.Kedua malaikat itu bertanya: “Siapakah Tuhanmu”? Dia menjawab: Hah, hah, aku tidak tahu. Malaikat itu bertanya lagi: “Apa agamamu”? Dia menjawab: “Hah, hah… aku tidak tahu. Kedua malaikat itu bertanya lagi: “Apakah yang akan kamu katakan kepada lelaki yang pernah diutus kepada kamu”? Dia menjawab: Hah, hah… aku tidak tahu.

Penyeru di langit pun berkata: “Dia berbohong. Oleh yang demikian, hamparkan permaidani dari neraka dan bukakanlah pintu neraka untuknya. Maka dia pun didatangi panas dan racun dan kuburnya pula disempitkan sehingga tulang-belulangnya menjadi remuk.

وَيَأْتِيهِ رَجُلٌ قَبِيحُ الْوَجْهِ ، قَبِيحُ الثِّيَابِ ، مُنْتِنُ الرِّيحِ ، فَيَقُولُ : أَبْشِرْ بِالَّذِي يَسُوءُكَ ، هَذَا يَوْمُكَ الَّذِي كُنْتَ تُوعَدُ ،

Selepas itu dia didatangi seseorang yang berwajah buruk, berpakaian kotor dan berbau busuk. Lalu orang itu berkata: “bergembiralah kamu dengan pelbagai keburukan yang disediakan kepadamu hari ini. Inilah hari yang telah dijanjikan kepadamu.

Wujudkah Azab dan Nikmat Kubur?

Terdapat segelintir manusia yang menolak kewujudan azab kubur kerana ia bercanggah dengan logik rasional manusia. Bahkan sebahagian mendakwa azab kubur hanya wujud dalam riwayat-riwayat Ahad yang tidak mampu dijadikan hujah dalam perkara Aqidah. Dakwaan mereka ini adalah satu pendustaan. Hatta jika hanya ada satu yang sahih sahaja berkaitan azab kubur, kita wajib beriman dengannya. Akan tetapi dalil-dalil azab kubur datang dengan pelbagai bentuk, diriwayatkan oleh ramai sahabat, disebutkan dalam pelbagai keadaan. Hingga ia merupakan satu khabar yang mutawatir.

Al-Imam Ibn Abi ‘Izz al-Hanafi berkata:

وَقَدْ تَوَاتَرَتِ الْأَخْبَارُ عَنْ رَسُولِ اللهِ صلى الله عليه وَسَلَّمَ فِي ثُبُوتِ عَذَابِ الْقَبْرِ وَنَعِيمِه لِمَنْ كَانَ لِذَلِكَ أَهْلًا، وَسُؤَالِ الْمَلَكَيْنِ، فَيَجِبُ اعْتِقَادُ ثُبُوتِ ذَلِكَ وَالْإِيمَانُ به، وَلَا يَتَكَلَّمُ فِي كَيْفِيَّتِهِ، إِذْ لَيْسَ لِلْعَقْلِ وُقُوفٌ على كَيْفِيَّتِه، لِكَوْنِه لَا عَهْدَ له به في هذه الدَّارِ، وَالشَّرْعُ لَا يأتي بِمَا تُحِيلُه الْعُقُولُ، وَلَكِنَّه قَدْ يأتي بِمَا تَحَارُ فيه الْعُقُولُ.

Sesungguhnya riwayat-riwayat daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam tentang azab dan nikmat kubur bagi penghuninya, dan soal jawab oleh dua malaikat adalah mutawatir. Wajib meyakini kewujudannya dan beriman dengannya. Tidak boleh bercakap-cakap tentang bagaimana hal itu berlaku kerana akal tidak akan dapat memikirkan keadaan itu. Ini kerana insan tidak pernah melalui kehidupan itu. Syara’ tidak datang dengan apa yang akal dapat fikirkan sahaja, sebaliknya ia juga datang dengan apa yang tidak dapat dijangkau oleh akal. [12]

Bahkan azab kubur ini telah diisyaratkan sendiri di dalam al-Quran.

سَنُعَذِّبُهُمْ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ يُرَدُّونَ إِلَى عَذَابٍ عَظِيمٍ (101)

Nanti mereka akan Kami siksa dua kali kemudian mereka akan dikembalikan kepada azab yang besar. [At-Taubah : 101]

Dalam Tafsir al-Quran al-Azhim dinukilkan penafsiran generasi awal Islam mengenai ayat ini.

وقال ابن جريج: عذاب الدنيا، وعذاب القبر، ثم يردون إلى عذاب النار .وقال الحسن البصري: عذاب في الدنيا، وعذاب في القبر

[12] Syarah al-Aqidah at-Tahawiah, m/s 267

Ibn Juraih berkata: Ia azab di dunia dan azab di kubur, kemudian mereka akan mengalami azab neraka. Al-Hasan Al-Basri berkata: Azab di dunia dan azab di kubur.[13]

Ini pula hadis-hadis yang membuktikan wujudnya azab kubur.

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : دَخَلَتْ عَلَيَّ عَجُوزَانِ مِنْ عُجُزِ يَهُودِ الْمَدِينَةِ ، فَقَالَتَا لِي : إِنَّ أَهْلَ الْقُبُورِ يُعَذَّبُونَ فِي قُبُورِهِمْ ، فَكَذَّبْتُهُمَا وَلَمْ أُنْعِمْ أَنْ أُصَدِّقَهُمَا ، فَخَرَجَتَا وَدَخَلَ عَلَيَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقُلْتُ لَهُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنَّ عَجُوزَيْنِ وَذَكَرْتُ لَهُ ، فَقَالَ : " صَدَقَتَا إِنَّهُمْ يُعَذَّبُونَ عَذَابًا تَسْمَعُهُ الْبَهَائِمُ كُلُّهَا " ، فَمَا رَأَيْتُهُ بَعْدُ فِي صَلَاةٍ ، إِلَّا تَعَوَّذَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ

'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Dua orang wanita tua Yahudi datang menemui aku, lalu mereka berkata: Sesungguhnya penghuni kubur diazab di kubur mereka. Aku tidak mempercayai kata-kata mereka. Lalu mereka berdua keluar, dan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam pun masuk. Aku bertanya kepada baginda: Ya Rasulullah, sesungguhnya dua orang wanita tua datang dan aku menceritakan apa yang mereka katakan. Baginda menjawab: Mereka berdua benar. Sesungguhnya penghuni kubur diazab dengan azab yang akan didengari oleh haiwan kesemuanya. 'Aisyah berkata: Aku melihat baginda sentiasa memohon perlindungan daripada azab kubur setiap kali selepas solat. [Sahih al-Bukhari, Kitab ad-Da'wat, hadis no: 5916]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا تَشَهَّدَ أَحَدُكُمْ ، فَلْيَسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنْ أَرْبَعٍ ، يَقُولُ : اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ ، وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Apabila salah seorang kalian telah bertasyahhud. Hendaklah dia memohon perlindungan Allah daripada empat perkara dengan membaca: Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan Mu daripada azab neraka, daripada azab kubur, daripada ujian kehidupan dan kematian, dan daripada ujian al-Masih ad-Dajjal. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Masajid, hadis no: 929]

أَخْبَرَنِي عُرْوَةُ بْنُ الزُّبَيْرِ ، أَنَّهُ سَمِعَ أَسْمَاءَ بِنْتَ أَبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا , تَقُولُ : " قَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَطِيبًا ، فَذَكَرَ فِتْنَةَ الْقَبْرِ الَّتِي يَفْتَتِنُ فِيهَا الْمَرْءُ ، فَلَمَّا ذَكَرَ ذَلِكَ ضَجَّ الْمُسْلِمُونَ ضَجَّةً. "

'Urwah bin Zubair menceritakan bahawa dia mendengar Asma' bte Abu Bakar radiallahu 'anhuma berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam telah bangun berkhutbah, lalu baginda mengingatkan tentang ujian kubur yang mana manusia akan diuji padanya. Apabila baginda menyebutkan hal itu, maka kaum Muslimin pun meraung sekuat-kuatnya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Janaiz, hadis no: 1290]

[13] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 4, m/s 205

Petanda syurga neraka

Sesungguhnya alam kubur merupakan tempat persinggahan sebelum menuju alam akhirat. Akan tetapi di tempat transit inilah kita sudah mengetahui sebenarnya, kedudukan kita di syurga atau di neraka. Isyarat itu sudah didapati di alam kubur lagi.

كَانَ عُثْمَانُ إِذَا وَقَفَ عَلَى قَبْرٍ بَكَى حَتَّى يَبُلَّ لِحْيَتَهُ ، فَقِيلَ لَهُ : تُذْكَرُ الْجَنَّةُ وَالنَّارُ فَلَا تَبْكِي وَتَبْكِي مِنْ هَذَا ، فَقَالَ : إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " إِنَّ الْقَبْرَ أَوَّلُ مَنْزِلٍ مِنْ مَنَازِلِ الْآخِرَةِ ، فَإِنْ نَجَا مِنْهُ فَمَا بَعْدَهُ أَيْسَرُ مِنْهُ ، وَإِنْ لَمْ يَنْجُ مِنْهُ فَمَا بَعْدَهُ أَشَدُّ مِنْهُ

Apabila Uthman radiallahu ‘anhu berhenti di kubur, dia akan menangis hingga basah janggutnya. Dia disoal: Disebutkan tentang syurga dan neraka kepada engkau, tetapi engkau tidak menangis. Lalu engkau menangis untuk hal ini pula? Uthman menjawab: Sesungguhnya Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: Sesungguhnya kubur merupakan tempat persinggahan yang pertama daripada tempat-tempat di akhirat. Seandainya seseorang selamat daripadanya, maka apa yang berlaku selepas itu adalah lebih mudah untuknya. Sesiapa yang tidak terselamat daripadanya, maka apa yang akan berlaku selepas itu lebih teruk daripadanya.

[Sunan at-Tirmizi, Kitab az-Zuhd, hadis no: 2240, hasan gharib]

Sifat nikmat dan azab kubur

Dalam hadis Al-Bara’ bin ‘Azib:

فَيُنَادِي مُنَادٍ فِي السَّمَاءِ : أَنْ صَدَقَ عَبْدِي ، فَأَفْرِشُوهُ مِنَ الْجَنَّةِ ، وَأَلْبِسُوهُ مِنَ الْجَنَّةِ ، وَافْتَحُوا لَهُ بَابًا إِلَى الْجَنَّةِ . قَالَ : فَيَأْتِيهِ مِنْ رَوْحِهَا ، وَطِيبِهَا ، وَيُفْسَحُ لَهُ فِي قَبْرِهِ مَدَّ بَصَرِهِ . قَالَ : وَيَأْتِيهِ رَجُلٌ حَسَنُ الْوَجْهِ ، حَسَنُ الثِّيَابِ ، طَيِّبُ الرِّيحِ ، فَيَقُولُ : أَبْشِرْ بِالَّذِي يَسُرُّكَ ، هَذَا يَوْمُكَ الَّذِي كُنْتَ تُوعَدُ ، فَيَقُولُ لَهُ : مَنْ أَنْتَ ؟ فَوَجْهُكَ الْوَجْهُ يَجِيءُ بِالْخَيْرِ ، فَيَقُولُ : أَنَا عَمَلُكَ الصَّالِحُ ، فَيَقُولُ : رَبِّ أَقِمِ السَّاعَةَ حَتَّى أَرْجِعَ إِلَى أَهْلِي ، وَمَالِي .

Lalu penyeru di langit berkata: “Benarlah apa yang dikatakan hamba-Ku itu! Oleh demikian, hamparkan permaidani dari syurga, berilah pakaian dari syurga dan bukakanlah pintu syurga baginya”. Di datangkan kepada bau dan wangian syurga. Kuburnya pula diluaskan sejauh mata memandang. Sabda Nabi sallahu `alaihi wassallam: “Kemudian datang kepadanya seorang lelaki yang mempunyai rupa paras yang cantik, memakai pakaian yang indah dan memakai wangian. Lelaki itu berkata: “Berbahagialah dengan pelbagai kesenangan yang disediakan kepadamu hari ini. Inilah hari yang telah dijanjikan kepadamu”. Dia (jenazah) bertanya kepada lelaki itu: “Siapakah kamu ini? Sebab wajahmu ialah wajah yang datang dengan kebaikan”. Lelaki itu menjawab: “Aku adalah amal soleh kamu”. Lalu jenazah itu berkata: “Wahai Tuhanku, segerakanlah hari kiamat, sebab aku ingin berkumpul bersama-sama keluargaku dan hartaku”.

(فَيَقُولُ أَنَا عَمَلُكَ الصَّالِحُ ، كُنْتَ وَاللَّهِ سَرِيعًا فِي طَاعَةِ اللهِ ، بَطِيئًا عَنْ مَعْصِيَةِ اللهِ ، فَجَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا ، ثُمَّ يُفْتَحُ لَهُ بَابٌ مِنَ الْجَنَّةِ ، وَبَابٌ مِنَ النَّارِ ، فَيُقَالُ : هَذَا كَانَ مَنْزِلَكَ لَوْ عَصَيْتَ اللَّهَ ، أَبْدَلَكَ اللَّهُ بِهِ هَذَا ، فَإِذَا رَأَى مَا فِي الْجَنَّةِ قَالَ : رَبِّ عَجِّلْ قِيَامَ السَّاعَةِ كَيْمَا أَرْجِعَ إِلَى أَهْلِي وَمَالِي ، فَيُقَالُ لَهُ : اسْكُنْ .)

(Dalam riwayat lain: (Lelaki yang cantik itu berkata): "Aku adalah amal soleh kamu. Engkau dahulu selalu bersegera melakukan ketaatan kepada Allah, dan menjauhkan diri daripada maksiat kepada Allah. Allah telah mengurniakan kepada engkau kebaikan". Kemudian dibukakan untuk jenazah itu pintu syurga dan pintu neraka. Lalu dikatakan kepada jenazah itu: "Inilah tempat engkau jika engkau melakukan maksiat kepada Allah, Allah telah menggantikan untuk engkau tempat ini (iaitu syurga)". Apabila jenazah itu melihat keadaan syurga, dia pun berkata: "Tuhan ku, segerakan hari kiamat agar aku boleh pulang kepada keluarga ku dan harta ku". Lalu dikatakan kepada jenazah itu: "Tinggallah engkau di sini".)

Dalam hadis di atas ditunjukkan bagaimana insan yang dapat menjawab soalan dua malaikat itu akan didatangi amal solehnya dalam bentuk manusia yang kacak, dan bergembira tatkala melihat tempat tinggalnya di syurga kelak.

Adapun manusia yang kufur akan terseksa selepas gagal menjawab soalan malaikat. Mereka akan melihat kehadiran lelaki hodoh yang menjadi simbol kejahatannya di akhirat, bahkan ditunjukkan apa yang akan dia hadapi di neraka kelak.

فَيُنَادِي مُنَادٍ مِنَ السَّمَاءِ أَنْ كَذَبَ ، فَافْرِشُوا لَهُ مِنَ النَّارِ ، وَافْتَحُوا لَهُ بَابًا إِلَى النَّارِ ، فَيَأْتِيهِ مِنْ حَرِّهَا ، وَسَمُومِهَا ، وَيُضَيَّقُ عَلَيْهِ قَبْرُهُ حَتَّى تَخْتَلِفَ فِيهِ أَضْلاَعُهُ ،

Penyeru di langit pun berkata: "Dia berbohong. Oleh yang demikian, hamparkan permaidani dari neraka dan bukakanlah pintu neraka untuknya. Maka dia pun didatangi panas dan racun dan kuburnya pula disempitkan sehingga tulang-belulangnya menjadi remuk.

وَيَأْتِيهِ رَجُلٌ قَبِيحُ الْوَجْهِ ، قَبِيحُ الثِّيَابِ ، مُنْتِنُ الرِّيحِ ، فَيَقُولُ : أَبْشِرْ بِالَّذِي يَسُوءُكَ ، هَذَا يَوْمُكَ الَّذِي كُنْتَ تُوعَدُ ، فَيَقُولُ : مَنْ أَنْتَ ؟ فَوَجْهُكَ الْوَجْهُ يَجِيءُ بِالشَّرِّ ، فَيَقُولُ : أَنَا عَمَلُكَ الْخَبِيثُ ، فَيَقُولُ : رَبِّ لاَ تُقِمِ السَّاعَةَ.

Selepas itu dia didatangi seseorang yang berwajah buruk, berpakaian kotor dan berbau busuk. Lalu orang itu berkata: "bergembiralah kamu dengan pelbagai keburukan yang disediakan kepadamu hari ini. Inilah hari yang telah dijanjikan kepadamu. Dia bertanya kepada lelaki itu: Siapakah kamu ini? Sebab wajahmu menampilkan dan mendatangkan keburukan. Aku adalah amal kamu yang jahat itu". Maka dia pun berkata: "Wahai Tuhanku, janganlah Engkau jadikan hari kiamat."

(فَيَقُولُ : أَنَا عَمَلُكَ الْخَبِيثُ ، كُنْتَ بَطِيئًا عَنْ طَاعَةِ اللهِ ، سَرِيعًا فِي مَعْصِيَةِ اللهِ ، فَجَزَاكَ اللَّهُ شَرًّا ، ثُمَّ يُقَيَّضُ لَهُ أَعْمَى أَصَمُّ أَبْكَمُ فِي يَدِهِ مِرْزَبَةٌ ، لَوْ ضُرِبَ بِهَا جَبَلٌ كَانَ تُرَابًا ، فَيَضْرِبُهُ ضَرْبَةً حَتَّى يَصِيرَ تُرَابًا ، ثُمَّ يُعِيدُهُ اللَّهُ كَمَا كَانَ ، فَيَضْرِبُهُ ضَرْبَةً أُخْرَى ، فَيَصِيحُ صَيْحَةً يَسْمَعُهُ كُلُّ شَيْءٍ إِلاَّ الثَّقَلَيْنِ. قَالَ الْبَرَاءُ بْنُ عَازِبٍ : ثُمَّ يُفْتَحُ لَهُ بَابٌ مِنَ النَّارِ وَيُمَهَّدُ مِنْ فُرُشِ النَّارِ.)

(Dalam riwayat lain: Aku adalah amal kejahatan engkau. Engkau dahulunya sering lambat daripada melakukan ketaatan kepada Allah dan segera melakukan maksiat kepada Allah. Moga Allah membalas engkau dengan keburukan. Kemudian seseorang yang buta, pekak dan bisu yang memegang pemukul datang untuk menghancurka jenazah itu. Seandainya dia memukul bukit dengan pemukul itu bukit itu akan menjadi debu. Lalu dia memukul jenazah tadi hingga ia menjadi debu. Kemudian Allah mengembalikan jenazah itu kepada keadaan sebelumnya, lalu orang itu memukulnya dengan pukulan yang lain, lalu jenazah itu menjerit dengan jeritan yang didengari oleh semua makhluk kecuali jin dan manusia. Al-Bara' berkata: Kemudian pintu neraka dibuka, lalu dihamparkan permaidani neraka)

Sifat azab dan nikmat kubur ini juga direkodkan dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim, dan disebutkan bahawa kubur manusia beriman akan diluaskan, bahkan akan ada rumput di dalam kubur itu.

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ , عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ , قَالَ : " الْعَبْدُ إِذَا وُضِعَ فِي قَبْرِهِ , وَتُوُلِّيَ , وَذَهَبَ أَصْحَابُهُ حَتَّى إِنَّهُ لَيَسْمَعُ قَرْعَ نِعَالِهِمْ ، أَتَاهُ مَلَكَانِ فَأَقْعَدَاهُ , فَيَقُولَانِ لَهُ : مَا كُنْتَ تَقُولُ فِي هَذَا الرَّجُلِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ؟ فَيَقُولُ : أَشْهَدُ أَنَّهُ عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ ، فَيُقَالُ : انْظُرْ إِلَى مَقْعَدِكَ مِنَ النَّارِ أَبْدَلَكَ اللَّهُ بِهِ مَقْعَدًا مِنَ الْجَنَّةِ ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : فَيَرَاهُمَا جَمِيعًا ، وَأَمَّا الْكَافِرُ أَوِ الْمُنَافِقُ , فَيَقُولُ : لَا أَدْرِي كُنْتُ أَقُولُ مَا يَقُولُ النَّاسُ ، فَيُقَالُ : لَا دَرَيْتَ وَلَا تَلَيْتَ ، ثُمَّ يُضْرَبُ بِمِطْرَقَةٍ مِنْ حَدِيدٍ ضَرْبَةً بَيْنَ أُذُنَيْهِ فَيَصِيحُ صَيْحَةً يَسْمَعُهَا مَنْ يَلِيهِ إِلَّا الثَّقَلَيْنِ. "

Anas bin Malik radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Apabila seseorang hambar diletakkan di dalam kuburnya, lalu ahli keluarganya berangkat pula dan ketika itu si mayat mendengar bunyi tapak kasut mereka. Maka datanglah dua malaikat dan mendudukkannya. Dua malaikat itu berkata kepadanya: Apa yang ingin engkau katakan tentang lelaki ini iaitu Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam. Mayat itu menjawab: Aku bersaksi bahawa dia adalah hamba Allah dan rasul Nya. Lalu dikatakan kepada lelaki itu: Lihatlah tempat tinggal engkau di neraka, Allah telah menukarkannya dengan syurga untuk engkau. Nabi sallallahu 'alaihi wasallam berkata: Maka si mati akan melihat kedua-duanya (iaitu syurga dan neraka). Adapun orang kafir atau munafiq, mereka akan menjawab: Aku tidak kenal. Aku hanya berkata apa yang orang ramai katakan. Lalu dikatakan kepadanya: Engkau memang tidak tahu, dan engkau tidak membaca (al-Quran). Kemudian dia dipukul pada bahagian antara dua telinganya (iaitu di kepala) dengan penukul yang diperbuat daripada besi . Lalu dia akan menjerit dengan jeritan yang dapat

didengari oleh makhluka kecuali ats-Tsaqalain (iaitu jin dan manusia). [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Janazi, hadis no: 1258]

Dalam Sahih Muslim disebutkan:

قَالَ قَتَادَةُ : وَذُكِرَ لَنَا أَنَّهُ يُفْسَحُ لَهُ فِي قَبْرِهِ سَبْعُونَ ذِرَاعًا ، وَيُمْلَأُ عَلَيْهِ خَضِرًا إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ

Qatadah berkata: Disebutkan kepada kami bahawa kuburnya akan diluas sebanyak tujuh puluh hasta, dan kuburnya akan ditumbuhi rumput sehingga hari kiamat. [Sahih Muslim, Kitab al-Jannah, hadis no: 5119]

Kubur itu gelap

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ امْرَأَةً سَوْدَاءَ كَانَتْ تَقُمُّ الْمَسْجِدَ أَوْ شَابًّا ، فَفَقَدَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَسَأَلَ عَنْهَا أَوْ عَنْهُ ، فَقَالُوا : مَاتَ ، قَالَ : " أَفَلَا كُنْتُمْ آذَنْتُمُونِي " ، قَالَ : فَكَأَنَّهُمْ صَغَّرُوا أَمْرَهَا أَوْ أَمْرَهُ ، فَقَالَ : " دُلُّونِي عَلَى قَبْرِهِ " ، فَدَلُّوهُ " فَصَلَّى عَلَيْهَا " ، ثُمَّ قَالَ : " إِنَّ هَذِهِ الْقُبُورَ مَمْلُوءَةٌ ظُلْمَةً عَلَى أَهْلِهَا ، وَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُنَوِّرُهَا لَهُمْ بِصَلَاتِي عَلَيْهِمْ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan bahawa ada seorang wanita atau pemuda kulit hitam pernah berkhidmat membersihkan masjid. Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam terasa kehilangannya, lalu bertanya tentang orang itu. Para sahabat menjawab: Dia telah meninggal dunia. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam berkata: Kenapa kalian tidak memberitahu aku hal ini. Seolah-olah mereka semua memandang rendah kepada wanita atau pemuda itu. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallampun berkata: Tunjukkan aku kuburnya. Lalu mereka membawa baginda sallallahu ‘alaihi wasallam ke kubur itu, lalu baginda melakukan solat ke atasnya. Kemudian baginda berkata: **Sesungguhnya kubur ini sangat gelap untuk penghuninya.** Sesungguhnya Allah akan memberikan cahaya kepada mereka dengan solat aku kepada mereka. [Sahih Muslim, Kitab al-Janaiz, hadis no: 1594]

Kubur itu sempit

عَنِ ابْنِ عُمَرَ ، عَنِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " هَذَا الَّذِي تَحَرَّكَ لَهُ الْعَرْشُ ، وَفُتِحَتْ لَهُ أَبْوَابُ السَّمَاءِ ، وَشَهِدَهُ سَبْعُونَ أَلْفًا مِنَ الْمَلائِكَةِ ، لَقَدْ ضُمَّ ضَمَّةً ، ثُمَّ فُرِّجَ عَنْهُ

‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhuma meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Inilah dia (roh) yang Arsy bergegar kerananya, dibukakan untuknya pintu-pintu langit. 40 ribu malaikat menyaksikannya, sesungguhnya kubur telah disempitkan, kemudian ia dilapangkan untuknya. [Sunan an-Nasaie al-Kubra, Kitab al-Janaiz, hadis no: 2167]

Sesungguhnya kesempitan kubur akan dirasai semua insan tanpa kira dia siapa.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُما ، أَنّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ دُفِنَ سَعْدُ بْنُ مُعَاذٍ وَهُوَ قَاعِدٌ عَلَى قَبْرِهِ ، قَالَ : " لَوْ نَجَا أَحَدٌ مِنْ فِتْنَةِ الْقَبْرِ لَنَجَا سَعْدُ بْنُ مُعَاذٍ ، وَلَقَدْ ضُمَّ ضَمَّةً ثُمَّ رُخِّيَ عَنْهُ

Ibn ‘Abbas radiallahu ‘anhuma meriwayatkan bahawa ketika hari pengebumian Sa’ad bin Mu’az radiallahu ‘anhu, bagainda duduk di kuburnya lalu bersabda: Seandainya ada seseorang yang terselamat daripada ujian kubur, nescaya Sa’ad bin Mu’az akan selamat. Sesungguhnya kubur akan disempitkan kemudian dilapangkan untuknya. [Riwayat at-Thabrani dalam Al-Mu’jam Al-Kabir, Hadis ‘Abdullah bin ‘Abbas, hadis no: 10681, Shaikh al-Albani mensahihkannya dalam Sahih al-Jami’]

Imam al-Sayuti menyatakan:

قال أبو القاسم السعدي :لا ينجو من ضغطة القبر صالح ولا طالح غير ان الفرق بين المسلم والكافر فيها دوام الضغط للكافر وحصول هذه الحالة للمؤمن في أول نزوله إلى قبره ثم يعود إلى الانفساح له

Abu al-Qasim al-Sa’diy berkata: Tidak ada sesiapa yang akan selamat daripada kesempitan kubur sama ada dia soleh atau orang jahat. Yang menjadi beza antara Muslim dan kafir ialah kesempitan kubur itu akan berterusan untuk orang kafir. Manakala orang beriman akan merasai kesempitan ini pada awal-awal memasuki kubur, kemudian kubur itu akan dilapangkan semula untuknya.[14]

Adakah azab kubur dapat didengari?

Selain daripada manusia, makhluk lain masih dapat mendengar suara jenazah. Ini ditunjukkan di dalam hadis ini:

عَنْ أَبِيهِ ، أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ , قَالَ : كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ , يَقُولُ : " إِذَا وُضِعَتِ الْجِنَازَةُ فَاحْتَمَلَهَا الرِّجَالُ عَلَى أَعْنَاقِهِمْ ، فَإِنْ كَانَتْ صَالِحَةً قَالَتْ : قَدِّمُونِي ، وَإِنْ كَانَتْ غَيْرَ صَالِحَةٍ قَالَتْ لِأَهْلِهَا : يَا وَيْلَهَا أَيْنَ يَذْهَبُونَ بِهَا , يَسْمَعُ صَوْتَهَا كُلُّ شَيْءٍ ، إِلَّا الْإِنْسَانَ وَلَوْ سَمِعَ الْإِنْسَانُ لَصَعِقَ

Abu Sa’id al-Khudri radiallahu ‘ahu berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila jenazah diangkat, dan orang ramai mengangkatnya di atas bahu mereka. Seandainya jenazah itu baik, jenazah itu akan berkata: Segerakan aku. Seandainya ia jenazah yang tidak baik, jenazah itu akan berkata kepada keluarganya: Celaka lah. Ke mana mereka mahu pergi dengannya. Setiap makhluk akan mendengar suara ini kecuali manusia. Jika manusia mendengar, nescaya mereka akan terkejut. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Janaiz, hadis no: 1238]

Akan tetapi, untuk azab kubur. Hanya Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam yang dapat mendengar. Hatta jin pun tidak mampu mendengarnya.

عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ ، قَالَ أَبُو سَعِيدٍ وَلَمْ أَشْهَدْهُ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَكِنْ حَدَّثَنِيهِ زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ ، قَالَ : بَيْنَمَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَائِطٍ لِبَنِي النَّجَّارِ عَلَى بَغْلَةٍ لَهُ ، وَنَحْنُ مَعَهُ إِذْ حَادَتْ بِهِ ، فَكَادَتْ تُلْقِيهِ وَإِذَا أَقْبُرٌ سِتَّةٌ أَوْ خَمْسَةٌ أَوْ أَرْبَعَةٌ ، قَالَ : كَذَا كَانَ ، يَقُولُ : الْجُرَيْرِيُّ ، فَقَالَ : " مَنْ يَعْرِفُ أَصْحَابَ هَذِهِ الْأَقْبُرِ ؟ " ، فَقَالَ رَجُلٌ : أَنَا قَالَ : فَمَتَى مَاتَ هَؤُلَاءِ ؟ ، قَالَ : مَاتُوا فِي الْإِشْرَاكِ ؟ ، فَقَالَ : " إِنَّ هَذِهِ

[14] Syarah al-Sayuti Li Sunan an-Nasaie, jilid 4, m/s 101

الْأُمَّةَ تُبْتَلَى فِي قُبُورِهَا ، فَلَوْلَا أَنْ لَا تَدَافَنُوا لَدَعَوْتُ اللَّهَ أَنْ يُسْمِعَكُمْ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ الَّذِي أَسْمَعُ مِنْهُ ، ثُمَّ أَقْبَلَ عَلَيْنَا بِوَجْهِهِ ، فَقَالَ : " تَعَوَّذُوا بِاللَّهِ مِنْ عَذَابِ النَّارِ " ، قَالُوا : نَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ عَذَابِ النَّارِ ، فَقَالَ : " تَعَوَّذُوا بِاللَّهِ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ " ، قَالُوا : نَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ ، قَالَ : " تَعَوَّذُوا بِاللَّهِ مِنَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ " ، قَالُوا : نَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ ، قَالَ : " تَعَوَّذُوا بِاللَّهِ مِنْ فِتْنَةِ الدَّجَّالِ " ، قَالُوا : نَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ فِتْنَةِ الدَّجَّالِ

Zaid bin Tsabit radiallahu ‘anhu berkata: Ketika Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersama-sama kami menuju ke perkampungan Bani an-Najjar dengan menunggang keldainya. Tiba-tiba keldainya ketakutan hingga hampir-hampir menjatuhkan baginda. Lalu baginda ternampak lebih kurang empat, atau lima, atau enam buah kubur. Baginda pun bertanya: Siapa yang tahu tentang penghuni kubur-kubur ini? Seorang sahabat berkata: Aku. Baginda bertanya: Bilakah mereka ini mati? Dia menjawab: Mereka mati dalam keadaan musyrik. Lalu baginda berkata: Sesungguhnya mereka ini sedang diuji di dalam kubur. Jikalah tidak kerana takut kalian tidak akan lagi mengebumikan jenazah (kerana terdengar suara azab kubur), nescaya aku akan meminta kepada Allah untuk memperdengarkan kepada kalian bunyi azab kubur yang aku dengar. Kemudian baginda menghadap kami dan berkata: Mohonlah perlindungan Allah daripada azab neraka. Para sahabat pun berkata: Kami berlindung dengan Allah daripada azab neraka. Baginda berkata: Mohonlah perlindungan Allah daripada azab kubur. Para sahabat pun berkata: Kami berlindung dengan Allah daripada azab kubur. Baginda berkata: Mohonlah perlindungan Allah daripada fitnah yang kelihatan dan tersembunyi. Para sahabat berkata: Kami berlindung dengan Allah daripada fitnah yang kelihatan dan tersembunyi. Baginda berkata: Mohonlah perlindungan Allah daripada fitnah ad-Dajjal. Para sahabat berkata: Kami berlindung dengan Allah daripada fitnah ad-Dajjal. [Sahih Muslim, Kitab al-Jannah, hadis no: 5116]

Dalam hadis Al-Bara’ bin ‘Azib:

ثُمَّ يُقَيَّضُ لَهُ أَعْمَى أَصَمُّ أَبْكَمُ فِي يَدِهِ مِرْزَبَةٌ ، لَوْ ضُرِبَ بِهَا جَبَلٌ كَانَ تُرَابًا ، فَيَضْرِبُهُ ضَرْبَةً حَتَّى يَصِيرَ تُرَابًا ، ثُمَّ يُعِيدُهُ اللَّهُ كَمَا كَانَ ، فَيَضْرِبُهُ ضَرْبَةً أُخْرَى ، فَيَصِيحُ صَيْحَةً يَسْمَعُهُ كُلُّ شَيْءٍ إِلاَّ الثَّقَلَيْنِ.

Kemudian seseorang yang buta, pekak dan bisu yang memegang pemukul datang untuk menghancurkan jenazah itu. Seandainya dia memukul bukit dengan pemukul itu, bukit itu akan menjadi debu. Lalu dia memukul jenazah tadi hingga ia menjadi debu. Kemudian Allah mengembalikan jenazah itu kepada keadaan sebelumnya, lalu orang itu memukulnya dengan pukulan yang lain, lalu jenazah itu menjerit dengan jeritan yang didengari oleh semua makhluk kecuali jin dan manusia

Al-Hafiz Ibn Hajar berkata:

والأول استثنى فيه الإنس فقط والثاني استثنى فيه الجن والأنس والجواب أن كلام الميت بما ذكر لا يقتضي وجود الصعق وهو الفزع الا من الآدمي لكونه لم يالف سماع كلام الميت بخلاف الجن في ذلك وأما الصيحة التي

يصيحها المضروب فإنها غير مألوفه للإنس والجن جميعا لكون سببها عذاب الله ولا شيء أشد منه على كل مكلف فاشترك فيه الجن والإنس والله أعلم

Untuk hadis yang pertama (iaitu hadis jenazah diangkat orang ramai) dikecualikan manusia sahaja (daripada mendengar suara jenazah). Manakala yang kedua (iaitu hadis Al-Bara' bin Azib) dikecualikan jin dan manusia (daripada mendengar bunyi azab kubur). Ini kerana suara yang pertama itu tidak wujudnya jeritan yang menakutkan kecuali kepada kepada manusia kerana manusia tidak biasa mendengar suara mayat, tidak seperti jin. Adapun suara jeritan daripada mayat yang dipukul, sesungguhnya ia tidak biasa didengari oleh jin dan manusia kesemuanya kerana ia merupakan azab Allah dan tiada sesuatu yang lebih dahsyat daripada itu kepada semua mukallaf. Maka jin dan manusia manusia sama-sama (tidak boleh mendengar jeritan itu). Wallahua'lam.[15]

Apakah hikmah manusia tidak dapat mendengar suara azab kubur. Shaikh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin berkata:

Pertama:

ما أشار إليه النبي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بقوله : « لولا أن لا تدافنوا ؛ لدعوت الله أن يسمعكم من عذاب القبر » .

Apa yang Nabi sallallahu 'alaihi wasallam isyaratkan (Jika tidak kerana takut kalian tidak akan mengebumikan jenazah…) [Bermaksud ditakuti manusia enggan mengebumikan jenazah kerana takut selepas mendengar bunyi azab kubur]

Kedua:

أن في إخفاء ذلك سترًا للميت.

Untuk menutup keaiban si mati

Ketiga:

أن فيه عدم إزعاج لأهله ؛ لأن أهله إذا سمعوا ميتهم يعذب ويصيح ؛ لم يستقر لهم قرار.

Untuk mengelakkan gangguan emosi kepada ahli keluarganya. Ini kerana jika ahli keluarga mendengar mayat keluarganya diazab dan menjerit, mereka tidak akan dapat hidup dengan tenang.

Keempat:

عدم تخجيل أهله ؛ لأن الناس يقولون : هذا ولدكم ! هذا أبوكم ! هذا أخوكم ! وما أشبه ذلك.

---

[15] Fathul Bari, jilid 3, m/s 185

Untuk tidak memalukan ahli keluarganya. Ini kerana manusia akan berkata: Ini ayah engkau! Ini anak engkau! Ini saudara engkau! Dan seumpamanya.

Kelima:

أننا قد نهلك ؛ لأنها صيحة ليست هينة ، بل صيحة قد توجب أن تسقط القلوب من معاليقها ، فيموت الإنسان أو يغشى عليه.

Sesungguhnya kita semua akan musnah (jika mendengarnya). Ini kerana ia bukan satu suara ringan. Bahkan ia jeritan yang akan boleh menggugurkan jantung, dan manusia boleh mati atau pengsan kerananya.

Keenam:

لو سمع الناس صراخ هؤلاء المعذبين ؛ لكان الإيمان بعذاب القبر من باب الإيمان بالشهادة ، لا من باب الإيمان بالغيب ، وحينئذ تفوت مصلحة الامتحان ؛ لأن الناس سوف يؤمنون بما شاهدوه قطعا ؛ لكن إذا كان غائبا عنهم ، ولم يعلموا به إلا عن طريق الخبر ؛ صار من باب الإيمان بالغيب.

Seandainya manusia mendengar raungan mayat yang diazab, maka iman kepada azab kubur temasuk dalam beriman dengan perkara yang dapat dilihat, dan bukan beriman dengan perkara ghaib. Ini akan menyebabkan luputnya objektif ujian (beriman dengan benda ghaib) kerana manusia pasti akan beriman dengan apa yang mereka saksikan. Akan tetapi jika itu perkara ghaib dan mereka tidak dapat memahami melainkan dengan cara wahyu, maka itu termasuk bab beriman dengan perkara ghaib.[16]

Mayat diazab sebab tangisan keluarga

Kita sudah membaca hadis yang menyatakan bahawa mayat mendengar bunyi tapak kasut orang ramai yang pulang daripada proses pengebumian. Akan tetapi terdapat satu hadis yang musykil, yang menyatakan mayat akan diseksa kerana keluarganya menangisi kematiannya.

أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ قَالَ : " تُوُفِّيَتِ ابْنَةٌ لِعُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بِمَكَّةَ ، وَجِئْنَا لِنَشْهَدَهَا وَحَضَرَهَا ابْنُ عُمَرَ وَابْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ ، وَإِنِّي لَجَالِسٌ بَيْنَهُمَا , أَوْ قَالَ : جَلَسْتُ إِلَى أَحَدِهِمَا ، ثُمَّ جَاءَ الْآخَرُ فَجَلَسَ إِلَى جَنْبِي , فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا لِعَمْرِو بْنِ عُثْمَانَ : أَلَا تَنْهَى عَنِ الْبُكَاءِ ، فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ , قَالَ : إِنَّ الْمَيِّتَ لَيُعَذَّبُ بِبُكَاءِ أَهْلِهِ عَلَيْهِ ,

‘Abdullah bin ‘Ubaidillah berkata: Anak perempuan Uthman radiallahu telah meninggal dunia di Mekah. Kami hadir menyaksikan jenazah, begitu juga Ibn ‘Umar dan Ibn ‘Abbas radiallahu ‘anhum. Sesungguhnya aku duduk di tengah-tengah antara mereka berdua, atau berhampiran dengan salah seorang mereka. Kemudian datang seseorang lalu duduk di sebelah aku. ‘Abdullah bin ‘Umar

[16] Majmu’ Fatawa wa Rasail Ibn Uthaimin, jilid 8, m/s 482-483

berkata kepada ‘Amru bin Uthman: Adakah engkau tidak mahu melarang orang daripada menangis? Sesungguhnya Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya mayat akan diazab dengan tangisan ahli keluarganya.

Dalam riwayat yang sama, Ibn ‘Abbas pula berkata:

فَلَمَّا أُصِيبَ عُمَرُ دَخَلَ صُهَيْبٌ يَبْكِي , يَقُولُ : وَا أَخَاهُ وَا صَاحِبَاهُ ، فَقَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : يَا صُهَيْبُ أَتَبْكِي عَلَيَّ , وَقَدْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ الْمَيِّتَ يُعَذَّبُ بِبَعْضِ بُكَاءِ أَهْلِهِ عَلَيْهِ ،

Apabila Umar radiallahu ‘anhuma ditikam (yang akhirnya beliau meninggal dunia), Suhaib datang kepadanya dan menangis sambil berkata: Wahai saudara ku, wahai sahabat ku. Lalu ‘Umar radiallahu ‘anhu berkata kepada Suhaib: Wahai Suhaib, adakah engkau menangis kerana aku? Sesungguhnya Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya mayat akan diazab dengan sebahagian tangisan ahli keluarganya ke atasnya.

قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : فَلَمَّا مَاتَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ذَكَرْتُ ذَلِكَ لِعَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا , فَقَالَتْ : رَحِمَ اللَّهُ عُمَرَ ، وَاللَّهِ مَا حَدَّثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ لَيُعَذِّبُ الْمُؤْمِنَ بِبُكَاءِ أَهْلِهِ عَلَيْهِ وَلَكِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ , قَالَ : إِنَّ اللَّهَ لَيَزِيدُ الْكَافِرَ عَذَابًا بِبُكَاءِ أَهْلِهِ عَلَيْهِ ، وَقَالَتْ : حَسْبُكُمُ الْقُرْآنُ وَلا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى سورة الأنعام آية 164 , قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : عِنْدَ ذَلِكَ , وَاللَّهُ هُوَ أَضْحَكَ , وَأَبْكَى , قَالَ : ابْنُ أَبِي مُلَيْكَةَ وَاللَّهِ مَا قَالَ ابْنُ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا شَيْئًا

Ibn ‘Abbas berkata: Apabila meninggalnya ‘Umar radiallahu ‘anhu, aku menceritakan hal ini kepada ‘Aisyah radiallahu ‘anha, lalu beliau berkata: Semoga Allah merahmati ‘Umar. Demi Allah, tidak pernah Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam berkata bahawa sesungguhnya Allah akan mengazab orang beriman disebabkan tangisan ahli keluarga kepadanya. Sebaliknya apa yang Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam katakan ialah: Sesungguhnya Allah akan menambah azab kepada orang kafir disebabkan tangisan ahli keluarganya kepadanya. ‘Aisyah berkata lagi: Cukuplah untuk kalian al-Quran: Seseorang tidak akan memikul beban orang lain (al-An’a, : 164). Ibn ‘Abbas berkata: Allah yang menyebabkan seseorang ketawa atau menangis. Ibn Abi Mulaikah berkata: Demi Allah, Ibn ‘Umar tidak berkata apa-apa tentang hal itu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Janaiz, hadis no: 1212]

Dalam hadis di atas menunjukkan bahawa ‘Aisyah tidak bersetuju dengan hadis yang diriwayatkan oleh sahabat lain berkaitan hal ini. Ini kerana pada pandangannya hadis itu bertentangan dengan ayat al-Quran. Bahkan Aisyah menganggap bahawa para sahabat telah tersilap dan terlupa dalam meriwayatkan hadis itu.

عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : ذُكِرَ عِنْدَ عَائِشَةَ قَوْلُ ابْنِ عُمَرَ : الْمَيِّتُ يُعَذَّبُ بِبُكَاءِ أَهْلِهِ عَلَيْهِ ، فَقَالَتْ : رَحِمَ اللَّهُ أَبَا عَبْدِ الرَّحْمَنِ سَمِعَ شَيْئًا فَلَمْ يَحْفَظْهُ ، إِنَّمَا مَرَّتْ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَنَازَةُ يَهُودِيٍّ ، وَهُمْ يَبْكُونَ عَلَيْهِ ، فَقَالَ : " أَنْتُمْ تَبْكُونَ وَإِنَّهُ لَيُعَذَّبُ

'Urwah menyebutkan bahawa: Disebutkan kepada 'Aisyah kata-kata Ibn 'Umar: Mayat akan diazab disebabkan tangisan ahli keluarga kepadanya. 'Aisyah pun berkata: Semoga Allah merahmati Abu Abdul Rahman, dia mendengar sesuatu tetapi tidak menghafaznya. Sesungguhnya satu jenazah Yahudi pernah lalu berhampiran Nabi sallallahu 'alaihi wasallam, dan orang ramai menangis jenazah itu, lalu baginda berkata: Kalian menangis sedangkan dia diazab. [Sahih Muslim, Kitab al-Janaiz, hadis no: 1552]

Maka timbul persoalan di sini, benarkah sahabat-sahabat yang lain tersilap? Jika 'Aisyah yang tersilap, bagaimana mahu memahami hadis itu yang secara zahirnya bercanggah dengan al-Quran, bahkan seolah-olah menisbahkan sifat zalim kepada Allah?

Imam al-Qurtubi berkata:

وقال القرطبي إنكار عائشة ذلك وحكمها على الراوي بالتخطئة أو النسيان أو على أنه سمع بعضا ولم يسمع بعضا بعيد لأن الرواة لهذا المعنى من الصحابة كثيرون وهم جازمون فلا وجه للنفي مع إمكان حمله على محمل صحيح

Pengingkaran 'Aisyah terhadapi hadis ini dan menyatakan bahawa perawinya telah silap atau telah terlupa, atau telah mendengar sebahagian hadis tetapi tidak mendengar sebahagian yang lain merupakan sangat jauh (daripada kebenaran) kerana perawi yang meriwayatkan hadis ini daripada sahabat sangat ramai, dan mereka meriwayatkannya dengan pasti. Maka tiada jalan untuk menafikannya kerana ia berada pada kedudukan hadis sahih.[17]

Al-Hafiz Ibn Hajar membawakan beberapa ulasan ulama untuk memahami hadis ini[18]:

1) Mayat akan diazab apabila meratap itu kebiasaan dan si mati tidak menasihati ahli keluarganya untuk tidak meratap. Ini berdasarkan tajuk bab yang diberikan oleh Imam al-Bukhari sendiri iaitu:

    باب قول النبي صلى الله عليه وسلم يعذب الميت ببعض بكاء أهله عليه إذا كان النوح من سنته

    Bab hadis-hadis nabi sallallahu 'alaihi wasallam bahawa mayat akan diazab dengan sebahagian tangisan ahli keluarganya apabila ratapan merupakan daripada kebiasaan.

    Kemudian Imam al-Bukhari membawakan firman Allah dalam surah at-Tahrim ayat 6:

    ﴿قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا﴾ [التحريم: 6]

    Jagalah diri kalian dan keluarga kalian daripada neraka.

    Kemudian Imam al-Bukhari membawakan hadis yang berbunyi:

[17] Fathul Bari, jilid 3, m/s 154
[18] Lihat Fathul Bari, jilid 3, m/s 152-

كلكم راع ومسؤول عن رعيته

Setiap kalian adalah pemimpin, dan akan dipertanggungjawabkan atas mereka yang dipimpin.

قال بن المبارك إذا كان ينهاهم في حياته ففعلوا شيئا من ذلك بعد وفاته لم يكن عليه شيء

Abdullah bin Mubarak berkata: Jika ketika hidupnya dia sudah melarang ahli keluarganya daripada melakukan hal itu (iaitu meratap) selepas kematiannya, maka tiada azab akan menimpanya.

Maka jelasnya dia berdosa kerana dia mengabaikan didikan kepada ahli keluarganya sedangkan dia tahu menjadi budaya masyarakatnya meratap selepas kematian.

Perlu difahami bahawa bukan semua tangisan membawa kepada azab. Ini kerana yang dilarang ialah meratap, bahkan terdapat riwayat menyatakan bahawa “sebahagian tangisan”. Maka yang dimaksudkan di sini ialah tangisan dalam bentuk ratapan dan bukan semua bentuk tangisan.

2) Apabila si mati mewasiatkan agar dia diratapi. Ini merupakan pendapat ramai ulama seperti Al-Imam Muzani, Ibrahim Al-Harbi, ulama-ulama mazhab Syafie dan Imam an-Nawawi menukilkan bahawa ini pendapat majoriti

3) Ia satu hukuman atas dosa-dosa dia yang lalu, dan ahli keluarganya menangis kerana dosa-dosa tersebut. Ini merupakan pendapat Ibn Hazm.

4) Ia bukan satu hukuman. Azab di sini bermaksud si mayat terasa sedih atau pedih melihat kesedihan ahli keluarganya. Ini kerana bukankah mayat juga mendengar sebagaimana hadis mayat mendengar bunyi tapak kaki ahli keluarga yang pulang. Ini merupakan pendapat Abu Ja’far at-Tabarai, Ibn al-Murabith, ‘Iyadh, Ibn Taimiyyah dan sekelompok ulama kemudian.

   Bahkan maksud azab yang bukan bermaksud hukuman, sebaliknya kesusahan, kepayahan jelas dalam sebuah hadis Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " السَّفَرُ قِطْعَةٌ مِنَ الْعَذَابِ يَمْنَعُ أَحَدَكُمْ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ وَنَوْمَهُ ، فَإِذَا قَضَى نَهْمَتَهُ فَلْيُعَجِّلْ إِلَى أَهْلِهِ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Musafir itu satu potongan daripada azab. Ia menghalang salah seorang daripada kalian daripada makan, minum dan tidur. Apabila telah selesai urusannya, hendaklah dia pulang kepada ahli keluarganya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Hajj, hadis no: 1684]

Doa

Doa adalah sebaik-baik senjata umat Islam. Perbanyakkanlah amal soleh agar terselamat daripada ujian kubur, dan banyakkanlah berdoa kepada Allah.

سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ ، وَالْجُبْنِ ، وَالْهَرَمِ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا ، وَالْمَمَاتِ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Ya Allah, aku berlindung dengan mu daripada lemah dan malas, daripada sifat pengecut dan sakit tua. Aku berlindung dengan mu daripada ujian kehidupan dan kematian. Aku berlindung dengan mu daripada azab kubur. [Sahih al-Bukhari, Kitab ad-Daawat, hadis no: 2624]

حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي عَائِشَةَ ، أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ ، يَقُولُ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا فَرَغَ أَحَدُكُمْ مِنَ التَّشَهُّدِ الآخِرِ ، فَلْيَتَعَوَّذْ بِاللَّهِ مِنْ أَرْبَعٍ ، مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ ، وَمِنَ شَرِّ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ"

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila salah seorang kalian selesai daripada tahiyat akhir, hendaklah dia memohon perlindungan kepada Allah daripada empat perkara iaitu daripada azab neraka, daripada azab kubur, daripada fitnah kehidupan dan kematian, dan daripada kejahatan dajjal [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 931]

Berfikir tentang kematian

Sesungguhnya mengingati kematian adalah satu jalan yang kuat untuk memotivasi diri kita. Ini kerana kita tenggelam dengan maksiat dan lalai daripada ibadah, salah satu sebabnya ialah, kerana kita tidak merasakan bahawa hidup kita akan berakhir.

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ ، قَالَ : جَاءَ جِبْرِيلُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ : " يَا مُحَمَّدُ ، عِشْ مَا شِئْتَ فَإِنَّكَ مَيِّتٌ ، وَاعْمَلْ مَا شِئْتَ فَإِنَّكَ مَجْزِيٌّ بِهِ ، وَأَحْبِبْ مَنْ شِئْتَ فَإِنَّكَ مُفَارِقُهُ ، وَاعْلَمْ أَنَّ شَرَفَ الْمُؤْمِنِ قِيَامُ اللَّيْلِ ، وَعِزَّهُ اسْتِغْنَاؤُهُ عَنِ النَّاسِ

Sahl bin Sa’ad radiallahu ‘anhu berkata: Jibril telah datang kepada Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam lalu berkata: Ya Muhammad. Hiduplah semahu engkau, sesungguhnya engkau akan mati. Beramallah dengan apa yang engkau mahu, sesungguhnya engkau akan dibalas. Cintailah sesiapa yang engkau mahu, sesungguhnya engkau akan berpisah daripadanya. Ketahuilah, kemuliaan seorang beriman ialah bangun malam, dan kekuatannya ialah ketidak bergantungannya kepada

manusia. [Riwayat at-Thabrani dalam Al-Mu'jam Al-Kabir, Bab al-'Ain, hadis no: 4410. Shaikh al-Albani menyatakan ia hadis hasan lighairihi dalam Al-Silsilah Al-Sahihah]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " أَكْثِرُوا ذِكْرَ هَاذِمِ اللَّذَّاتِ ، فَمَا ذَكَرَهُ عَبْدٌ قَطُّ وَهُوَ فِي ضِيقٍ إِلا وَسَّعَهُ عَلَيْهِ ، وَلا ذَكَرَهُ وَهُوَ فِي سَعَةٍ إِلا ضَيَّقَهُ عَلَيْهِ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Perbanyakkan mengingati pemutus kelazatan (iaitu kematian). Tidaklah seseorang yang berada dalam keadaan sukar mengingatinya melainkan akan dilapangkan untuknya. Tidaklah seseorang mengingatinya ketika dia dalam keadaan senang-lenang melainkan dia akan berasa sempit (kerana terfikir dia akan mati). [Sahih Ibn Hibban, Kitab al-Janaiz, hadis no: 3069]

Tanda-Tanda Kiamat

Keimanan kepada kiamat merupakan satu aspek rukun Iman yang kerap kali disebut di dalam al-Quran.

Firman Allah:

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ

Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi [Al-Baqarah : 177]

Kehadirannya adalah sesuatu yang pasti tanpa diragukan lagi.

إِنَّ السَّاعَةَ لَآتِيَةٌ لَا رَيْبَ فِيهَا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ (59)

Sesungguhnya hari kiamat itu akan datang tanpa sebarang keraguan padanya. Akan tetapi kebanyakan manusia tidak beriman. [Ghafir : 59]

Akan tetapi ia diragukan oleh manusia-manusia yang kafir;

{زَعَمَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنْ لَنْ يُبْعَثُوا قُلْ بَلَى وَرَبِّي لَتُبْعَثُنَّ ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلْتُمْ وَذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ (7)

Orang-orang yang kafir mengatakan, bahwa mereka sekali-kali tidak akan dibangkitkan. Katakanlah: "Tidak demikian, demi Tuhanku, benar-benar kamu akan dibangkitkan, kemudian akan diberitakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan". Yang demikian itu adalah mudah bagi Allah. [At-Taghabun : 7]

Al-Imam Ibn Kathir menerangkan:

يقول تعالى منبها على أنه يعيد الخلائق يوم القيامة، وأن ذلك سهل عليه، يسير لديه –بأنه خلق السموات والأرض، وخلقهما أكبر من خلق الناس بدأة وإعادة، فمن قدر على ذلك فهو قادر على ما دونه بطريق الأولى والأحرى

Allah menyatakan bahawa dia akan mengembalikan (iaitu menghidupkan kembali) makhluk-makhluknya pada hari kiamat. Hal itu sangat mudah bagiNya. Ini kerana Dia telah Mencipta langit dan bumi, penciptaan langit dan bumi itu lebih besar daripada penciptaan manusia pada awalnya dan menciptakannya semula. Sesiapa yang mampu melakukan hal itu (iaitu mencipta langit dan bumi), maka Dia pasti mampu melakukan selainnya.[19]

Kiamat Sudah Dekat

Sesungguhnya Allah dan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam telah mengisyaratkan bahawa kiamat itu semakin menghampiri kita. Semakin usia kita meningkat, sudah pasti jumlah hari antara kita dan kiamat semakin sedikit.

Firman Allah:

اقْتَرَبَتِ السَّاعَةُ وَانْشَقَّ الْقَمَرُ (1)

Telah dekat [datangnya] saat itu dan telah terbelah bulan [Al-Qamar : 1]

اقْتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمْ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ مُعْرِضُونَ (1) مَا يَأْتِيهِمْ مِنْ ذِكْرٍ مِنْ رَبِّهِمْ مُحْدَثٍ إِلَّا اسْتَمَعُوهُ وَهُمْ يَلْعَبُونَ (2) لَاهِيَةً قُلُوبُهُمْ وَأَسَرُّوا النَّجْوَى الَّذِينَ ظَلَمُوا هَلْ هَذَا إِلَّا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ أَفَتَأْتُونَ السِّحْرَ وَأَنْتُمْ تُبْصِرُونَ (3)

Telah dekat kepada manusia hari menghisab segala amalan mereka, sedang mereka berada dalam kelalaian lagi berpaling [daripadanya]. (1) Tidak datang kepada mereka suatu ayat Al Qur’anpun yang baru [diturunkan] dari Tuhan mereka, melainkan mereka mendengarnya, sedang mereka bermain-main, (2) [lagi] hati mereka dalam keadaan lalai. Dan mereka yang zalim itu merahasiakan pembicaraan mereka: "Orang ini tidak lain hanyalah seorang manusia [jua] seperti kamu, maka apakah kamu menerima sihir itu [1] padahal kamu menyaksikannya?" (3) [Al-Anbiya’ : 1-3]

Shaikh Abdul Rahman as-Sa’di berkata:

هذا تعجب من حالة الناس، وأنه لا ينجع فيهم تذكير، ولا يرعون إلى نذير، وأنهم قد قرب حسابهم، ومجازاتهم على أعمالهم الصالحة والطالحة، والحال أنهم في غفلة معرضون، أي: غفلة عما خلقوا له، وإعراض عما زجروا

---

[19] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 7, m/s 152

به. كأنهم للدنيا خلقوا، وللتمتع بها ولدوا، وأن الله تعالى لا يزال يجدد لهم التذكير والوعظ، ولا يزالون في غفلتهم وإعراضهم

Ini merupakan salah satu perkara pelik berkaitan keadaan manusia. Peringatan yang diberikan tidak memberi kesan kepada mereka, mereka tidak rasa terancam dengan amaran yang diberikan. Sesungguhnya hari penghisaban mereka menghampiri mereka. Ia merupakan masa hitungan amal-amal kebaikan dan kejahatan mereka. Akan tetapi manusia dalam kelalaian dan berpaling. Lalai daripada tujuan mereka diciptakan, berpaling daripada amaran yang diberikan. Seolah-olah manusia menyangka mereka diciptakan untuk dunia ini, untuk bersenang-senang dan beranak-pinak. Allah sentiasa memperbaharui peringatan dan nasihat kepada mereka. Mereka pula sentiasa dalam keadaan lalai dan berpaling.[20]

Manusia seringkali melihat kiamat itu masih jauh, sedangkan hakikatnya ia semakin menghampiri kita.

إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُ بَعِيدًا (6) وَنَرَاهُ قَرِيبًا (7)

Sesungguhnya mereka melihat ia masih jauh (6) Sedangkan kami melihat ia sudah dekat [Al-Ma'arij : 6-7]

Al-Imam Ibn Kathir menyatakan:

{إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُ بَعِيدًا } أي: وقوع العذاب وقيام الساعة يراه الكفرة بعيد الوقوع، بمعنى مستحيل الوقوع، { وَنَرَاهُ قَرِيبًا } أي: المؤمنون يعتقدون كونه قريبا، وإن كان له أمد لا يعلمه إلا الله، عز وجل، لكن كل ما هو آت فهو قريب وواقع لا محالة.

((Sesungguhnya mereka melihat ia masih jauh)) bermaksud orang-orang kafir menyangka turunnya azab dan hari kiamat itu sangat jauh, iaitu mustahil ia berlaku. ((Sedangkan kami melihatnya sudah dekat)) bermaksud orang beriman berkeyakinan bahawa ia semakin dekat. Hanya sahaja tempoh masa itu tiada yang mengetahuinya kecuali Allah. Akan tetapi setiap perkara yang pasti datang, maka ia semakin mendekat dan pasti akan berlaku tanpa keraguan.[21]

Ia bukanlah sesuatu perkara yang pelik. Semakin lama sudah pasti semakin dekat hari kiamat dengan kita, sebagaimana semakin tua usia kita, semakin dekat kita dengan kematian berbanding hari-hari sebelumnya.

[20] Taisir al-Karim al-Rahman Fi Tafsir al-Kalam al-Mannan, m/s 518
[21] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 8, m/s 224

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ ، قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا خَطَبَ احْمَرَّتْ عَيْنَاهُ وَعَلَا صَوْتُهُ وَاشْتَدَّ غَضَبُهُ ، حَتَّى كَأَنَّهُ مُنْذِرُ جَيْشٍ ، يَقُولُ : " صَبَّحَكُمْ وَمَسَّاكُمْ " ، وَيَقُولُ : " بُعِثْتُ أَنَا وَالسَّاعَةَ كَهَاتَيْنِ ، وَيَقْرُنُ بَيْنَ إِصْبَعَيْهِ السَّبَّابَةِ وَالْوُسْطَى

Jabir bin ‘Abdullah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam apabila berkhutbah, akan merahlah kedua matanya, akan tinggilah suaranya, akan keraslah ketegasannya seolah-olah baginda sedang memberi arahan kepada tentera dengan berkata: (Tentera musuh) akan menyerang kalian pada pagi dan petang. Lalu ketika khutbah itu baginda berkata: Tempoh waktu antara aku diutuskan dan hari kiamat ialah seperti dua jari ini, lalu baginda merapatkan antara jari telunjuk dan jari hantunya. [Sahih Muslim, Kitab al-Jumu’ah, hadis no: 1441]

Tiada siapa tahu bila kiamat berlaku

Sesungguhnya bilakah berlakunya kiamat merupakan satu rahsia yang hanya Allah sahaja mengetahui tarikhnya. Seandainya ada mana-mana manusia dapat meramal tarikh hari kiamat, sama ada dia seorang bomoh, saintis, ustaz, ulama, maka dia hendaklah dia menjauhi. Manusia utusan Allah iaitu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam sendiri tidak tahu bila.

Firman Allah:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّي لَا يُجَلِّيهَا لِوَقْتِهَا إِلَّا هُوَ ثَقُلَتْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا تَأْتِيكُمْ إِلَّا بَغْتَةً يَسْأَلُونَكَ كَأَنَّكَ حَفِيٌّ عَنْهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ (187(

Mereka bertanya kepadamu tentang kiamat: "Bilakah terjadinya?" Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan tentang kiamat itu adalah milik Tuhanku; tidak seorang pun yang dapat menjelaskan waktu kedatangannya selain Dia. Kiamat itu amat berat [huru-haranya bagi makhluk] yang di langit dan di bumi. Kiamat itu tidak akan datang kepadamu melainkan dengan tiba-tiba". Mereka bertanya kepadamu seakan-akan kamu benar-benar mengetahuinya. Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan tentang hari kiamat itu adalah milik Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui". [Al-A’raf : 187]

Al-Imam Ibn Kathir menerangkan:

أمر تعالى نبيه صلى الله عليه وسلم إذا سئل عن وقت الساعة، أن يرُدَّ علمها إلى الله تعالى؛ فإنه هو الذي يجليها لوقتها، أي: يعلم جلية أمرها، ومتى يكون على التحديد، [أي] (5) لا يعلم ذلك [أحد] (6) إلا هو تعالى

Allah menyuruh Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam, apabila ditanya tentang bilakah hari kiamat, untuk mengembalikan ilmu mengenai hal itu kepada Allah. Sesungguhnya Dia lah yang tahu bila

masanya. Yang benar-benar mengetahui hal itu dan bilakah ia berlaku secara spesifik (hanyalah Allah). Tiada seorang pun yang tahu hal itu kecuali Dia.[22]

Jibril pernah bertanya kepada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam dalam sebuah hadis yang dipanggil hadis Jibril.

قَالَ مَتَى السَّاعَةُ

Bilakah hari kiamat?

مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ،

Baginda menjawab: Tidaklah yang ditanya lebih tahu daripada yang bertanya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 50]

Seandainya Nabi sallallahu 'alaihi wasallam pun tidak tahu bilakah hari kiamat, kenapa pada zaman kini ada manusia mendakwa mengetahui bila ia akan berlaku? Sungguh itu merupakan satu pendustaan yang besar.

Tanda-Tanda Kiamat

Hal mengenai wujudnya tanda-tanda hari kiamat diterangkan dalam al-Quran dan al-Hadis. Firman Allah:

فَهَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا السَّاعَةَ أَنْ تَأْتِيَهُمْ بَغْتَةً فَقَدْ جَاءَ أَشْرَاطُهَا فَأَنَّى لَهُمْ إِذَا جَاءَتْهُمْ ذِكْرَاهُمْ (18(

Maka tidaklah yang mereka tunggu-tunggu melainkan hari kiamat. Kedatangannya kepada mereka dengan tiba-tiba. Ini kerana sesungguhnya telah datang tanda-tandanya. Maka apakah faedahnya bagi mereka kesedaran mereka itu apabila hari kiamat sudah datang? [Muhammad : 18]

Ia juga ditunjukkan dalam hadis Jibril di mana selepas Nabi sallallahu 'alaihi wasallam menyatakan baginda tidak tahu bilakah hari kiamat, lalu Jibril pun berkata:

فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَتِهَا

Ceritakan kepada aku tanda-tandanya.

Jenis-jenis tanda kiamat

Dr. Umar Sulaiman al-Asyqar menyatakan bahawa tanda-tanda hari kiamat telah dibahagikan oleh ulama kepada dua bahagian, iaitu

- Tanda-tanda kecil

- Tanda-tanda besar

---

[22] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 3, m/s 518

Tanda-tanda kecil hari kiamat pula boleh dibahagikan kepada:

- Yang telah berlaku, dan tidak akan berulang

- Yang telah berlaku dan akan berulang

- Yang belum berlaku

Tanda Kiamat Yang Telah Berlaku

Diutusnya Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam

Ia merupakan petanda kiamat semakin hampir.

عَنْ أَنَسٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " بُعِثْتُ أَنَا وَالسَّاعَةَ كَهَاتَيْنِ ، قَالَ : وَضَمَّ السَّبَّابَةَ وَالْوُسْطَى. "

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: (Tempoh masa antara) aku diutuskan dan hari kiamat seperti dua jari ini. Lalu baginda merapatkan jari telunjuk dan jari tengahnya. [Sahih Muslim, Kitab al-Fitan, hadis no: 5251]

عَنِ ابْنِ أَبِي جُبَيْرَةَ بْنِ الضَّحَّاكِ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " بُعِثْتُ فِي نَسَمِ السَّاعَةِ. "

Abu Hubairah bin ad-Dhohhak radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Aku diutuskan pada awal hari kebangkitan. [Abu Nu’aim dalam Hilyatul Awliya’, Syubail bin ‘Auf, hadis no: 5286, Shaikh al-Albani berkata: Isnadnya sahih dan perawinya thiqah, al-Silsilah al-Sahihah, no: 808]

Terbelahnya Bulan

Peristiwa terbelahnya bulan ini direkodkan dalam al-Quran sendiri:

اقْتَرَبَتِ السَّاعَةُ وَانْشَقَّ الْقَمَرُ (1)

Hari kiamat semakin menghampiri dan bulan telah terbelah [Al-Qamar : 1]

Al-Imam Ibn Kathir menerangkan:

قد كان هذا في زمان رسول الله صلى الله عليه وسلم، كما ثبت ذلك في الأحاديث المتواترة بالأسانيد الصحيحة.

Hal ini telah berlaku pada zaman Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam sebagaimana telah wujud dalam hadis-hadis yang mutawatir dengan sanad yang sahih.

Kata beliau lagi:

وهذا أمر متفق عليه بين العلماء أي انشقاق القمر قد وقع في زمان النبي صلى الله عليه وسلم وأنه كان إحدى المعجزات الباهرات

Hal ini telah disepakati oleh ulama, iaitu telah berlakunya peristiwa bulan terbelah. Sesungguhnya ia berlaku di zaman nabi sallallahu ‘alaihi wasalam. Ia merupakan salah satu mu’jizat yang menakjubkan.[23]

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : " أَنَّ أَهْلَ مَكَّةَ سَأَلُوا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُرِيَهُمْ آيَةً , فَأَرَاهُمُ الْقَمَرَ شِقَّتَيْنِ حَتَّى رَأَوْا حِرَاءً بَيْنَهُمَا

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu meriwayatkan bahawa penduduk Mekah meminta Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam untuk menunjukkan kepada mereka satu tanda (mu’jizat). Lalu baginda menunjukkan kepada mereka bulan yang telah terbelah sehingga mereka dapat melihat bukit Hira’ antara kedua (belahan bulan itu). [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Manaqib, hadis no: 3604]

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ ، قَالَ : " انْشَقَّ الْقَمَرُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِرْقَتَيْنِ ، فِرْقَةً فَوْقَ الْجَبَلِ ، وَفِرْقَةً دُونَهُ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " اشْهَدُوا

‘Abdullah bin Mas’ud radiallahu ‘anhu berkata: Bulan telah terbelah di zaman Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam kepada dua bahagian. Satu bahagian di atas bukit dan satu lagi di luar kawasan bukit. Lalu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Saksikanlah. [Sahih al-Bukhari, Kitab Tafsir al-Quran, hadis no: 4511]

Api Yang Besar di Tanah Hijaz

قَالَ سَعِيدُ بْنُ الْمُسَيِّبِ : أَخْبَرَنِي أَبُو هُرَيْرَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى تَخْرُجَ نَارٌ مِنْ أَرْضِ الْحِجَازِ تُضِيءُ أَعْنَاقَ الْإِبِلِ بِبُصْرَى

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Kiamat tidak akan berlaku sehinggalah api keluar dari bumi di bumi Hijaz yang menerangi leher unta di Busra. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Fitan, hadis no: 6612]

Antara ulama yang hidup ketika peristiwa ini berlaku ialah Al-Imam an-Nawawi rahimahullah, beliau berkata:

وَقَدْ خَرَجَتْ فِي زَمَانِنَا نَارٌ بِالْمَدِينَةِ سَنَةَ أَرْبَعٍ وَخَمْسِينَ وَسِتِّمِائَةٍ ، وَكَانَتْ نَارًا عَظِيمَةً جِدًّا مِنْ جَنْبِ الْمَدِينَةِ الشَّرْقِيِّ وَرَاءَ الْحَرَّةِ ، تَوَاتَرَ الْعِلْمُ بِهَا عِنْدَ جَمِيعِ الشَّامِ وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ ، وَأَخْبَرَنِي مَنْ حَضَرَهَا مِنْ أَهْلِ الْمَدِينَةِ.

Pada zaman kami, telah keluar api di Madinah pada tahun 654 hijrah. Ia merupakan satu api yang sangat besar dari bahagian tepi timur Madinah di belakang Al-Harrah. Peristiwa ini telah diketahui ramai oleh seluruh penduduk di Syam dan seluruh negara. Penduduk Madinah yang melihat peristiwa ini telah memaklumkan aku.[24]

---

[23] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 7, m/s 472
[24] Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim, jilid 18, m/s 28

Yang Telah dan Masih Berlaku Dan Boleh Jadi Akan Berulang

Peperangan dan Kemenangan

عَنْ نَافِعِ بْنِ عُتْبَةَ ، قَالَ : كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي غَزْوَةٍ ، قَالَ : فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَوْمٌ مِنْ قِبَلِ الْمَغْرِبِ عَلَيْهِمْ ثِيَابُ الصُّوفِ ، فَوَافَقُوهُ عِنْدَ أَكَمَةٍ ، فَإِنَّهُمْ لَقِيَامٌ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَاعِدٌ ، قَالَ : فَقَالَتْ لِي نَفْسِي : ائْتِهِمْ فَقُمْ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَهُ لَا يَغْتَالُونَهُ ، قَالَ : ثُمَّ قُلْتُ : لَعَلَّهُ نَجِيٌّ مَعَهُمْ فَأَتَيْتُهُمْ ، فَقُمْتُ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَهُ ، قَالَ : فَحَفِظْتُ مِنْهُ أَرْبَعَ كَلِمَاتٍ أَعُدُّهُنَّ فِي يَدِي ، قَالَ : " تَغْزُونَ جَزِيرَةَ الْعَرَبِ ، فَيَفْتَحُهَا اللَّهُ ثُمَّ فَارِسَ ، فَيَفْتَحُهَا اللَّهُ ثُمَّ تَغْزُونَ الرُّومَ فَيَفْتَحُهَا اللَّهُ ، ثُمَّ تَغْزُونَ الدَّجَّالَ فَيَفْتَحُهُ اللَّهُ " ، قَالَ : فَقَالَ نَافِعٌ : يَا جَابِرُ لَا نَرَى الدَّجَّالَ يَخْرُجُ حَتَّى تُفْتَحَ الرُّومُ

Nafi’ bin ‘Utbah radiallahu ‘anhu berkata: Kami bersama Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam dalam satu peperangan. Lalu datang kepada nabi sallallahu ‘alaihi wasallam satu kaum dari arah barat. Mereka memakai pakaian diperbuat daripada kain bulu. Mereka bertemunya di kawasan bukit. Ketika itu mereka dalam keadaan berdiri dan baginda sedang duduk. Nafi berkata di dalam hati: Lebih elok aku pergi dan berdiri di antara mereka dan baginda agar mereka tidak dapat menyerang baginda. Boleh jadi ada perbincangan rahsia antara mereka. Lalu aku pergi kepada mereka dan berdiri di antara mereka. Lalu aku dapat menghafaz daripada baginda empat kalimah yang baginda sebutkan, aku mengira kalimah-kalimah itu dengan tangan aku. Baginda berkata: Kalian akan memerangi jazirah Arab, kemudian Allah akan memberikan kemenangan. Kemudian Parsi, lalu Allah memberikan kemenangan. Kemudian kalian akan memerangi Rom, lalu Allah memberikan kemenangan. Kemudian kalian akan memerangi ad-Dajjal, lalu Allah akan memberikan kemenangan. Nafi’ berkata: Wahai Jabir, kami tidak melihat Dajjal akan keluar melainkan selepas dibuka kota Rom. [Sahih Muslim, Kitab al-Fitan, hadis no: 5165]

Nabi-Nabi Palsu

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " لَا تَقُومُ السَّاعَةُ ، حَتَّى يُبْعَثَ دَجَّالُونَ كَذَّابُونَ قَرِيبٌ مِنْ ثَلَاثِينَ كُلُّهُمْ يَزْعُمُ أَنَّهُ رَسُولُ اللَّهِ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Kiamat tidak akan berlaku sehinggalah diutusnya dajjal-dajjal yang pendusta seramai hampir 30 orang. Kesemuanya mendakwah mereka adalah utusan Allah. [Sahih Muslim, Kitab al-Fitan, hadis no: 5209]

عَنْ حُذَيْفَةَ , أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " فِي أُمَّتِي كَذَّابونَ وَدَجَّالُونَ سَبعَةٌ وَعِشْرُونَ ، مِنْهُمْ أَرْبعُ نِسْوَةٍ ، وَإِنِّي خَاتَمُ النَّبِيِّينَ ، لَا نَبِيَّ بعْدِي

Huzaifah radiallahu ‘anhu berkata Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Dalam kalangan umat ku terdapat pendusta lagi dajjal seramai 27 orang. 4 daripada mereka adalah wanita.

Sesungguhnya aku adalah penutup para nabi. Tiada nabi selepas aku. [Musnad Ahmad, Hadis Huzaifah, hadis no: 22747, Shaikh al-Arnaouth berkata: Isnadnya sahih]

Berlakunya banyak kerosakan

Menjelangnya tiba hari kiamat. Akan banyak kerosakan berlaku. Hinggakan manusia yang masih hidup berharap agar mereka telah mati supaya tidak dapat melihat kerosakan-kerosakan itu.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَمُرَّ الرَّجُلُ بِقَبْرِ الرَّجُلِ ، فَيَقُولُ : يَا لَيْتَنِي مَكَانَهُ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tidak akan berlaku kiamat sehinggalah seseorang lalu di kubur orang lain, lalu dia berkata: Alangkah eloknya aku berada di tempatnya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Fitan, hadis no: 6609]

Dalam Fathul Bari disebutkan:

قَالَ ابْنُ بَطَّالٍ : تَغَبُّطُ أَهْلِ الْقُبُورِ وَتَمَنِّي الْمَوْتِ عِنْدَ ظُهُورِ الْفِتَنِ إِنَّمَا هُوَ خَوْفُ ذَهَابِ الدِّينِ بِغَلَبَةِ الْبَاطِلِ وَأَهْلِهِ وَظُهُورِ الْمَعَاصِي وَالْمُنْكَرِ انْتَهَى

Ibn Batthal berkata: Seseorang itu akan cemburu kepada penghuni kubur dan mengharapkan agar dirinya mati ketika timbulnya pelbagai fitnah. Sesungguhnya dia takut agama dia akan hilang ditewaskan oleh kebathilan dan pelaku-pelaku kebathilan, dan munculnya banyak kemaksiatan dan kemungkaran.[25]

Murtad

Antara kerosakan yang akan berleluasa ialah gejala murtad

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " بَادِرُوا بِالأَعْمَالِ فِتَنًا كَقِطَعِ اللَّيْلِ الْمُظْلِمِ ، يُصْبِحُ الرَّجُلُ مُؤْمِنًا ، وَيُمْسِي كَافِرًا ، أَوْ يُمْسِي مُؤْمِنًا ، وَيُصْبِحُ كَافِرًا ، يَبِيعُ دِينَهُ بِعَرَضٍ مِنَ الدُّنْيَا

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Bersegeralah melakukan amal (kebaikan). Fitnah akan datang seperti potongan malam yang gelap. Seseorang akan beriman di waktu pagi, dan menjadi kafir di waktu petang. Seseorang akan beriman di waktu petang, dan menjadi kafir di waktu pagi. Dia menjual agamanya dengan pulangan keduniaan. [Sahih Muslim, Kitab al-Iman, hadis no: 173]

Kenapakah fitnah atau ujian menjelang kiamat ini dianalogikan dengan kegelapan malam?

Shaikh Muhammad bin Abdul Rahman al-Mubarakfuri menyatakan:

وَالْمَعْنَى كَقِطَعٍ مِنَ اللَّيْلِ الْمُظْلِمِ لِفَرْطِ سَوَادِهَا وَظُلْمَتِهَا وَعَدَمِ تَبَيُّنِ الصَّلَاحِ وَالْفَسَادِ فِيهَا

---

[25] Fathul Bari, jilid 13, m/s 75

Yang dimaksudkan dengan potongan malam yang gelap kerana terlalu tebal kehitaman dan kegelapan ketika itu sehingga tidak jelas yang mana baik dan yang mana pula buruk.

Kata beliau lagi:

)وَيُمْسِي كَافِرًا) أَيْ حَقِيقَةً أَوْ كَافِرًا لِلنِّعْمَةِ أَوْ مُشَابِهًا لِلْكَفَرَةِ أَوْ عَامِلًا عَمَلَ الْكَافِرِ ، وَقِيلَ الْمَعْنَى يُصْبِحُ مُحَرِّمًا مَا حَرَّمَهُ اللَّهُ ، وَيُمْسِي مُسْتَحِلًّا إِيَّاهُ وَبِالْعَكْسِ

Menjadi kafir di waktu petang bermaksud (kekafiran) yang hakiki (iaitu murtad), atau ia juga bermaksud kufur kepada nikmat, atau dia melakukan perbuatan-perbuatan yang serupa dengan kekufuran atau amalan orang kafir. Dikatakan ia bermaksud pada waktu pagi dia akan mengharamkan apa yang Allah haramkan, dan pada waktu petang dia akan menghalalkan pula, dan begitulah sebaliknya.

Kata beliau lagi:

يَبِيعُ أَحَدُهُمْ دِينَهُ) أَيْ بِتَرْكِهِ (بِعَرَضٍ) بِفَتْحَتَيْنِ أَيْ بِأَخْذِ مَتَاعٍ دَنِيءٍ وَثَمَنٍ رَدِيءٍ

Seseorang menjual agamanya bermaksud dia meninggalkan agama itu kerana mahu mengambil nikmat dunia yang murah[26]

Terangkatnya ilmu

Antara sebab banyak kerosakan berlaku di akhir zaman ialah apabila ilmu semakin hilang. Ia menyebabkan ramai manusia menjadi jahil, sehingga mereka murtad dan melakukan maksiat.

عَبْدِ اللَّهِ ، وَأَبِي مُوسَى ، فَقَالَا : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِنَّ بَيْنَ يَدَيِ السَّاعَةِ لَأَيَّامًا يَنْزِلُ فِيهَا الْجَهْلُ ، وَيُرْفَعُ فِيهَا الْعِلْمُ ، وَيَكْثُرُ فِيهَا الْهَرْجُ وَالْهَرْجُ ، الْقَتْلُ

‘Abdullah bin Mas’ud dan Abu Musa al-Asya’ari radiallahu ‘anhuma berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya sebelum hari kiamat, akan muncul hari-hari yang berleluasanya kejahilan, ilmu pula akan ditarik, dan akan banyaknya Al-Harj, Al-Harj maksudnya pembunuhan. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Fitan, hadis no: 6565]

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِنَّ أَمَامَ الدَّجَّالِ سِنِينَ خَدَّاعَةً ، يُكَذَّبُ فِيهَا الصَّادِقُ ، وَيُصَدَّقُ فِيهَا الْكَاذِبُ ، وَيُخَوَّنُ فِيهَا الْأَمِينُ ، وَيُؤْتَمَنُ فِيهَا الْخَائِنُ ، وَيَتَكَلَّمُ فِيهَا الرُّوَيْبِضَةُ " . قِيلَ : وَمَا الرُّوَيْبِضَةُ ؟ قَالَ : " الْفُوَيْسِقُ يَتَكَلَّمُ فِي أَمْرِ الْعَامَّةِ

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya sebelum kemunculan dajjal adalah tahun-tahun yang penuh tipu daya. Manusia yang benar akan didustakan, manakala manusia yang pembohong akan dipercayai. Manusia yang amanah akan dituduh khianat, manakala manusia yang khianat akan diberikan kepercayaan.

[26] Tuhfatul Ahwazi, jilid 5, m/s 483

Golongan Ruwaibidhoh pula akan bersuara. Baginda ditanya: Siapakah Ruwaibidhoh? Baginda menjawab: Manusia lekeh yang bercakap tentang urusan masyarakat. [Musnad Ahmad, Musnad Anas bin Malik, hadis no: 13046, Shaikh Muqbil menyatakan ia hasan dalam Al-Sahih Al-Musnad]

Berleluasanya maksiat

Antara kerosakan yang berlaku di akhir zaman ialah akan berleluasanya maksiat.

عَنْ أَنَسٍ . رضى الله عنه . قَالَ لأُحَدِّثَنَّكُمْ حَدِيثًا سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم لاَ يُحَدِّثُكُمْ بِهِ أَحَدٌ غَيْرِي، سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ " إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يُرْفَعَ الْعِلْمُ، وَيَكْثُرَ الْجَهْلُ وَيَكْثُرَ الزِّنَا، وَيَكْثُرَ شُرْبُ الْخَمْرِ، وَيَقِلَّ الرِّجَالُ، وَيَكْثُرَ النِّسَاءُ حَتَّى يَكُونَ لِخَمْسِينَ امْرَأَةً الْقَيِّمُ الْوَاحِدُ

Anas bin Malik radiallahu berkata: Aku akan menyampaikan kepada kalian hadis yang aku dengar daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, yang baginda tidak sampaikan kecuali kepada aku sahaja. Aku mendengar baginda bersabda: Sesungguhnya di antara tanda-tanda kiamat ialah ilmu diangkat, kejahilan berleluasa, penzinaan berleluasa, minum arak berleluasa, jumlah lelaki semakin sedikit, jumlah wanita semakin ramai sehinggakan 50 wanita akan dijaga oleh seorang lelaki [Sahih al-Bukhari, Kitab an-Nikah, hadis no: 5231]

حَدَّثَنِي أَبُو عَامِرٍ أَوْ أَبُو مَالِكٍ الْأَشْعَرِيُّ ، وَاللَّهِ مَا كَذَبَنِي سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " لَيَكُونَنَّ مِنْ أُمَّتِي أَقْوَامٌ يَسْتَحِلُّونَ الحِرَ ، وَالحَرِيرَ ، وَالخَمْرَ ، وَالْمَعَازِفَ

Abu ‘Amir atau Abu Malik al-Asyaari radiallahu menyatakan baginda sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Akan ada daripada umat ku sekelompok manusia yang menghalalkan penzinaan, memakai sutera (untuk lelaki), arak, dan alat muzik. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Asyribah, hadis no: 5187]

Peperangan sesama Muslim

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى تَقْتَتِلَ فِئَتَانِ عَظِيمَتَانِ يَكُونُ بَيْنَهُمَا مَقْتَلَةٌ عَظِيمَةٌ دَعْوَتُهُمَا وَاحِدَةٌ ،

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tidak akan terjadi hari kiamat sehinggalah berperang dua kelompok besar (umat Islam), berlakunya pembunuhan besar antara mereka, sedangkan seruan mereka adalah satu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Fitan, hadis no: 6615]

Al-Hafiz Ibn Hajar Al-Asqalani menyebutkan:

أَنَّ الْمُرَادَ بِالْفِئَتَيْنِ عَلِيٌّ وَمَنْ مَعَهُ وَمُعَاوِيَةُ وَمَنْ مَعَهُ

Yang dimaksudkan dengan dua kelompok itu ialah; Ali radiallahu 'anhu dan pengikutnya, serta Mu'awiah radiallahu 'anhu serta pengikutnya. [27]

Sesungguhnya peristiwa besar peperangan saudara antara Ali VS Muawiyah, Ali VS 'Aisyah radiallahu 'anhum berpunca daripada pembunuhan Uthman bin 'Affan radiallahu 'anhu. Daripada peristiwa ini jugalah munculnya kelompok Khawarij yang mengkafirkan umat Islam. Kesannya berterusan sehingga ke hari ini.

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَشْرَفَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أُطُمٍ مِنْ آطَامِ الْمَدِينَةِ فَقَالَ هَلْ تَرَوْنَ مَا أَرَى قَالُوا لَا قَالَ فَإِنِّي لَأَرَى الْفِتَنَ تَقَعُ خِلَالَ بُيُوتِكُمْ كَوَقْعِ الْقَطْرِ

Usamah bin Zaid radiallahu 'anhuma berkata: Nabi sallallahu 'alaihi wasallam naik ke tempat yang tinggi di Madinah, lalu berkata: Adakah kalian nampak apa yang aku nampak? Para sahabat menjawab: Tidak. Baginda berkata: Sesungguhnya aku nampak fitnah akan berlaku antara rumah-rumah kalian sebagaimana turunnya hujan. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Fitan, hadis no: 6651]

Dalam Fathul Bari disebutkan:

وَإِنَّمَا اخْتُصَّتِ الْمَدِينَةُ بِذَلِكَ لِأَنَّ قَتْلَ عُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ كَانَ بِهَا ، ثُمَّ انْتَشَرَتِ الْفِتَنُ فِي الْبِلَادِ بَعْدَ ذَلِكَ ، فَالْقِتَالُ بِالْجَمَلِ وَبِصِفِّينَ كَانَ بِسَبَبِ قَتْلِ عُثْمَانَ ، وَالْقِتَالُ بِالنَّهْرَوَانِ كَانَ بِسَبَبِ التَّحْكِيمِ بِصِفِّينَ وَكُلُّ قِتَالٍ وَقَعَ فِي ذَلِكَ الْعَصْرِ إِنَّمَا تَوَلَّدَ عَنْ شَيْءٍ مِنْ ذَلِكَ أَوْ عَنْ شَيْءٍ تَوَلَّدَ عَنْهُ .

Madinah dikhususkan dengan hal ini kerana pembunuhan Uthman berlaku di sana. Kemudian selepas itu bertebaranlah fitnah-fitnah ke tempat-tempat yang lain. Peperangan Jamal, dan Siffin semuanya berlaku disebabkan pembunuhan Uthman. Peperangan Nahrawan pula berlaku disebabkan peristiwa Tahkim dalam peperangan Siffin. Setiap peperangan yang berlaku pada waktu itu adalah disebabkan oleh pembunuhan Uthman atau disebabkan oleh sesuatu yang juga disebabkan oleh pembunuhan tersebut.[28]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَيَأْتِيَنَّ عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ لَا يَدْرِي الْقَاتِلُ فِي أَيِّ شَيْءٍ قَتَلَ ، وَلَا يَدْرِي الْمَقْتُولُ عَلَى أَيِّ شَيْءٍ قُتِلَ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Demi Tuhan yang diri ku di TanganNya. Akan muncul kepada manusia satu zaman yang mana si pembunuh tidak tahu kenapa dia membunuh, dan yang dibunuh tidak tahu kenapa dia dibunuh. [Sahih Muslim, Kitab al-Fitan, hadis no: 5181]

[27] Fathul Bari, jilid 13, m/s 85
[28] Fathul Bari, jilid 13, m/s 13

Fitnah Khawarij

قَالَ عَلِيٌّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ إِذَا حَدَّثْتُكُمْ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدِيثًا فَوَاللَّهِ لَأَنْ أَخِرَّ مِنْ السَّمَاءِ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أَكْذِبَ عَلَيْهِ وَإِذَا حَدَّثْتُكُمْ فِيمَا بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ فَإِنَّ الْحَرْبَ خِدْعَةٌ وَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ سَيَخْرُجُ قَوْمٌ فِي آخِرِ الزَّمَانِ أَحْدَاثُ الْأَسْنَانِ سُفَهَاءُ الْأَحْلَامِ يَقُولُونَ مِنْ خَيْرِ قَوْلِ الْبَرِيَّةِ لَا يُجَاوِزُ إِيمَانُهُمْ حَنَاجِرَهُمْ يَمْرُقُونَ مِنْ الدِّينِ كَمَا يَمْرُقُ السَّهْمُ مِنْ الرَّمِيَّةِ فَأَيْنَمَا لَقِيتُمُوهُمْ فَاقْتُلُوهُمْ فَإِنَّ فِي قَتْلِهِمْ أَجْرًا لِمَنْ قَتَلَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

‘Ali radiallahu ‘anhu berkata: Apabila aku menyampaikan kalian hadis daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, demi Allah, jatuhnya aku dari langit lebih aku sukai daripada berdusta padanya. Akan tetapi jika aku menyampaikan sesuatu antara kau dan aku (yang mana ia bukan hadis nabi, boleh jadi ia satu helah). Sesungguhnya peperangan itu satu tipu daya. Sesungguhnya aku mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Akan muncul daripada umat ku pada akhir zaman, manusia-manusia bodoh yang sangat indah perkataannya. Keimanan mereka tidak melebihi kerongkong mereka. Mereka akan keluar daripada agama ini sebagaimana anak panah pergi daripada busurnya. Di mana sahaja kalian menemui mereka, bunuhlah mereka. Sesungguhnya membunuh mereka akan mendatangkan pahala bagi pembunuhnya pada hari kiamat. [Sahih al-Bukhari, Kitab Istitabah al-Murtaddin, hadis no: 6531]

Bagaimana mahu selamat daripada fitnah?

حُذَيْفَةُ بْنَ الْيَمَانِ يَقُولُ كَانَ النَّاسُ يَسْأَلُونَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ الْخَيْرِ وَكُنْتُ أَسْأَلُهُ عَنْ الشَّرِّ مَخَافَةَ أَنْ يُدْرِكَنِي فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا كُنَّا فِي جَاهِلِيَّةٍ وَشَرٍّ فَجَاءَنَا اللَّهُ بِهَذَا الْخَيْرِ فَهَلْ بَعْدَ هَذَا الْخَيْرِ مِنْ شَرٍّ قَالَ نَعَمْ قُلْتُ وَهَلْ بَعْدَ ذَلِكَ الشَّرِّ مِنْ خَيْرٍ قَالَ نَعَمْ وَفِيهِ دَخَنٌ قُلْتُ وَمَا دَخَنُهُ قَالَ قَوْمٌ يَهْدُونَ بِغَيْرِ هَدْيِي تَعْرِفُ مِنْهُمْ وَتُنْكِرُ قُلْتُ فَهَلْ بَعْدَ ذَلِكَ الْخَيْرِ مِنْ شَرٍّ قَالَ نَعَمْ دُعَاةٌ عَلَى أَبْوَابِ جَهَنَّمَ مَنْ أَجَابَهُمْ إِلَيْهَا قَذَفُوهُ فِيهَا قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ صِفْهُمْ لَنَا قَالَ هُمْ مِنْ جِلْدَتِنَا وَيَتَكَلَّمُونَ بِأَلْسِنَتِنَا قُلْتُ فَمَا تَأْمُرُنِي إِنْ أَدْرَكَنِي ذَلِكَ قَالَ تَلْزَمُ جَمَاعَةَ الْمُسْلِمِينَ وَإِمَامَهُمْ قُلْتُ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُمْ جَمَاعَةٌ وَلَا إِمَامٌ قَالَ فَاعْتَزِلْ تِلْكَ الْفِرَقَ كُلَّهَا وَلَوْ أَنْ تَعَضَّ بِأَصْلِ شَجَرَةٍ حَتَّى يُدْرِكَكَ الْمَوْتُ وَأَنْتَ عَلَى ذَلِكَ

Huzaifah bin al-Yaman radiallahu ‘anhu berkata: Orang ramai bertanya kepada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam tentang perkara-perkara yang baik. Akan tetapi aku bertanya kepada baginda tentang perkara-perkara yang buruk yang aku takut ia akan menimpa aku. Aku bertanya: Ya Rasulullah, sesungguhnya ketika zaman jahiliyyah kami berada dalam keadaan yang buruk, lalu Allah mendatangkan kebaikan ini kepada kami. Adakan akan wujud keburukan selepas kebaikan ini? Baginda menjawab: Ya. Aku bertanya lagi: Adakah selepas keburukan itu akan muncul semula kebaikan? Baginda menjawab: Ya. Ketika itu terdapat keburukan yang berlaku jua. Aku bertanya: Apakah keburukan itu? Baginda menjawab: Satu kelompok manusia yang mengikuti pentunjuk yang bukan petunjuk aku. Engkau akan mengenali mereka dan mengingkari mereka. Aku bertanya

lagi: Adakah selepas kebaikan itu akan ada keburukan lagi? Baginda menjawab: Ya. Iaitu pendakwah-pendakwah yang yang menyeru kepada pintu-pintu neraka. Sesiapa yang menyahut seruan dakwah mereka, maka mereka akan masuk ke dalam neraka. Aku bertanya: Ya Rasulullah, ceritakan kepada kami tentang mereka itu. Baginda menjawab: Mereka itu mempunyai warna kulit seperti kita, bercakap dengan bahasa kita. Lalu aku bertanya lagi: Lalu, apa yang engkau arahkan kepada aku jika aku menemui hal ini? Baginda menjawab: Berpegang teguhlah kepada jemaah kaum Muslimin dan imam mereka. Aku bertanya: Bagaimana jika tidak jemaah ketika itu, dan tiada imam? Baginda menjawab: Tinggalkan semua kelompok itu walau pun engkau terpaksa memakan akar kayu, lalu engkau mati dalam keadaan begitu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Fitan, hadis no: 6673]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَتَكُونُ فِتَنٌ الْقَاعِدُ فِيهَا خَيْرٌ مِنْ الْقَائِمِ وَالْقَائِمُ فِيهَا خَيْرٌ مِنْ الْمَاشِي وَالْمَاشِي فِيهَا خَيْرٌ مِنْ السَّاعِي مَنْ تَشَرَّفَ لَهَا تَسْتَشْرِفْهُ فَمَنْ وَجَدَ مِنْهَا مَلْجَأً أَوْ مَعَاذًا فَلْيَعُذْ بِهِ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Akan berlakunya fitnah. Yang duduk lebih baik daripada yang berdiri, yang berdiri lebih baik daripada yang berjalan, yang berjalan lebih baik daripada yang berlari. Sesiapa yang mendedahkan dirinya kepada fitnah ini. Sesiapa yang yang mempunyai tempat untuk berlindung daripada fitnah ini, hendaklah dia berlindung. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Fitan, hadis no: 6670]

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَمْرٍو السُّلَمِيِّ ، أَنَّهُ سَمِعَ الْعِرْبَاضَ بْنَ سَارِيَةَ ، يَقُولُ : وَعَظَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، مَوْعِظَةً ذَرَفَتْ مِنْهَا الْعُيُونُ ، وَوَجِلَتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ ، فَقُلْنَا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنَّ هَذِهِ لَمَوْعِظَةُ مُوَدِّعٍ ، فَمَاذَا تَعْهَدُ إِلَيْنَا ؟ قَالَ : " قَدْ تَرَكْتُكُمْ عَلَى الْبَيْضَاءِ ، لَيْلُهَا كَنَهَارِهَا ، لَا يَزِيغُ عَنْهَا بَعْدِي إِلَّا هَالِكٌ ، مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا ، فَعَلَيْكُمْ بِمَا عَرَفْتُمْ مِنْ سُنَّتِي ، وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ ، عَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ ، وَعَلَيْكُمْ بِالطَّاعَةِ ، وَإِنْ عَبْدًا حَبَشِيًّا ، فَإِنَّمَا الْمُؤْمِنُ كَالْجَمَلِ الْأَنِفِ ، حَيْثُمَا قِيدَ انْقَادَ

Al-‘Irbadh bin Sariyah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam menyampaikan kepada kami nasihat yang menyebabkan mata menangis, dan hati bergetar. Kami berkata: Ya Rasulullah, sesungguhnya ini merupakan nasihat perpisahan. Apakah yang engkau arahkan kepada kami? Baginda menjawab: Sesungguhnya aku telah meninggalkan kalian di atas jalan yang jelas, malamnya seperti siangnya. Tiada siapa yang terpesong daripadanya selepas aku melainkan dia akan musnah. Sesiapa yang hidup di kalangan kalian akan melihat perpecahan yang banyak. Wajib kalian berpegang dengan apa yang kalian tahu daripada sunnah ku dan sunnah Al-Khulafa’ Ar-Rasyidin Al-Mahdiyyin. Gigitlah ia dengan gigi geraham. Wajib kalian mentaati (pemimpin) walaupun dia seorang hamba Habsyi. Sesungguhnya manusia beriman seperti unta yang diikat hidungnya, ke mana sahaja dia ditarik, dia akan ikut. [Sunan Ibn Majah, Kitab al-Muqaddimah, hadis no: 43]

Amanah diberi kepada bukan ahli

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا ضُيِّعَتْ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرْ السَّاعَةَ قَالَ كَيْفَ إِضَاعَتُهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ إِذَا أُسْنِدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرْ السَّاعَةَ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila hilangnya amanah, tunggulah hari kiamat. Sahabat bertanya: Bagaimana hilangnya amanah itu wahai Rasulullah. Baginda menjawab: Apabila sesuatu urusan diberikan kepada orang yang tidak layak, tunggulah kiamat. [Sahih al-Bukhari, Kita bar-Riqaq, hadis no: 6131]

عَنِ الْقَاسِمِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ ، عَنْ أَبِيهِ ، عَنْ جَدِّهِ ، أَنّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " سَيَكُونُ عَلَيْكُمْ أُمَرَاءُ يُؤَخِّرُونَ الصَّلاةَ عَنْ مَوَاقِيتِهَا ، وَيُحْدِثُونَ الْبِدَعَ " ، قَالَ : فَكَيْفَ أَصْنَعُ إِنْ أَدْرَكْتُهُمْ ؟ قَالَ : " تَسْأَلُنِي ابْنَ أُمِّ عَبْدٍ كَيْفَ تَصْنَعُ ؟ لا طَاعَةَ لِمَنْ عَصَى اللَّهَ

Abdullah bin Mas’ud radiallahu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Akan berlaku kepada kalian pemimpin-pemimpin yang mengakhirkan solat daripada waktunya, dan melakukan perkara-perkara bid’ah. Lalu Abdullah bin Mas’ud bertanya: Apa yang perlu aku lakukan jika aku hidup bersama mereka? Baginda menjawab: Engkau bertanya kepada aku apa yang perlu dilakukan? Tiada ketaatan kepada sesiapa yang melakukan maksiat kepada Allah. [At-Thabrani dalam Al-Mu’jam Al-Kabir, Bab at-Ta’, hadis no: 10214, Shaikh al-Albani menyatakan ia sahih dalam Sahih al-Jami’]

Wanita lebih ramai

Sebagaimana hadis Anas yang menyebutkan:

وَيَقِلَّ الرِّجَالُ، وَيَكْثُرَ النِّسَاءُ حَتَّى يَكُونَ لِخَمْسِينَ امْرَأَةً الْقَيِّمُ الْوَاحِدُ

jumlah lelaki semakin sedikit, jumlah wanita semakin ramai sehinggakan 50 wanita akan dijaga oleh seorang lelaki [Sahih al-Bukhari, Kitab an-Nikah, hadis no: 5231]

Ini berkaitan dengan peperangan-peperangan yang juga merupakan tanda-tanda hari kiamat lalu menyebabkan ramai kaum lelaki terbunuh.

Ibu Melahirkan Tuan

Di hadis Jibril, Rasulullah sallalahu ‘alaihi wasallam menyatakan:

وَسَأُخْبِرُكَ عَنْ أَشْرَاطِهَا إِذَا وَلَدَتِ الْأَمَةُ رَبَّهَا ، وَإِذَا تَطَاوَلَ رُعَاةُ الْإِبِلِ الْبُهْمُ فِي الْبُنْيَانِ

Aku akan memberitahu engkau tanda-tandanya. Iaitu apabila seorang ibu melahirkan tuannya, maka itu adalah tanda-tanda kiamat. Apabila pengembala berlumba-lumba dalam membina bangunan tinggi [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 49]

Ulama berbeza pendapat tentang maksud (seorang ibu melahirkan tuannya). Ada yang berpendapat ia adalah maksud literal di mana seorang wanita hamba akan melahirkan anak tuannya, lalu anak itu menjadi anak merdeka kerana mengikut tuannya. Ada juga yang berpendapat ia bermaksud kiasan di mana akan ramai anak menderhakai ibunya dan melayani mereka seperti hamba.[29]

Banyaknya harta

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَكْثُرَ فِيكُمْ الْمَالُ فَيَفِيضَ حَتَّى يُهِمَّ رَبَّ الْمَالِ مَنْ يَقْبَلُهُ مِنْهُ صَدَقَةً وَيُدْعَى إِلَيْهِ الرَّجُلُ فَيَقُولُ لَا أَرَبَ لِي فِيهِ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tidaklah akan berlaku kiamat sehingga harta kalian menjadi sangat banyak sehinggakan pemilik harta tidak tahu siapa yang akan menerima sedekah daripadanya. Seseorang dipanggil untuk menerima sedekahnya tetapi orang itu akan berkata: Aku tidak memerlukannya. [Sahih Muslim, Kitab az-Zakat, hadis no: 157]

Memberi salam pada yang dikenali sahaja, banyaknya perniagaan, putus silaturahim, banyaknya penulisan dan banyak sumpah palsu

عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يُسَلِّمَ الرَّجُلُ عَلَى الرَّجُلِ ، لَا يُسَلِّمُ عَلَيْهِ إِلَّا لِلْمَعْرِفَةِ

'Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Antara tanda-tanda hari kiamat ialah seseorang akan memberi salam kepada orang lain, dia tidak memberi salam kecuali kepada orang yang dia kenal. [Musnad Ahmad, Musnad Abdullah bin Mas'ud, hadis no: 3717, Shaikh al-Arnaouth berkata: Hadis hasan]

Dalam riwayat Abdullah bin Mas'ud lagi, Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

أَنَّ بَيْنَ يَدَيْ السَّاعَةِ تَسْلِيمَ الْخَاصَّةِ ، وَفُشُوَّ التِّجَارَةِ ، حَتَّى تُعِينَ الْمَرْأَةُ زَوْجَهَا عَلَى التِّجَارَةِ ، وَقَطْعَ الْأَرْحَامِ ، وَشَهَادَةَ الزُّورِ ، وَكِتْمَانَ شَهَادَةِ الْحَقِّ ، وَظُهُورَ الْقَلَمِ

Sebelum berlakunya kiamat, manusia akan memberi salam kepada orang tertentu sahaja, perniagaan menjadi berkembang sehingga si isteri terpaksa membantu perniagaan suaminya, putusnya silaturahim, berlakunya persaksian palsu dan menyembunyikan persaksian yang benar, dan banyaknya pen (penulisan) [Musnah Ahmad, Musnad Abdullah bin Mas'ud, hadis no: 3739, Shaikh al-Arnaouth berkata: Isnadnya hasan]

[29] Lihat Fathul Bari, jilid 1, m/s 122

Yang belum berlaku

Tanah arab menjadi subur

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَكْثُرَ الْمَالُ وَيَفِيضَ ، حَتَّى يَخْرُجَ الرَّجُلُ بِزَكَاةِ مَالِهِ ، فَلَا يَجِدُ أَحَدًا يَقْبَلُهَا مِنْهُ ، وَحَتَّى تَعُودَ أَرْضُ الْعَرَبِ مُرُوجًا وَأَنْهَارًا

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Kiamat tidak akan berlaku sehinggalah harta menjadi banyak, hinggakan seseorang mahu menzakatkan hartanya tetapi tidak bertemu seorang pun untuk menerima zakat itu, dan sehinggalah bumi Arab kembali menjadi subur dan mempunyai sungai. [Sahih Muslim, Kitab az-Zakat, hadis no: 1687]

Bulan Sabit Bersaiz Besar

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، رَفَعَهُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مِنِ اقْتِرَابِ السَّاعَةِ أَنْ يُرَى الْهِلالُ قِبَلا ، فَيُقَالُ : لِلَيْلَتَيْنِ ، وَأَنْ تُتَّخَذَ الْمَسَاجِدَ طُرُقًا ، وَأَنْ يَظْهَرَ مَوْتُ الْفُجَاءَةِ

Anas bin Malik radiallahu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Antara tanda hampirnya kiamat ialah bulan sabit kelihatan lebih awal sehingga dikatakan ia bulan sabit untuk malam yang kedua, masjid dijadikan tempat laluan, dan banyaknya kematian secara mengejut [At-Thabrani dalam Al-Mu'jam Al-Saghir, Bab al-Ha', hadis no: 1129. Shaikh al-Albani menyatakan ia hadis hasan dalam Sahih al-Jami']

Haiwan bercakap

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ ، لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى تُكَلِّمَ السِّبَاعُ الْإِنْسَ ، وَحَتَّى تُكَلِّمَ الرَّجُلَ عَذَبَةُ سَوْطِهِ ، وَشِرَاكُ نَعْلِهِ ، وَتُخْبِرَهُ فَخِذُهُ بِمَا أَحْدَثَ أَهْلُهُ مِنْ بَعْدِهِ

Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Demi Tuhan yang diri di TanganNya, tidak akan berlaku kiamat sehingga haiwan bercakap dengan manusia, sehinggakan hujung cemeti dan kasutnya bercakap dengannya, dan sehinggakan pahanya memberitahunya apa yang terjadi kepada keluarganya kepadanya. [Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Fitan, hadis no: 2107, hadis hasan sahih gharib]

Ini merupakan antara perkara yang diluar adat kehidupan manusia sehinggakan sesuatu yang asalnya tidak mampu bercakap akan bercakap.

Sungai Furat mengeluarkan gunung emas

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَحْسِرَ الْفُرَاتُ عَنْ جَبَلٍ مِنْ ذَهَبٍ يَقْتَتِلُ النَّاسُ عَلَيْهِ ، فَيُقْتَلُ مِنْ كُلِّ مِائَةٍ تِسْعَةٌ وَتِسْعُونَ ، وَيَقُولُ كُلُّ رَجُلٍ مِنْهُمْ : لَعَلِّي أَكُونُ أَنَا الَّذِي أَنْجُو

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tidak akan berlaku kiamat sehingga sungat Furat mengeluarkan bukit emas, lalu manusia berbunuhan kerananya. Akan dibunuh 99 orang daripada setiap 100 orang. Setiap orang akan berkata: Moga-moga aku menjadi orang yang berjaya. [Sahih Muslim, Kitab al-Fitan, hadis no: 5156]

Kemunculan Imam Mahdi

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَوْ لَمْ يَبْقَ مِنْ الدُّنْيَا إِلَّا يَوْمٌ قَالَ زَائِدَةُ فِي حَدِيثِهِ لَطَوَّلَ اللَّهُ ذَلِكَ الْيَوْمَ ثُمَّ اتَّفَقُوا حَتَّى يَبْعَثَ فِيهِ رَجُلًا مِنِّي أَوْ مِنْ أَهْلِ بَيْتِي يُوَاطِئُ اسْمُهُ اسْمِي وَاسْمُ أَبِيهِ اسْمُ أَبِي زَادَ فِي حَدِيثِ فِطْرٍ يَمْلَأُ الْأَرْضَ قِسْطًا وَعَدْلًا كَمَا مُلِئَتْ ظُلْمًا وَجَوْرًا وَقَالَ فِي حَدِيثِ سُفْيَانَ لَا تَذْهَبُ أَوْ لَا تَنْقَضِي الدُّنْيَا حَتَّى يَمْلِكَ الْعَرَبَ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ بَيْتِي يُوَاطِئُ اسْمُهُ اسْمِي

‘Abdullah bin Mas’ua radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam berkata: Seandainya dunia hanya tinggal sehari, Allah akan akan memanjangkan hari itu sehingga Dia membangkitkan seorang lelaki daripada kalangan ku atau ahli keluarga ku, namanya sama dengan nama ku, dan nama ayahnya sama dengan nama ayah ku. Dia akan memerintah bumi ini dengan keadilan sebagaimana ia pernah dipenuhi dengan kezaliman. Tidak akan berakhir dunia sehinggalah seorang lelaki daripada keturunan ku, mempunyai nama yang sama dengan nama ku memerintah bangsa Arab. [Sunan Abi Daud, Kitab al-Mahdi, hadis no: 3735]

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ ، قَالَتْ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " الْمَهْدِيُّ مِنْ عِتْرَتِي مِنْ وَلَدِ فَاطِمَةَ

Ummu Salamah radiallahu ‘anha berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Al-Mahdi daripada keturunan ku daripada keturunan Fatimah. [Sunan Abi Daud, Kitab al-Mahdi, hadis no: 3737]

Tanda-Tanda Kiamat Yang Besar

Tanda-tanda kiamat besar merupakan tanda yang menunjukkan kiamat sudah terlalu dekat.

عَنْ حُذَيْفَةَ بْنِ أَسِيدٍ الْغِفَارِيِّ ، قَالَ : اطَّلَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْنَا وَنَحْنُ نَتَذَاكَرُ ، فَقَالَ : " مَا تَذَاكَرُونَ ؟ " ، قَالُوا : نَذْكُرُ السَّاعَةَ ، قَالَ : " إِنَّهَا لَنْ تَقُومَ حَتَّى تَرَوْنَ قَبْلَهَا عَشْرَ آيَاتٍ ، فَذَكَرَ الدُّخَانَ ، وَالدَّجَّالَ ، وَالدَّابَّةَ ، وَطُلُوعَ الشَّمْسِ مِنْ مَغْرِبِهَا ، وَنُزُولَ عِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَيَأَجُوجَ وَمَأْجُوجَ ، وَثَلَاثَةَ خُسُوفٍ خَسْفٌ بِالْمَشْرِقِ ، وَخَسْفٌ بِالْمَغْرِبِ ، وَخَسْفٌ بِجَزِيرَةِ الْعَرَبِ ، وَآخِرُ ذَلِكَ نَارٌ تَخْرُجُ مِنْ الْيَمَنِ تَطْرُدُ النَّاسَ إِلَى مَحْشَرِهِمْ

Huzaifah bin Asid al-Ghifari radiallahu ‘anhu berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam muncul ketika kami sedang berbincang-bincang. Baginda bertanya: Apa yang kalian bincangkan? Para

sahabat menjawab: Kami sedang berbincang tentang hari kiamat. Baginda berkata: Sesungguhnya ia tidak akan berlaku sehinggalah kalian melihat sebelumnya 10 tanda. Lalu baginda menyebutkan tentang asap, Dajjal, haiwan, terbitnya matahari dari barat, turunnya Nabi Isa ‘alaihissalam, Ya’juj dan Ma’juj, tiga gempa bumi akan berlaku satu di timur, satu di barat, dan satu lagi di Jazirah Arab. Yang terakhir sekali ialah keluarnya api di Yaman, yang menghalau manusia ke tempat mereka berkumpul. [Sahih Muslim, Kitab al-Fitan, hadis no: 5166]

Asap/Kabus

فَارْتَقِبْ يَوْمَ تَأْتِي السَّمَاءُ بِدُخَانٍ مُبِينٍ (10) يَغْشَى النَّاسَ هَذَا عَذَابٌ أَلِيمٌ (11)

Maka tunggulah hari ketika langit membawa kabus yang nyata. (10) Yang meliputi manusia. Inilah azab yang pedih. (11) [Ad-Dukhan : 10-11]

Dajjal

‘Imran bin Hussein radiallahu ‘anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

مَا بَيْنَ خَلْقِ آدَمَ إِلَى قِيَامِ السَّاعَةِ خَلْقٌ أَكْبَرُ مِنْ الدَّجَّالِ

Tidak ada makhluk yang ada di zaman penciptaan Adam sehingga hari Kiamat yang lebih besar daripada Dajjal. [Sahih Muslim, Kitab al-Fitan, hadis no: 2946]

Imam an-Nawawi menerangkan:

الْمُرَادُ أَكْبَرُ فِتْنَةً وَأَعْظَمُ شَوْكَةً

Yang dimaksudkan dengan lebih besar ialah fitnahnya dan besarnya kesan buruknya.[30]

Sifat-Sifat Dajjal

عَنْ النَّوَّاسِ بْنِ سَمْعَانَ قَالَ ذَكَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الدَّجَّالَ ذَاتَ غَدَاةٍ فَخَفَّضَ فِيهِ وَرَفَّعَ حَتَّى ظَنَنَّاهُ فِي طَائِفَةِ النَّخْلِ فَلَمَّا رُحْنَا إِلَيْهِ عَرَفَ ذَلِكَ فِينَا فَقَالَ مَا شَأْنُكُمْ قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ ذَكَرْتَ الدَّجَّالَ غَدَاةً فَخَفَّضْتَ فِيهِ وَرَفَّعْتَ حَتَّى ظَنَنَّاهُ فِي طَائِفَةِ النَّخْلِ فَقَالَ غَيْرُ الدَّجَّالِ أَخْوَفُنِي عَلَيْكُمْ إِنْ يَخْرُجْ وَأَنَا فِيكُمْ فَأَنَا حَجِيجُهُ دُونَكُمْ وَإِنْ يَخْرُجْ وَلَسْتُ فِيكُمْ فَامْرُؤٌ حَجِيجُ نَفْسِهِ

An-Nawwas bin Sam’an radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam menyebutkan tentang Dajjal pada satu pagi. Baginda kadangkala seperti meremehkan hal Dajjal, dan kadangkala seperti menganggap ia satu yang besar, hinggakan kami menyangka Dajjal itu wujud dalam kebun-kebun kurma. Ketika kami bertemu dengannya, baginda dapat memahami (apa yang ada dalam fikiran) kami. Baginda bertanya: Apa yang kalian mahu? Kami menjawab: Ya Rasulullah. Engkau ada menyebutkan tentang Dajjal, engkau adakalanya memandang remeh tentang Dajjal, dan adakalanya engkau menganggap ia hal penting sehingga kami berasakan

---

[30] Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim, jilid 18, m/s 87

seolah-olah ia ada dalam kebun kurma. Baginda menjawab: Bukan Dajjal yang aku takuti kepada kalian semua. Seandainya dia keluar ketika aku masih hidup bersama kalian, aku akan berhujah dengannya untuk kalian. Jika dia keluar ketika aku sudah tiada, setiap orang akan berhujah untuk dirinya sendiri.

وَاللَّهُ خَلِيفَتِي عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ إِنَّهُ شَابٌّ قَطَطٌ عَيْنُهُ طَافِئَةٌ كَأَنِّي أُشَبِّهُهُ بِعَبْدِ الْعُزَّى بْنِ قَطَنٍ فَمَنْ أَدْرَكَهُ مِنْكُمْ فَلْيَقْرَأْ عَلَيْهِ فَوَاتِحَ سُورَةِ الْكَهْفِ إِنَّهُ خَارِجٌ خَلَّةً بَيْنَ الشَّأْمِ وَالْعِرَاقِ فَعَاثَ يَمِينًا وَعَاثَ شِمَالًا

Demi Allah, Dajjal merupakan seorang pemuda yang sangat kerinting rambutnya, buta matanya, dia kelihatan seperti Abdul ‘Uzza bin Qatan. Sesiapa daripada kalian yang menemuinya hendaklah membaca 10 ayat awal surah Al-Kahf. Sesungguhnya Dajjal akan muncul di antara Syam dan Iraq, dan akan melakukan kerosakan di kiri dan kanan.

يَا عِبَادَ اللَّهِ فَاثْبُتُوا قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا لَبْثُهُ فِي الْأَرْضِ قَالَ أَرْبَعُونَ يَوْمًا يَوْمٌ كَسَنَةٍ وَيَوْمٌ كَشَهْرٍ وَيَوْمٌ كَجُمُعَةٍ وَسَائِرُ أَيَّامِهِ كَأَيَّامِكُمْ قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ فَذَلِكَ الْيَوْمُ الَّذِي كَسَنَةٍ أَتَكْفِينَا فِيهِ صَلَاةُ يَوْمٍ قَالَ لَا اقْدُرُوا لَهُ قَدْرَهُ

Wahai hamba Allah, Istiqamahlah! Kami berkata: Ya Rasulullah, berapa lamakah dia akan berada di bumi? Baginda menjawab: Selama 40 hari. Sehari umpama setahun. Sehari umpama sebulan. Sehari umpama seminggu. Hari-hari selebihnya seperti hari kalian yang biasa. Kami bertanya lagi: Ya Rasulullah, pada hari yang panjangnya seperti setahun, adakah cukup untuk kami solat seperti untuk sehari sahaja. Baginda menjawab: Tidak, anggarkanlah waktu solat.

قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا إِسْرَاعُهُ فِي الْأَرْضِ قَالَ كَالْغَيْثِ اسْتَدْبَرَتْهُ الرِّيحُ فَيَأْتِي عَلَى الْقَوْمِ فَيَدْعُوهُمْ فَيُؤْمِنُونَ بِهِ وَيَسْتَجِيبُونَ لَهُ فَيَأْمُرُ السَّمَاءَ فَتُمْطِرُ وَالْأَرْضَ فَتُنْبِتُ فَتَرُوحُ عَلَيْهِمْ سَارِحَتُهُمْ أَطْوَلَ مَا كَانَتْ ذُرًا وَأَسْبَغَهُ ضُرُوعًا وَأَمَدَّهُ خَوَاصِرَ

Kami bertanya lagi: Ya Rasulullah, bagaimanakah kepantasan Dajjal di bumi? Baginda menjawab: Seperti awan yang ditiup angin. Dia akan datang kepada satu kaum, menyeru mereka, lalu mereka beriman kepadanya dan menyahut seruannya. Lalu Dajjal mengarahkan langit untuk menurunkan hujan kepada bumi, lalu bumi menjadi subur, haiwan ternakan mereka akan datang kepada mereka pada waktu petang dalam keadaan penuh susu dan kekenyangan.

ثُمَّ يَأْتِي الْقَوْمَ فَيَدْعُوهُمْ فَيَرُدُّونَ عَلَيْهِ قَوْلَهُ فَيَنْصَرِفُ عَنْهُمْ فَيُصْبِحُونَ مُمْحِلِينَ لَيْسَ بِأَيْدِيهِمْ شَيْءٌ مِنْ أَمْوَالِهِمْ وَيَمُرُّ بِالْخَرِبَةِ فَيَقُولُ لَهَا أَخْرِجِي كُنُوزَكِ فَتَتْبَعُهُ كُنُوزُهَا كَيَعَاسِيبِ النَّحْلِ ثُمَّ يَدْعُو رَجُلًا مُمْتَلِئًا شَبَابًا فَيَضْرِبُهُ بِالسَّيْفِ فَيَقْطَعُهُ جَزْلَتَيْنِ رَمْيَةَ الْغَرَضِ ثُمَّ يَدْعُوهُ فَيُقْبِلُ وَيَتَهَلَّلُ وَجْهُهُ يَضْحَكُ

Kemudian Dajjal mendatangi kaum yang lain dan mengajak mereka, akan tetapi mereka menolak seruannya, lantas dia meninggalkan kaum tersebut. Tiba-tiba mereka berada dalam keadaan kering-kontang, dan mereka tidak memiliki sebarang harta. Dajjal lalu di kawasan yang telah musnah, lalu berkata kepadanya: Keluarkanlah harta kekayaan mu. Maka keluarlah harta itu

mengikutinya sebagaimana kumpulan lebah mengikut ratunya. Kemudian dia memanggil seorang pemuda yang gemuk lalu menebasnya dengan pedang, lalu memotongnya kepada dua bahagian lalu terpelanting sangat jauh. Kemudian Dajjal memanggil orang yang dibunuh tadi, lalu dia datang dengan wajah yang gembira sambil ketawa.

فَبَيْنَمَا هُوَ كَذَلِكَ إِذْ بَعَثَ اللَّهُ الْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ فَيَنْزِلُ عِنْدَ الْمَنَارَةِ الْبَيْضَاءِ شَرْقِيَّ دِمَشْقَ بَيْنَ مَهْرُودَتَيْنِ وَاضِعًا كَفَّيْهِ عَلَى أَجْنِحَةِ مَلَكَيْنِ إِذَا طَأْطَأَ رَأْسَهُ قَطَرَ وَإِذَا رَفَعَهُ تَحَدَّرَ مِنْهُ جُمَانٌ كَاللُّؤْلُؤِ فَلَا يَحِلُّ لِكَافِرٍ يَجِدُ رِيحَ نَفَسِهِ إِلَّا مَاتَ وَنَفَسُهُ يَنْتَهِي حَيْثُ يَنْتَهِي طَرْفُهُ فَيَطْلُبُهُ حَتَّى يُدْرِكَهُ بِبَابِ لُدٍّ فَيَقْتُلُهُ

Ketika itu, Allah menghantar Nabi Isa bin Maryam, dia turun di sebuah menara putih di timur Damsyiq, dia memakai dua pakaian. Dia meletakkan tangannya dia sayap dua malaikat. Apabila dia menundukkan kepalanya, akan menitis air, dan apabila dia mendongakkan kepalanya, akan menitis pula air darinya seperti mutiara. Tidaklah orang kafir dapat menghidu nafasnya melainkan mereka akan mati. Nafasnya itu akan tersebar sejauh-jauhnya. Nabi Isa akan memburu Dajjal sehingga berjaya menangkapnya di Bab Ludd lalu berjaya membunuhnya.

ثُمَّ يَأْتِي عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ قَوْمٌ قَدْ عَصَمَهُمْ اللَّهُ مِنْهُ فَيَمْسَحُ عَنْ وُجُوهِهِمْ وَيُحَدِّثُهُمْ بِدَرَجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّةِ فَبَيْنَمَا هُوَ كَذَلِكَ إِذْ أَوْحَى اللَّهُ إِلَى عِيسَى إِنِّي قَدْ أَخْرَجْتُ عِبَادًا لِي لَا يَدَانِ لِأَحَدٍ بِقِتَالِهِمْ فَحَرِّزْ عِبَادِي إِلَى الطُّورِ وَيَبْعَثُ اللَّهُ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ وَهُمْ مِنْ كُلِّ حَدَبٍ يَنْسِلُونَ فَيَمُرُّ أَوَائِلُهُمْ عَلَى بُحَيْرَةِ طَبَرِيَّةَ فَيَشْرَبُونَ مَا فِيهَا وَيَمُرُّ آخِرُهُمْ

Kemudian datanglah kepada Nabi Isa satu kelompok manusia yang telah Allah selamatkan (daripada Dajjal). Nabi Isa menyapu muka mereka dan menceritakan kepada mereka tentang kedudukan mereka di syurga. Ketika itu, Allah mewahyukan kepada Nabi Isa: Sesungguhnya aku telah mengeluarkan hamba-hamba ku (iaitu Ya'juj dan Ma'juj) yang tiada seorang pun dapat memerangi mereka. Bahawalah hamba-hamba ku ke Thur. Lalu Allah mengutus Ya'juj dan Ma'juj, mereka ini bergerak dengan cepat daripada setiap tempat tinggi. Yang terawal daripada mereka akan lalu di tasik Tobariyyah, lalu meminum airnya, dan lalu pula yang lain di situ.

فَيَقُولُونَ لَقَدْ كَانَ بِهَذِهِ مَرَّةً مَاءٌ وَيُحْصَرُ نَبِيُّ اللَّهِ عِيسَى وَأَصْحَابُهُ حَتَّى يَكُونَ رَأْسُ الثَّوْرِ لِأَحَدِهِمْ خَيْرًا مِنْ مِائَةِ دِينَارٍ لِأَحَدِكُمْ الْيَوْمَ فَيَرْغَبُ نَبِيُّ اللَّهِ عِيسَى وَأَصْحَابُهُ فَيُرْسِلُ اللَّهُ عَلَيْهِمْ النَّغَفَ فِي رِقَابِهِمْ فَيُصْبِحُونَ فَرْسَى كَمَوْتِ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ

Lalu kelompok yang lain itu berkata: Tasik ini suatu ketika dahulu mempunyai air. Nabi Isa dan pengikut-pengikutnya terkepung sehinggakan ketika itu kepala seekor lembu itu lebih berharga bagi seseorang melebihi 100 dinar yang ada pada kalian hari ini. Nabi Isa dan pengikutnya meminta kepada Allah, lalu akhirnya Allah menghantar kepada mereka menghantar al-Naghaf (sejenis ulat di leher unta atau kambing) yang hinggap di leher Ya'juj dan Ma'juj, lalu membunuh mereka semua seperti matinya satu jiwa.

ثُمَّ يَهْبِطُ نَبِيُّ اللَّهِ عِيسَى وَأَصْحَابُهُ إِلَى الْأَرْضِ فَلَا يَجِدُونَ فِي الْأَرْضِ مَوْضِعَ شِبْرٍ إِلَّا مَلَأَهُ زَهَمُهُمْ وَنَتْنُهُمْ فَيَرْغَبُ نَبِيُّ اللَّهِ عِيسَى وَأَصْحَابُهُ إِلَى اللَّهِ فَيُرْسِلُ اللَّهُ طَيْرًا كَأَعْنَاقِ الْبُخْتِ فَتَحْمِلُهُمْ فَتَطْرَحُهُمْ حَيْثُ شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ يُرْسِلُ اللَّهُ مَطَرًا لَا يَكُنُّ مِنْهُ بَيْتُ مَدَرٍ وَلَا وَبَرٍ فَيَغْسِلُ الْأَرْضَ حَتَّى يَتْرُكَهَا كَالزَّلَفَةِ

Kemudian Nabi Isa dan pengikutnya turun ke bumi tetapi mereka tidak menemui mana-mana kawasan melainkan ia dipenuhi dengan bau busuk (bangkai Ya'juj dan Ma'juj). Lalu Nabi Isa dan pengikutnya meminta Allah, lalu Allah menghantar burung yang seperti unta yang berleher panjang. Lalu burung itu mengangkat bangkai-bangkai itu mencampakkan ia ke mana yang Allah kehendaki. Kemudian Allah menghantar hujan yang mana tiada sebarang bangunan dapat menahan air itu turun ke bumi, lalu ia mencuci bumi sehingga ia menjadi seperti cermin.

ثُمَّ يُقَالُ لِلْأَرْضِ أَنْبِتِي ثَمَرَتَكِ وَرُدِّي بَرَكَتَكِ فَيَوْمَئِذٍ تَأْكُلُ الْعِصَابَةُ مِنْ الرُّمَّانَةِ وَيَسْتَظِلُّونَ بِقِحْفِهَا وَيُبَارَكُ فِي الرِّسْلِ حَتَّى أَنَّ اللِّقْحَةَ مِنْ الْإِبِلِ لَتَكْفِي الْفِئَامَ مِنْ النَّاسِ وَاللِّقْحَةَ مِنْ الْبَقَرِ لَتَكْفِي الْقَبِيلَةَ مِنْ النَّاسِ وَاللِّقْحَةَ مِنْ الْغَنَمِ لَتَكْفِي الْفَخِذَ مِنْ النَّاسِ

Kemudian dikatakan kepada bumi: Tumbuhkanlah buah-buahan engkau, kembalikan keberkatan mu. Pada hari ini, kalian semua dapat memakan daripada sebiji delima dan berteduh dengan kulitnya. Susu unta akan mendapat keberkatan sehingga seekor unta cukup untuk sekumpulan manusia, dan susuk seekor lembu cukup untuk satu kabilah manusia, dan susu seekor kambing, cukup untuk satu keluarga.

فَبَيْنَمَا هُمْ كَذَلِكَ إِذْ بَعَثَ اللَّهُ رِيحًا طَيِّبَةً فَتَأْخُذُهُمْ تَحْتَ آبَاطِهِمْ فَتَقْبِضُ رُوحَ كُلِّ مُؤْمِنٍ وَكُلِّ مُسْلِمٍ وَيَبْقَى شِرَارُ النَّاسِ يَتَهَارَجُونَ فِيهَا تَهَارُجَ الْحُمُرِ فَعَلَيْهِمْ تَقُومُ السَّاعَةُ

Ketika mereka dalam keadaan begitu, Allah menghantar udara yang nyaman yang lalu di bawah ketiak manusia-manusia itu lalu mengambil nyawa setiap manusia yang beriman dan Muslim. Yang tinggal hanyalah manusia-manusia jahat yang melakukan persetubuhan di khalayak ramai seperti seekor himar. Ketika itulah akan berlakunya hari kiamat

[Sahih Muslim, Kitab al-Fitan, hadis no: 2937]

Ia datang dengan penuh syubhat yang mengelirukan

عَنْ أَبِي الدَّهْمَاءِ ، قَالَ : سَمِعْتُ عِمْرَانَ بْنَ حُصَيْنٍ يُحَدِّثُ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ سَمِعَ بِالدَّجَّالِ فَلْيَنْأَ عَنْهُ فَوَاللَّهِ إِنَّ الرَّجُلَ لَيَأْتِيهِ وَهُوَ يَحْسِبُ أَنَّهُ مُؤْمِنٌ ، فَيَتَّبِعُهُ مِمَّا يَبْعَثُ بِهِ مِنَ الشُّبُهَاتِ ، أَوْ لِمَا يَبْعَثُ بِهِ مِنَ الشُّبُهَاتِ

'Imran bin Hussein radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang mendengar tentang Dajjal, hendaklah dia menjauhi daripadanya. Demi Allah, sesungguhnya akan ada seseorang yang datang kepadanya dan menyangka Dajjal itu orang

beriman, lalu dia mengikutnya disebabkan oleh syubhat-syubhat yang ditimbulkan. [Sunan Abi Daud, Kitab al-Malahim, hadis no: 3764]

Menghidupkan yang mati, menurunkan hujan, mensuburkan tanah

قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا إِسْرَاعُهُ فِي الْأَرْضِ قَالَ كَالْغَيْثِ اسْتَدْبَرَتْهُ الرِّيحُ فَيَأْتِي عَلَى الْقَوْمِ فَيَدْعُوهُمْ فَيُؤْمِنُونَ بِهِ وَيَسْتَجِيبُونَ لَهُ فَيَأْمُرُ السَّمَاءَ فَتُمْطِرُ وَالْأَرْضَ فَتُنْبِتُ فَتَرُوحُ عَلَيْهِمْ سَارِحَتُهُمْ أَطْوَلَ مَا كَانَتْ ذُرًا وَأَسْبَغَهُ ضُرُوعًا وَأَمَدَّهُ خَوَاصِرَ

Kami bertanya lagi: Ya Rasulullah, bagaimanakah kepantasan Dajjal di bumi? Baginda menjawab: Seperti awan yang ditiup angin. Dia akan datang kepada satu kaum, menyeru mereka, lalu mereka beriman kepadanya dan menyahut seruannya. Lalu Dajjal mengarahkan langit untuk menurunkan hujan kepada bumi, lalu bumi menjadi subur, haiwan ternakan mereka akan datang kepada mereka pada waktu petang dalam keadaan penuh susu dan kekenyangan.

ثُمَّ يَأْتِي الْقَوْمَ فَيَدْعُوهُمْ فَيَرُدُّونَ عَلَيْهِ قَوْلَهُ فَيَنْصَرِفُ عَنْهُمْ فَيُصْبِحُونَ مُمْحِلِينَ لَيْسَ بِأَيْدِيهِمْ شَيْءٌ مِنْ أَمْوَالِهِمْ وَيَمُرُّ بِالْخَرِبَةِ فَيَقُولُ لَهَا أَخْرِجِي كُنُوزَكِ فَتَتْبَعُهُ كُنُوزُهَا كَيَعَاسِيبِ النَّحْلِ ثُمَّ يَدْعُو رَجُلًا مُمْتَلِئًا شَبَابًا فَيَضْرِبُهُ بِالسَّيْفِ فَيَقْطَعُهُ جَزْلَتَيْنِ رَمْيَةَ الْغَرَضِ ثُمَّ يَدْعُوهُ فَيُقْبِلُ وَيَتَهَلَّلُ وَجْهُهُ يَضْحَكُ

Kemudian Dajjal mendatangi kaum yang lain dan mengajak mereka, akan tetapi mereka menolak seruannya, lantas dia meninggalkan kaum tersebut. Tiba-tiba mereka berada dalam keadaan kering-kontang, dan mereka tidak memiliki sebarang harta. Dajjal lalu di kawasan yang telah musnah, lalu berkata kepadanya: Keluarkanlah harta kekayaan mu. Maka keluarlah harta itu mengikutinya sebagaimana kumpulan lebah mengikut ratunya. Kemudian dia memanggil seorang pemuda yang gemuk lalu menebasnya dengan pedang, lalu memotongnya kepada dua bahagian lalu terpelanting sangat jauh. Kemudian Dajjal memanggil orang yang dibunuh tadi, lalu dia datang dengan wajah yang gembira sambil ketawa.

Syurga disangka neraka, neraka disangka syurga

Huzaifah bin al-Yaman meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ الدَّجَّالَ يَخْرُجُ وَإِنَّ مَعَهُ مَاءً وَنَارًا ، فَأَمَّا الَّذِي يَرَاهُ النَّاسُ مَاءً ، فَنَارٌ تُحْرِقُ ، وَأَمَّا الَّذِي يَرَاهُ النَّاسُ نَارًا ، فَمَاءٌ بَارِدٌ عَذْبٌ ، فَمَنْ أَدْرَكَ ذَلِكَ مِنْكُمْ ، فَلْيَقَعْ فِي الَّذِي يَرَاهُ نَارًا ، فَإِنَّهُ مَاءٌ عَذْبٌ طَيِّبٌ

Sesungguhnya Dajjal akan keluar, sesungguhnya bersama-sama Dajjal itu ialah air dan api. Apa yang manusia lihat sebagai air itu sebenarnya adalah neraka yang menggelegak. Apa yang manusia lihat sebagai api itu sebenarnya air sejuk yang nyaman. Sesiapa yang hidup pada waktu itu, hendaklah dia memilih apa yang dia lihat sebagai api, sesungguhnya ialah adalah air yang sejuk dan baik. [Sahih Muslim, Kitab al-Fitan, hadis no: 5229]

Buta Mata Kanan, Besar, Kemerah-Merahan, Rambut Kerinting

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " بَيْنَا أَنَا نَائِمٌ أَطُوفُ بِالْكَعْبَةِ ، فَإِذَا رَجُلٌ آدَمُ سَبْطُ الشَّعَرِ يَنْطُفُ أَوْ يُهَرَاقُ رَأْسُهُ مَاءً ، قُلْتُ : مَنْ هَذَا ؟ ، قَالُوا : ابْنُ مَرْيَمَ ، ثُمَّ ذَهَبْتُ أَلْتَفِتُ فَإِذَا رَجُلٌ جَسِيمٌ أَحْمَرُ ، جَعْدُ الرَّأْسِ ، أَعْوَرُ الْعَيْنِ كَأَنَّ عَيْنَهُ عِنَبَةٌ طَافِيَةٌ ، قَالُوا : هَذَا الدَّجَّالُ ، أَقْرَبُ النَّاسِ بِهِ شَبَهًا ابْنُ قَطَنٍ ، رَجُلٌ مِنْ خُزَاعَةَ

‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhuma meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Ketika aku bermimpi yang aku sedang melakukan tawaf di Ka’bah, aku melihat seorang lelaki yang lurus rambutnya, menitis air pada kepalanya. Aku bertanya: Siapakah lelaki ini? Mereka menjawab: Ini adalah anak Maryam (iaitu Nabi Isa). Aku aku pergi dan aku terlihat seorang lelaki yang besar lagi kemerah-merahan, rambutnya kerinting, buta sebelah matanya. Matanya seperti buah anggur. Mereka berkata: Inilah Dajjal. Lelaki yang paling menyerupainya ialah Ibn Qattan, seorang lelaki daripada Bani Khuza’ah. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Fitan, hadis no: 6622]

Ibn ‘Umar juga meriwayatkan dalam khutbah Haji Wada’, baginda sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ رَبَّكُمْ لَيْسَ بِأَعْوَرَ ، وَإِنَّهُ أَعْوَرُ عَيْنِ الْيُمْنَى

Sesungguhnya Tuhan kalian tidak buta sebelah mata. Sesungguhnya ia (iaitu Dajjal) buta mata kanannya. [Sahih Muslim, Kitab al-Maghazi, hadis no: 4076]

Pendek

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ أَنَّهُ حَدَّثَهُمْ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " إِنِّي قَدْ حَدَّثْتُكُمْ عَنِ الدَّجَّالِ حَتَّى خَشِيتُ أَنْ لَا تَعْقِلُوا إِنَّ مَسِيحَ الدَّجَّالِ رَجُلٌ قَصِيرٌ أَفْحَجُ جَعْدٌ أَعْوَرُ مَطْمُوسُ الْعَيْنِ لَيْسَ بِنَاتِئَةٍ وَلَا حَجْرَاءَ فَإِنْ أُلْبِسَ عَلَيْكُمْ فَاعْلَمُوا أَنَّ رَبَّكُمْ لَيْسَ بِأَعْوَرَ

‘Ubadah bin al-Shomit radiallahu ‘anhu menceritakan bahawa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Aku telah menceritakan kepada kalian tentang Dajjal sehingga aku takut kalian tidak dapat memahaminya. Sesungguhnya Al-Masih Ad-Dajjal adalah lelaki yang pendek, rambutnya kerinting, buta sebelah mata, matanya tidak terlalu terkeluar dan tidak pula tenggelam. Jika kalian berasa keliru, ketahuilah Tuhan kalian tidak buta sebelah mata. [Sunan Abi Daud, Kitab al-Malahim, hadis no: 3765]

Tertulis kafir antara dua matanya

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَا بُعِثَ نَبِيٌّ إِلَّا أَنْذَرَ أُمَّتَهُ الْأَعْوَرَ الْكَذَّابَ ، أَلَا إِنَّهُ أَعْوَرُ ، وَإِنَّ رَبَّكُمْ لَيْسَ بِأَعْوَرَ ، وَإِنَّ بَيْنَ عَيْنَيْهِ مَكْتُوبٌ : كَافِرٌ

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tidaklah diutuskan seorang Nabi melainkan dia akan memberikan amaran kepada umatnya tentang si buta

sebelah mata yang pendusta. Sesungguhnya dia buta sebelah mata, sedangkan Tuhan kalian tidak buta sebelah mata. Antara kedua matanya tertulis perkataan kafir. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Fitan, hadis no: 6625]

Kepantasan Dajjal

Dalam An-Nawas bin Sam'an disebutkan:

قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا إِسْرَاعُهُ فِي الْأَرْضِ قَالَ كَالْغَيْثِ اسْتَدْبَرَتْهُ الرِّيحُ

Kami bertanya lagi: Ya Rasulullah, bagaimanakah kepantasan Dajjal di bumi? Baginda menjawab: Seperti awan yang ditiup angin.

Tempoh masa Dajjal di muka bumi

Ia berada di bumi selama 1 tahun 74 hari:

Dalam hadis an-Nawas:

يَا عِبَادَ اللَّهِ فَاثْبُتُوا قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا لَبْثُهُ فِي الْأَرْضِ قَالَ أَرْبَعُونَ يَوْمًا يَوْمٌ كَسَنَةٍ وَيَوْمٌ كَشَهْرٍ وَيَوْمٌ كَجُمُعَةٍ وَسَائِرُ أَيَّامِهِ كَأَيَّامِكُمْ قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ فَذَلِكَ الْيَوْمُ الَّذِي كَسَنَةٍ أَتَكْفِينَا فِيهِ صَلَاةُ يَوْمٍ قَالَ لَا اقْدُرُوا لَهُ قَدْرَهُ

Wahai hamba Allah, Istiqamahlah! Kami berkata: Ya Rasulullah, berapa lamakah dia akan berada di bumi? Baginda menjawab: Selama 40 hari. Sehari umpama setahun. Sehari umpama sebulan. Sehari umpama seminggu. Hari-hari selebihnya seperti hari kalian yang biasa. Kami bertanya lagi: Ya Rasulullah, pada hari yang panjangnya seperti setahun, adakah cukup untuk kami solat seperti untuk sehari sahaja. Baginda menjawab: Tidak, anggarkanlah waktu solat.

Tempat yang akan dimasuki Dajjal

Dia akan berjaya masuk ke semua tempat kecuali Mekah dan Madinah

حَدَّثَنِي أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " لَيْسَ مِنْ بَلَدٍ إِلَّا سَيَطَؤُهُ الدَّجَّالُ ، إِلَّا مَكَّةَ ، وَالْمَدِينَةَ لَيْسَ لَهُ مِنْ نِقَابِهَا نَقْبٌ إِلَّا عَلَيْهِ الْمَلَائِكَةُ صَافِّينَ يَحْرُسُونَهَا ، ثُمَّ تَرْجُفُ الْمَدِينَةُ بِأَهْلِهَا ثَلَاثَ رَجَفَاتٍ ، فَيُخْرِجُ اللَّهُ كُلَّ كَافِرٍ وَمُنَافِقٍ. "

Anas bin Malik radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tiada satu negara pun melainkan Dajjal akan memasukinya kecuali Mekah dan Madinah. Tidak ada satu pun pintu masuknya kecuali pasti ada Malaikat yang berbaris menjaganya. Kemudian Madinah akan bergoncang sebanyak tiga lalu Allah mengeluarkan darinya semua orang kafir dan munafiq. [Sahih al-Bukhari, Kitab Fadhail al-Madinah, hadis no: 1757]

Manusia beriman melawan Dajjal

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " يَخْرُجُ الدَّجَّالُ ، فَيَتَوَجَّهُ قِبَلَهُ رَجُلٌ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ، فَتَلْقَاهُ الْمَسَالِحُ مَسَالِحُ الدَّجَّالِ ، فَيَقُولُونَ لَهُ : أَيْنَ تَعْمِدُ ، فَيَقُولُ : أَعْمِدُ إِلَى هَذَا الَّذِي خَرَجَ ، قَالَ : فَيَقُولُونَ لَهُ : أَوَ مَا تُؤْمِنُ بِرَبِّنَا ؟ ، فَيَقُولُ : مَا بِرَبِّنَا خَفَاءٌ ،

Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Dajjal akan keluar, lalu seorang lelaki beriman akan pergi menghadapnya. Pengawal-pengawal Dajjal yang bersenjata akan bertemu dengannya. Mereka akan berkata kepadanya: Ke mana engkau mahu pergi? Dia akan menjawab: Aku mahu pergi kepada benda yang keluar itu. Mereka bertanya lagi: Tidakkah engkau beriman dengan Tuhan kami. Lelaki itu menjawab: Tuhan aku tidak lah tersembunyi.

فَيَقُولُونَ : اقْتُلُوهُ ، فَيَقُولُ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ : أَلَيْسَ قَدْ نَهَاكُمْ رَبُّكُمْ أَنْ تَقْتُلُوا أَحَدًا دُونَهُ ؟ ، قَالَ : فَيَنْطَلِقُونَ بِهِ إِلَى الدَّجَّالِ ، فَإِذَا رَآهُ الْمُؤْمِنُ ، قَالَ : يَا أَيُّهَا النَّاسُ هَذَا الدَّجَّالُ الَّذِي ذَكَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ،

Mereka pun berkata: Bunuh dia. Sebahagian mereka pula berkata kepada yang lain: Bukankah Tuhan engkau telah melarang membunuh sesiapa pun. Lalu mereka bergerak untuk bertemu Dajjal. Apabila lelaki beriman itu melihat Dajjal, dia terus berkata: Wahai manusia. Inilah Dajjal yang Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam sebutkan.

قَالَ : فَيَأْمُرُ الدَّجَّالُ بِهِ فَيُشَبَّحُ ، فَيَقُولُ : خُذُوهُ وَشُجُّوهُ فَيُوسَعُ ظَهْرُهُ وَبَطْنُهُ ضَرْبًا ، قَالَ : فَيَقُولُ : أَوَ مَا تُؤْمِنُ بِي ، قَالَ : فَيَقُولُ : أَنْتَ الْمَسِيحُ الْكَذَّابُ ، قَالَ : فَيُؤْمَرُ بِهِ فَيُؤْشَرُ بِالْمِئْشَارِ مِنْ مَفْرِقِهِ حَتَّى يُفَرَّقَ بَيْنَ رِجْلَيْهِ ، قَالَ : ثُمَّ يَمْشِي الدَّجَّالُ بَيْنَ الْقِطْعَتَيْنِ ، ثُمَّ يَقُولُ لَهُ : قُمْ فَيَسْتَوِي قَائِمًا ،

Lalu Dajjal mengarahkan agar dia dibelah. Dia berkata: Tangkaplah dia, dan belahlah dia. Belakang tubuh dan perutnya dipukul. Lalu Dajjal berkata: Adakah engkau tidak mahu beriman dengan aku? Lelaki itu menjawab: Engkau adalah Al-Masih yang pendusta. Lalu Dajjal menyuruh agar lelaki itu digergaji daripada kepala hingga ke kaki. Kemudian Dajjal akan berjalan antara kedua potong tubuh itu. Kemudian Dajjal akan berkata kepadanya: Bangun lah. Kemudian lelaki itu bangun.

قَالَ : ثُمَّ يَقُولُ لَهُ أَتُؤْمِنُ بِي ؟ ، فَيَقُولُ : مَا ازْدَدْتُ فِيكَ إِلَّا بَصِيرَةً ، قَالَ : ثُمَّ يَقُولُ : يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّهُ لَا يَفْعَلُ بَعْدِي بِأَحَدٍ مِنَ النَّاسِ ، قَالَ : فَيَأْخُذُهُ الدَّجَّالُ لِيَذْبَحَهُ ، فَيُجْعَلَ مَا بَيْنَ رَقَبَتِهِ إِلَى تَرْقُوَتِهِ نُحَاسًا ، فَلَا يَسْتَطِيعُ إِلَيْهِ سَبِيلًا ، قَالَ : فَيَأْخُذُ بِيَدَيْهِ وَرِجْلَيْهِ ، فَيَقْذِفُ بِهِ فَيَحْسِبُ النَّاسُ أَنَّمَا قَذَفَهُ إِلَى النَّارِ ، وَإِنَّمَا أُلْقِيَ فِي الْجَنَّةِ " ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " هَذَا أَعْظَمُ النَّاسِ شَهَادَةً عِنْدَ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Kemudian Dajjal bertanya: Adakah engkau tidak mahu beriman dengan ku? Lelaki itu menjawab: Aku semakin kenal tentang diri engkau. Kemudian lelaki ituberkata: Wahai manusia, sesungguhnya dia tidak akan dapat melakukan hal ini dengan sesiapa pun selepas aku. Dajjal cuba menangkap lelaki itu untuk disembelih, lalu tiba-tiba pada lehernya dan tulangnya terdapat perak sehingga Dajjal tidak dapat membunuhnya. Lalu Dajjal menangkap tangan dan kakinya, dan mencampakkan dia. Manusia menyangka Dajjal telah mencampakkannya ke dalam neraka, sedangkan lelaki itu telah memasuki syurga. Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Inilah manusia yang paling besar kesaksiannya di sisi Allah. [Sahih Muslim, Kitab al-Fitan, hadis no: 5234]

Pengikut Dajjal

Kebanyakan pengikut Dajjal ialah Yahudi dan wanita

Uthman bin Abi al-As radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

وَمَعَ الدَّجَّالِ سَبْعُونَ أَلْفًا عَلَيْهِمْ السِّيجَانُ ، وَأَكْثَرُ تَبَعِهِ الْيَهُودُ وَالنِّسَاءُ

Bersama-sama Dajjal ialah tujuh puluh orang yang berpakaian labuh, kebanyakan mereka adalah Yahudi dan wanita. [Musnad Ahmad, Musnad Al-Syamiyyin, hadis no: 17550. Shaikh al-Arnaouth berkata, Hadis ini sanadnya dhaif]

Bagaimana mahu selamat daripada Dajjal?

Menjauhi daripadanya

عَنْ أَبِي الدَّهْمَاءِ ، قَالَ : سَمِعْتُ عِمْرَانَ بْنَ حُصَيْنٍ يُحَدِّثُ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ سَمِعَ بِالدَّجَّالِ فَلْيَنْأَ عَنْهُ فَوَاللَّهِ إِنَّ الرَّجُلَ لَيَأْتِيهِ وَهُوَ يَحْسِبُ أَنَّهُ مُؤْمِنٌ ، فَيَتَّبِعُهُ مِمَّا يَبْعَثُ بِهِ مِنَ الشُّبُهَاتِ ، أَوْ لِمَا يَبْعَثُ بِهِ مِنَ الشُّبُهَاتِ

‘Imran bin Hussein radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang mendengar tentang Dajjal, hendaklah dia menjauhi daripadanya. Demi Allah, sesungguhnya akan ada seseorang yang datang kepadanya dan menyangka Dajjal itu orang beriman, lalu dia mengikutnya disebabkan oleh syubhat-syubhat yang ditimbulkan. [Sunan Abi Daud, Kitab al-Malahim, hadis no: 3764]

Membaca 10 ayat awal surah Al-Kahf

Dalam hadis An-Nawas bin Sam’an:

فَمَنْ أَدْرَكَهُ مِنْكُمْ فَلْيَقْرَأْ عَلَيْهِ فَوَاتِحَ سُورَةِ الْكَهْفِ

Sesiapa daripada kalian yang menemuinya hendaklah membaca 10 ayat awal surah Al-Kahf.

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ ، أَنّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَنْ حَفِظَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ سُورَةِ الْكَهْفِ عُصِمَ مِنَ الدَّجَّالِ

Abu ad-Darda' radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang menghafaz 10 ayat surah Al-Kahf, dia akan terpelihara daripada Dajjal. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 1348]

Berdoa di dalam solat

عَنْ عُرْوَةَ ، أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، قَالَتْ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " يَسْتَعِيذُ فِي صَلَاتِهِ مِنْ فِتْنَةِ الدَّجَّالِ

'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam memohon perlindungan daripada fitnah Dajjal ketika solat. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Fitan, hadis no: 6623]

Kisah Ibn Soyyad

أَخْبَرَنِي سَالِمُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ ، أَنَّ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ، أَخْبَرَهُ : " أَنَّ عُمَرَ انْطَلَقَ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي رَهْطٍ قِبَلَ ابْنِ صَيَّادٍ حَتَّى وَجَدُوهُ يَلْعَبُ مَعَ الصِّبْيَانِ عِنْدَ أُطُمِ بَنِي مَغَالَةَ ، وَقَدْ قَارَبَ ابْنُ صَيَّادٍ الْحُلُمَ فَلَمْ يَشْعُرْ حَتَّى ضَرَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهِ ،

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar radiallahu 'anhu katanya: Sesungguhnya Umar bin al-Khattab telah bertolak bersama Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam dan beberapa orang Sahabat ke perkampungan Ibnu Soyyad. Setibanya baginda di sana, baginda sallallahu 'alaihi wasallam mendapati beliau sedang bermain dengan beberapa orang kanak-kanak lelaki di tepi binaan yang tinggi kepunyaan Bani Maghalah. Ketika itu Ibnu Soyyad hampir baligh. Ibnu Soyyad tidak menyedari kedatangan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam sehinggalah Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menepuk belakangnya dengan tangan

ثُمَّ قَالَ لِابْنِ صَيَّادٍ : تَشْهَدُ أَنِّي رَسُولُ اللَّهِ ؟ , فَنَظَرَ إِلَيْهِ ابْنُ صَيَّادٍ , فَقَالَ : أَشْهَدُ أَنَّكَ رَسُولُ الْأُمِّيِّينَ ، فَقَالَ ابْنُ صَيَّادٍ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَتَشْهَدُ أَنِّي رَسُولُ اللَّهِ ؟ فَرَفَضَهُ , وَقَالَ : آمَنْتُ بِاللَّهِ وَبِرُسُلِهِ ، فَقَالَ لَهُ : مَاذَا تَرَى ؟ , قَالَ ابْنُ صَيَّادٍ : يَأْتِينِي صَادِقٌ , وَكَاذِبٌ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : خُلِّطَ عَلَيْكَ الْأَمْرُ ،

Lalu baginda bertanya kepada Ibnu Soyyad: Adakah engkau bersaksi bahawa aku ini Rasulullah? Ibnu Soyyad melihat kepada Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam dan berkata: Aku bersaksi bahawa engkau Rasul (utusan) para Ummiyyin (tidak pandai membaca dan menulis). Ibnu Soyyad bertanya kepada Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam: Adakah engkau bersaksi aku adalah utusan Allah? Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam enggan (tidak mengakuinya) lalu baginda bersabda: Aku hanya beriman dengan Allah dan para RasulNya. Kemudian Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bertanya lagi: Apa yang engkau nampak (tentang perkara-perkara ghaib)? Ibnu Soyyad berkata: Datang kepadaku berita benar dan berita bohong. Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda kepadanya: Engkau tidak dapat membezakan antara keduanya.

ثُمَّ قَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنِّي قَدْ خَبَأْتُ لَكَ خَبِيئًا ، فَقَالَ ابْنُ صَيَّادٍ : هُوَ الدُّخُّ ، فَقَالَ : اخْسَأْ ، فَلَنْ تَعْدُوَ قَدْرَكَ ، فَقَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : دَعْنِي يَا رَسُولَ اللَّهِ أَضْرِبْ عُنُقَهُ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنْ يَكُنْهُ فَلَنْ تُسَلَّطَ عَلَيْهِ ، وَإِنْ لَمْ يَكُنْهُ فَلَا خَيْرَ لَكَ فِي قَتْلِهِ " ،

Kemudian Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda lagi: Sesungguhnya aku telah menyembunyikan sesuatu (dalam fikiran ku). Ibnu Soyyad berkata: Dukh (asap). Lalu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam berkata: Celaka engkau, jangan engkau melampaui batas. Lalu Umar bin al-Khattab berkata: Wahai Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam! Biarkan aku memenggal lehernya. Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sekiranya benar dia adalah Dajjal maka engkau tidak mampu membunuhnya dan sekiranya dia bukan Dajjal maka tiada sebarang kebaikan membunuhnya.

وَقَالَ سَالِمٌ : سَمِعْتُ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا , يَقُولُ : انْطَلَقَ بَعْدَ ذَلِكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأُبَيُّ بْنُ كَعْبٍ إِلَى النَّخْلِ الَّتِي فِيهَا ابْنُ صَيَّادٍ ، وَهُوَ يَخْتِلُ أَنْ يَسْمَعَ مِنْ ابْنِ صَيَّادٍ شَيْئًا قَبْلَ أَنْ يَرَاهُ ابْنُ صَيَّادٍ ، فَرَآهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ مُضْطَجِعٌ يَعْنِي : فِي قَطِيفَةٍ لَهُ فِيهَا رَمْزَةٌ أَوْ زَمْرَةٌ ، فَرَأَتْ أُمُّ ابْنِ صَيّادٍ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَتَّقِي بِجُذُوعِ النَّخْلِ ، فَقَالَتْ لِابْنِ صَيَّادٍ : يَا صَافِ وَهُوَ اسْمُ ابْنِ صَيَّادٍ هَذَا مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَثَارَ ابْنُ صَيَّادٍ , فَقَالَ : النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَوْ تَرَكَتْهُ بَيَّنَ

Salim bin Abdullah berkata: Aku telah mendengar Abdullah bin Umar menceritakan bahawa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersama Ubai bin Kaab al-Ansari ke sebuah kebun tamar. Baginda bersembunyi supaya boleh mendengar apa yang diucapkan oleh Ibnu Soyyad tanpa dilihat (diketahui) oleh Ibnu Soyyad. Maka Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam telah melihat Ibnu Soyyad sedang mengiring di atas hamparan yang dianyam dari kapas sambil mengeluarkan suara yang tidak difahami. Tiba-tiba ibu Ibnu Soyyad ternampak Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam yang sedang bersembunyi di belakang pelepah tamar, lalu dia memberitahu Ibnu Soyyad: Wahai Sof! Sof adalah nama Ibnu Soyyad. Ini Muhammad, lalu Ibnu Soyyad bangkit. Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sekiranya ibu Ibnu Soyyad membiarkannya nescaya akan nyata siapakah sebenarnya Ibnu Soyyad. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Janaiz, hadis no: 1273]

Kisah Tamim Ad-Dari

حَدَّثَنِي عَامِرُ بْنُ شَرَاحِيلَ الشَّعْبِيُّ شَعْبُ هَمْدَانَ ، أَنَّهُ سَأَلَ فَاطِمَةَ بِنْتَ قَيْسٍ أُخْتَ الضَّحَّاكِ بْنِ قَيْسٍ ، وَكَانَتْ مِنَ الْمُهَاجِرَاتِ الْأُوَلِ ، فَقَالَ : حَدِّثِينِي حَدِيثًا سَمِعْتِيهِ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تُسْنِدِيهِ إِلَى أَحَدٍ غَيْرِهِ ، فَقَالَتْ : لَئِنْ شِئْتَ لَأَفْعَلَنَّ ؟ ، فَقَالَ لَهَا : أَجَلْ حَدِّثِينِي ، فَقَالَتْ : نَكَحْتُ ابْنَ الْمُغِيرَةِ وَهُوَ مِنْ خِيَارِ شَبَابِ قُرَيْشٍ يَوْمَئِذٍ ، فَأُصِيبَ فِي أَوَّلِ الْجِهَادِ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَلَمَّا تَأَيَّمْتُ خَطَبَنِي عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ فِي نَفَرٍ مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَخَطَبَنِي رَسُولُ

اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى مَوْلَاهُ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ ، وَكُنْتُ قَدْ حُدِّثْتُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَنْ أَحَبَّنِي فَلْيُحِبَّ أُسَامَةَ " ،

Telah disampaikan kepada kami lbn Buraidah dan Amir bin Syurahbil asy-Sya'bi, kabilah Hamdan bahawa dia pernah bertanya kepada Fatimah binti Qais, saudara perempuan ad-Dhahhak bin Qais dan termasuk kelompok perempuan pada hijrah pertama. Amir berkata: Sampaikanlah kepadaku suatu hadis yang engkau dengar daripada Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam yang tidak engkau sandarkan kepada siapapun selain beliau. Fathimah berkata: Jika engkau mahu nescaya aku lakukan. Amir berkata: Tentu, sampaikanlah kepadaku.Fathimah berkata: Aku menikahi lbn al-Mughirah. Dia termasuk pemuda pilihan kaum Quraisy ketika itu. Lalu dia terbunuh pada permulaan jihad bersama Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam. Ketika aku telah menjadi janda, aku dilamar oleh Abdur Rahman bin 'Auf untuk salah seorang sahabat Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam. Sementara itu, Rasulullah melamarku untuk maulanya, Usamah bin Zaid. Aku pernah diberitahu bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Barangsiapa mencintaiku, maka hendaklah dia mencintai Usamah.

فَلَمَّا كَلَّمَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قُلْتُ : أَمْرِي بِيَدِكَ فَأَنْكِحْنِي مَنْ شِئْتَ ، فَقَالَ : " انْتَقِلِي إِلَى أُمِّ شَرِيكٍ ، وَأُمُّ شَرِيكٍ امْرَأَةٌ غَنِيَّةٌ مِنْ الْأَنْصَارِ عَظِيمَةُ النَّفَقَةِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَنْزِلُ عَلَيْهَا الضِّيفَانُ " ، فَقُلْتُ : سَأَفْعَلُ ، فَقَالَ : " لَا تَفْعَلِي إِنَّ أُمَّ شَرِيكٍ امْرَأَةٌ كَثِيرَةُ الضِّيفَانِ ، فَإِنِّي أَكْرَهُ أَنْ يَسْقُطَ عَنْكِ خِمَارُكِ أَوْ يَنْكَشِفَ الثَّوْبُ عَنْ سَاقَيْكِ ، فَيَرَى الْقَوْمُ مِنْكِ بَعْضَ مَا تَكْرَهِينَ ، وَلَكِنْ انْتَقِلِي إِلَى ابْنِ عَمِّكِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرِو ابْنِ أُمِّ مَكْتُومٍ وَهُوَ رَجُلٌ مِنْ بَنِي فِهْرٍ فِهْرِ قُرَيْشٍ ، وَهُوَ مِنَ الْبَطْنِ الَّذِي هِيَ مِنْهُ " ، فَانْتَقَلْتُ إِلَيْهِ ،

Maka ketika Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bercakap kepadaku, aku berkata: Urusanku ada di tangan Anda. Nikahkanlah aku kepada siapa sahaja yang anda suka. Lalu Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Pindahlah kamu ke rumah Ummu Syarik. Ummu Syarik adalah perempuan kaya dan kalangan Ansar yang telah banyak memberikan sumbangan di jalan Allah dan disinggahi ramai tetamu. Aku berkata: Aku akan melakukannya. Maka baginda bersabda: Jangan engkau lakukan. Sesungguhnya Ummu Syarik adalah seorang wanita yang ramai tetamu. Aku tidak suka kain tudungmu jatuh atau baju tersingkap sehingga menampakkan kedua betismu sehingga kaum lelaki akan melihat auratmu. Tetapi, pindahlah ke rumah sepupu mu, 'Abdullah bin Amr bin Ummi Maktum, seorang lelaki dari Bani Fihr.

فَلَمَّا انْقَضَتْ عِدَّتِي سَمِعْتُ نِدَاءَ الْمُنَادِي مُنَادِي رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُنَادِي الصَّلَاةَ جَامِعَةً ، فَخَرَجْتُ إِلَى الْمَسْجِدِ فَصَلَّيْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَكُنْتُ فِي صَفِّ النِّسَاءِ الَّتِي تَلِي ظُهُورَ الْقَوْمِ ، فَلَمَّا قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاتَهُ جَلَسَ عَلَى الْمِنْبَرِ وَهُوَ يَضْحَكُ ، فَقَالَ : " لِيَلْزَمْ كُلُّ إِنْسَانٍ مُصَلَّاهُ " ، ثُمَّ قَالَ : " أَتَدْرُونَ لِمَ جَمَعْتُكُمْ ؟ " ، قَالُوا : اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ ، قَالَ : " إِنِّي وَاللَّهِ مَا

جَمَعْتُكُمْ لِرَغْبَةٍ وَلَا لِرَهْبَةٍ ، وَلَكِنْ جَمَعْتُكُمْ لِأَنَّ تَمِيمًا الدَّارِيَّ كَانَ رَجُلًا نَصْرَانِيًّا ، فَجَاءَ فَبَايَعَ وَأَسْلَمَ ، وَحَدَّثَنِي حَدِيثًا وَافَقَ الَّذِي كُنْتُ أُحَدِّثُكُمْ عَنْ مَسِيحِ الدَّجَّالِ ،

Ketika masa iddahku berakhir, aku mendengar seruan seorang sahabat Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam menyeru mendirikan solat berjamaah. Maka aku pergi ke masjid dan solat bersama Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam. Aku berada di barisan wanita yang berada tepat di belakang kaum lelaki. Setelah selesai solat, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, duduk di mimbar. Sambil tersenyum beliau bersabda: Hendaklah setiap orang kekal di tempat solatnya. Selanjutnya baginda bersabda: Adakah kamu semua mengetahui sebab aku mengumpulkan kamu? Mereka menjawab: Hanya Allah dan RasulNya yang lebih mengetahui. Baginda bersabda: Sesungguhnya aku, demi Allah tidak mengumpulkan kamu semua bukan kerana ada pengharapan ataupun ketakutan. Akan tetapi aku mengumpulkan kamu adalah kerana Tamim ad-Dari, yang dahulunya seorang Nasrani, datang untuk memeluk Islam. Dia menceritakan kepadaku seperti apa yang telah aku sampaikan kepada kamu tentang Dajjal

حَدَّثَنِي أَنَّهُ رَكِبَ فِي سَفِينَةٍ بَحْرِيَّةٍ مَعَ ثَلَاثِينَ رَجُلًا مِنْ لَخْمٍ وَجُذَامَ ، فَلَعِبَ بِهِمُ الْمَوْجُ شَهْرًا فِي الْبَحْرِ ، ثُمَّ أَرْفَئُوا إِلَى جَزِيرَةٍ فِي الْبَحْرِ حَتَّى مَغْرِبِ الشَّمْسِ ، فَجَلَسُوا فِي أَقْرُبْ السَّفِينَةِ ، فَدَخَلُوا الْجَزِيرَةَ ، فَلَقِيَتْهُمْ دَابَّةٌ أَهْلَبُ كَثِيرُ الشَّعَرِ لَا يَدْرُونَ مَا قُبُلُهُ مِنْ دُبُرِهِ مِنْ كَثْرَةِ الشَّعَرِ ، فَقَالُوا : وَيْلَكِ مَا أَنْتِ ؟ ، فَقَالَتْ : أَنَا الْجَسَّاسَةُ ، قَالُوا : وَمَا الْجَسَّاسَةُ ؟ ، قَالَتْ : أَيُّهَا الْقَوْمُ انْطَلِقُوا إِلَى هَذَا الرَّجُلِ فِي الدَّيْرِ ، فَإِنَّهُ إِلَى خَبَرِكُمْ بِالْأَشْوَاقِ ، قَالَ : لَمَّا سَمَّتْ لَنَا رَجُلًا ، فَرِقْنَا مِنْهَا أَنْ تَكُونَ شَيْطَانَةً ،

Dia menceritakan kepadaku bahawa dia mengemudi sebuah perahu bersama 30 orang dari Lakhm dan Judzam. Mereka dipermainkan ombak selama sebulan di laut. Lalu mereka berlabuh menuju ke suatu pulau di laut itu sampai terbenam matahari. Mereka duduk-duduk di pantai dekat perahu. Lalu mereka naik ke pulau itu. Maka mereka didatangi seekor binatang yang banyak bulunya yang mereka tidak dapat membezakan mana bahagian depan dan mana bahagian belakangnya. Mereka berkata: Celaka kau, apakah kamu ini ? Binatang itu menjawab. ‘Aku adalah Al-Jassasah(mata-mata/perisik). Mereka bertanya: Mata-mata apa Dia menjawab: Wahai kalian, pergilah kepada orang yang berada di dalam gua, kenana dia merindukan berita kamu. Tamim ad-Dari berkata: Ketika binatang itu menyebutkan nama seseorang, kami meninggalkannya kerana mungkin dia adalah syaitan betina.

قَالَ : فَانْطَلَقْنَا سِرَاعًا حَتَّى دَخَلْنَا الدَّيْرَ ، فَإِذَا فِيهِ أَعْظَمُ إِنْسَانٍ رَأَيْنَاهُ قَطُّ خَلْقًا ، وَأَشَدُّهُ وِثَاقًا مَجْمُوعَةٌ يَدَاهُ إِلَى عُنُقِهِ مَا بَيْنَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى كَعْبَيْهِ بِالْحَدِيدِ ، قُلْنَا : وَيْلَكَ مَا أَنْتَ ؟ ، قَالَ : قَدْ قَدَرْتُمْ عَلَى خَبَرِي ، فَأَخْبِرُونِي مَا أَنْتُمْ ؟ ، قَالُوا : نَحْنُ أُنَاسٌ مِنَ الْعَرَبِ رَكِبْنَا فِي سَفِينَةٍ بَحْرِيَّةٍ ، فَصَادَفْنَا الْبَحْرَ حِينَ اغْتَلَمَ ، فَلَعِبَ بِنَا الْمَوْجُ شَهْرًا ، ثُمَّ أَرْفَأْنَا إِلَى جَزِيرَتِكَ هَذِهِ ، فَجَلَسْنَا فِي أَقْرُبِهَا فَدَخَلْنَا الْجَزِيرَةَ ، فَلَقِيَتْنَا دَابَّةٌ أَهْلَبُ كَثِيرُ الشَّعَرِ لَا يُدْرَى مَا قُبُلُهُ مِنْ دُبُرِهِ مِنْ كَثْرَةِ الشَّعَرِ ، فَقُلْنَا : وَيْلَكِ مَا أَنْتِ ؟ ، فَقَالَتْ : أَنَا الْجَسَّاسَةُ ، قُلْنَا : وَمَا

الْجَسَّاسَةُ ؟ ، قَالَتْ : اعْمِدُوا إِلَى هَذَا الرَّجُلِ فِي الدَّيْرِ ، فَإِنَّهُ إِلَى خَبَرِكُمْ بِالْأَشْوَاقِ ، فَأَقْبَلْنَا إِلَيْكَ سِرَاعًا وَفَزِعْنَا مِنْهَا ، وَلَمْ نَأْمَنْ أَنْ تَكُونَ شَيْطَانَةً ،

Selanjutnya dia berkata: Lalu kami berangkat segera hingga memasuki gua. Tiba-tiba di dalamnya ada seorang manusia yang yang pernah kami lihat. Dia diikat dengan rantai yang kuat. Kedua tangan dan lehernya disatukan, lutut hingga kedua mata kakinya diikat dengan besi. Kami berkata: Celaka kamu, kamu ini siapa? Dia menjawab: Sesungguhnya kamu telah mengetahui tentang ku, kini beritahukan kepadaku, siapakah kamu semua ini ? Mereka menjawab: Kami adalah manusia daripada bangsa Arab. Kami menaiki perahu lalu dihentam gelombang laut besar dan ombak mempermainkan kami selama sebulan. Kemudian kami berlabuh di pulau mu ini. Kami duduk di tepi pantainya dan kami masuk ke dalam pulau ini. Kami didatangi seekor binatang yang berbulu lebat sehingga tidak diketahui mana bahagian muka dan mana bahagian belakangnya. Kami bertanya: Celaka kamu, siapakah kamu ini? Dia menjawab: Saya adalah mata-mata. Kami bertanya: Mata-mata apa? Dia menjawab: Pergilah kepada orang yang berada di gua ini kerana dia sangat rindu kepada berita kamu. Maka kami pun segera datang kepada kamu. Kami takut pada binatang itu dan kami takut ia adalah syaitan betina.

فَقَالَ : أَخْبِرُونِي عَنْ نَخْلِ بَيْسَانَ ؟ ، قُلْنَا : عَنْ أَيِّ شَأْنِهَا تَسْتَخْبِرُ ؟ ، قَالَ : أَسْأَلُكُمْ عَنْ نَخْلِهَا هَلْ يُثْمِرُ ؟ ، قُلْنَا لَهُ : نَعَمْ ، قَالَ : أَمَا إِنَّهُ يُوشِكُ أَنْ لَا تُثْمِرَ ؟ ، قَالَ : أَخْبِرُونِي عَنْ بُحَيْرَةِ الطَّبَرِيَّةِ ؟ ، قُلْنَا : عَنْ أَيِّ شَأْنِهَا تَسْتَخْبِرُ ؟ ، قَالَ : هَلْ فِيهَا مَاءٌ ؟ ، قَالُوا : هِيَ كَثِيرَةُ الْمَاءِ ، قَالَ : أَمَا إِنَّ مَاءَهَا يُوشِكُ أَنْ يَذْهَبَ ؟ ، قَالَ : أَخْبِرُونِي عَنْ عَيْنِ زُغَرَ ؟ ، قَالُوا : عَنْ أَيِّ شَأْنِهَا تَسْتَخْبِرُ ؟ ، قَالَ : هَلْ فِي الْعَيْنِ مَاءٌ وَهَلْ يَزْرَعُ أَهْلُهَا بِمَاءِ الْعَيْنِ ؟ ، قُلْنَا لَهُ : نَعَمْ ، هِيَ كَثِيرَةُ الْمَاءِ وَأَهْلُهَا يَزْرَعُونَ مِنْ مَائِهَا ،

Orang itu berkata: Ceritakan kepadaku tentang kurma Baisan. Kami menjawab: Tentang apa yang engkau mahu tahu? Makhluk itu berkata: Aku ingin bertanya kepada kamu adakah kurmanya berbuah?. Kami menjawab kepadanya: Ya. Lalu dia berkata: Akan tetapi pohon kurma itu hampir tidak akan berbuah. Lalu dia berkata lagi: Ceritakan kepadaku tentang Tasek Thabariyyah. Kami pun bertanya: Tentang apa yang ingin kau tahu? Makhluk itu bertanya: Adakah tasik itu masih berair. Mereka menjawab: Ya Tasik itu masih banyak airnya. Dia berkata: Sesungguhnya air tasik itu hampir habis. Dia berkata: Ceritakan kepadaku tentang mata air Zughar. Mereka bertanya: Mengenai apa yang engkau mahu tahu? Dia bertanya: Adakah mata air itu masih memancarkan air? Adakah penduduknya masih bercucuk tanam dan mata air itu?. Kami menjawab: Ya. Ia masih berair dan penduduknya masih bercucuk tanam menggunakan airnya.

قَالَ : أَخْبِرُونِي عَنْ نَبِيِّ الْأُمِّيِّينَ مَا فَعَلَ ؟ ، قَالُوا : قَدْ خَرَجَ مِنْ مَكَّةَ وَنَزَلَ يَثْرِبَ ، قَالَ : أَقَاتَلَهُ الْعَرَبُ ؟ ، قُلْنَا : نَعَمْ ، قَالَ : كَيْفَ صَنَعَ بِهِمْ ، فَأَخْبَرْنَاهُ أَنَّهُ قَدْ ظَهَرَ عَلَى مَنْ يَلِيهِ مِنَ الْعَرَبِ وَأَطَاعُوهُ ، قَالَ لَهُمْ : قَدْ

كَانَ ذَلِكَ ؟ ، قُلْنَا : نَعَمْ ، قَالَ : أَمَا إِنَّ ذَاكَ خَيْرٌ لَهُمْ أَنْ يُطِيعُوهُ ، وَإِنِّي مُخْبِرُكُمْ عَنِّي إِنِّي أَنَا الْمَسِيحُ ، وَإِنِّي أُوشِكُ أَنْ يُؤْذَنَ لِي فِي الْخُرُوجِ ،

Dia bertanya lagi: Terangkan kepadaku tentang nabi yang diutus kepada orang-orang buta huruf, apa yang dilakukannya?. Mereka menjawab: Dia telah keluar dari Mekah menuju ke Yathrib. Dia bertanya: Adakah orang-orang Arab memeranginya?. Kami menjawab: Ya. Dia bertanya: Bagaimana caranya dia melayan mereka? Lalu kami menceritakan kepadanya bahawa baginda telah menundukkan orang-orang Arab terdekatnya, sehingga mereka mengikutinya. Dia bertanya: Benarkah begitu? Kami menjawab: Ya. Dia pun berkata: Adapun, adalah lebih elok mereka mentaatinya. Sesungguhnya aku akan memberitahu kepada kamu mengenai diriku. Aku ini adalah al-Masih. Aku hampir akan diizinkan keluar.

فَأَخْرُجَ فَأَسِيرَ فِي الْأَرْضِ ، فَلَا أَدَعَ قَرْيَةً إِلَّا هَبَطْتُهَا فِي أَرْبَعِينَ لَيْلَةً غَيْرَ مَكَّةَ ، وَطَيْبَةَ فَهُمَا مُحَرَّمَتَانِ عَلَيَّ كِلْتَاهُمَا ، كُلَّمَا أَرَدْتُ أَنْ أَدْخُلَ وَاحِدَةً أَوْ وَاحِدًا مِنْهُمَا اسْتَقْبَلَنِي مَلَكٌ بِيَدِهِ السَّيْفُ صَلْتًا يَصُدُّنِي عَنْهَا ، وَإِنَّ عَلَى كُلِّ نَقْبٍ مِنْهَا مَلَائِكَةً يَحْرُسُونَهَا ، قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : وَطَعَنَ بِمِخْصَرَتِهِ فِي الْمِنْبَرِ ، هَذِهِ طَيْبَةُ ، هَذِهِ طَيْبَةُ ، هَذِهِ طَيْبَةُ يَعْنِي الْمَدِينَةَ ، أَلَا هَلْ كُنْتُ حَدَّثْتُكُمْ ذَلِكَ ؟ ، فَقَالَ النَّاسُ : نَعَمْ ، فَإِنَّهُ أَعْجَبَنِي حَدِيثُ تَمِيمٍ أَنَّهُ وَافَقَ الَّذِي كُنْتُ أُحَدِّثُكُمْ عَنْهُ وَعَنْ الْمَدِينَةِ وَمَكَّةَ ، أَلَا إِنَّهُ فِي بَحْرِ الشَّأْمِ أَوْ بَحْرِ الْيَمَنِ ، لَا بَلْ مِنْ قِبَلِ الْمَشْرِقِ مَا هُوَ مِنْ قِبَلِ الْمَشْرِقِ ، مَا هُوَ مِنْ قِبَلِ الْمَشْرِقِ ، مَا هُوَ وَأَوْمَأَ بِيَدِهِ إِلَى الْمَشْرِقِ " ، قَالَتْ : فَحَفِظْتُ هَذَا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maka aku akan keluar. Lalu aku akan berjalan di muka bumi. Aku tidak melalui sesuatu kampung melainkan aku tinggal selama 40 malam kecuali kola Mekah dan Thaibah (Madinah). Kedua kota itu diharamkan ke atasku. Setiap kali aku mahu memasuki salah satu kota itu, aku dihadang oleh malaikat yang memegang pedang untuk memenggalku. Di setiap pintu masuk kedua kota itu dijaga oleh para malaikat. Fatimah berkata: Sambil memukulkan tongkatnya pada mimbar, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Ini adalah Thaibah, ini adalah Thaibah, ini adalah Thaibah yakni kota Madinah. Adakah hal ini telah aku sampaikan kepada kamu? Orang ramai menjawab : Benar. Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Aku berasa takjub dengan cerita Tamim ad-Dari. Sungguh cerita Tamim itu sesuai dengan apa yang telah aku sampaikan kepada kamu, juga mengenai kota Mekah dan Madinah. Ketahuilah sesungguhnya Dajjal itu berada di lautan Syam atau di lautan Yaman, bukan dari arah timur, bukan dari arah timur, bukan dari arah timur. Baginda mengisyaratkan dengan tangannya ke arah timur.Selanjutnya Fatimah berkata: Maka aku menghafaz hadis ini daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam. [Sahih Muslim, Kitab al-Fitan, hadis no: 5239]

Turunnya Nabi Isa

Nabi Isa tidak mati dibunuh

وَقَوْلِهِمْ إِنَّا قَتَلْنَا الْمَسِيحَ عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ رَسُولَ اللَّهِ وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَكِنْ شُبِّهَ لَهُمْ وَإِنَّ الَّذِينَ اخْتَلَفُوا فِيهِ لَفِي شَكٍّ مِنْهُ مَا لَهُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ إِلَّا اتِّبَاعَ الظَّنِّ وَمَا قَتَلُوهُ يَقِينًا (157) بَلْ رَفَعَهُ اللَّهُ إِلَيْهِ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا (158)

Ucapan mereka: Sesungguhnya kami telah membunuh Al Masih, Isa bin Maryam, Rasul Allah, padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak (pula) menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh ialah) orang yang diserupakan dengan Isa bagi mereka. Sesungguhnya orang-orang yang berselisih faham tentang (pembunuhan) Isa, benar-benar dalam keragu-raguan tentang yang dibunuh itu. Mereka tidak mempunyai keyakinan tentang siapa yang dibunuh itu, kecuali mengikuti persangkaan belaka, mereka tidak (pula) yakin bahawa yang mereka bunuh itu adalah Isa. Tetapi (yang sebenarnya), Allah telah mengangkat Isa kepada-Nya. Dan adalah Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. ” [An Nisa': 157-159]

عَنْ ابْنِ الْمُسَيَّبِ ، أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، يَقُولُ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَيُوشِكَنَّ أَنْ يَنْزِلَ فِيكُمُ ابْنُ مَرْيَمَ حَكَمًا مُقْسِطًا ، فَيَكْسِرَ الصَّلِيبَ ، وَيَقْتُلَ الْخِنْزِيرَ ، وَيَضَعَ الْجِزْيَةَ ، وَيَفِيضَ الْمَالُ حَتَّى لَا يَقْبَلَهُ أَحَدٌ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Demi Tuhan yang diri ku di TanganNya. Nabi Isa bin Maryam akan turun kepada kalian sebagai hakim yang adil, dia akan mematahkan salib, membunuh babi, dan menghapuskan jizyah, dan harta semakin banyak sehingga tiada siapa yang mahu menerimanya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Buyu’, hadis no: 2080]

أَخْبَرَنِي أَبُو الزُّبَيْرِ ، أَنَّهُ سَمِعَ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ ، يَقُولُ : سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " لَا تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي يُقَاتِلُونَ عَلَى الْحَقِّ ، ظَاهِرِينَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ " ، قَالَ : " فَيَنْزِلُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ عَلَيْهِ السَّلام ، فَيَقُولُ أَمِيرُهُمْ : تَعَالَ صَلِّ لَنَا ، فَيَقُولُ : لَا ، إِنَّ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ أُمَرَاءُ ، تَكْرِمَةَ اللَّهِ هَذِهِ الْأُمَّةَ

Jabir bin ‘Abdullah radiallahu ‘anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Akan sentiasa ada sekelompok daripada umat ku yang berperang di jalan kebenaran dan menang sehingga hari kiamat. Lalu Nabi Isa turun, lalu pemimpin mereka berkata: Jadilah imam solat kami. Lalu Isa menjawab: Tidak, sesungguhnya sebahagian kamu sudah menjadi ketua atas sebahagian yang lain. Allah telah memuliakan umat ini. [Sahih Muslim, Kitab al-Iman, hadis no: 229]

Tempat Turun Nabi Isa

Dalam hadis an-Nawas:

فَبَيْنَمَا هُوَ كَذَلِكَ إِذْ بَعَثَ اللَّهُ الْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ فَيَنْزِلُ عِنْدَ الْمَنَارَةِ الْبَيْضَاءِ شَرْقِيَّ دِمَشْقَ بَيْنَ مَهْرُودَتَيْنِ وَاضِعًا كَفَّيْهِ عَلَى أَجْنِحَةِ مَلَكَيْنِ إِذَا طَأْطَأَ رَأْسَهُ قَطَرَ وَإِذَا رَفَعَهُ تَحَدَّرَ مِنْهُ جُمَانٌ كَاللُّؤْلُؤِ فَلَا يَحِلُّ لِكَافِرٍ يَجِدُ رِيحَ نَفَسِهِ إِلَّا مَاتَ وَنَفَسُهُ يَنْتَهِي حَيْثُ يَنْتَهِي طَرْفُهُ فَيَطْلُبُهُ حَتَّى يُدْرِكَهُ بِبَابِ لُدٍّ فَيَقْتُلُهُ

Ketika itu, Allah menghantar Nabi Isa bin Maryam, dia turun di sebuah menara putih di timur Damsyiq, dia memakai dua pakaian. Dia meletakkan tangannya dia sayap dua malaikat. Apabila dia menundukkan kepalanya, akan menitis air, dan apabila dia mendongakkan kepalanya, akan menitis pula air darinya seperti mutiara. Tidaklah orang kafir dapat menghidu nafasnya melainkan mereka akan mati. Nafasnya itu akan tersebar sejauh-jauhnya. Nabi Isa akan memburu Dajjal sehingga berjaya menangkapnya di Bab Ludd lalu berjaya membunuhnya.

Tempoh masa Nabi Isa di bumi

‘Aisyah radiallahu ‘anha meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

ثُمَّ يَمْكُثُ عِيسَى عَلَيْهِ السَّلاَمُ فِي الأَرْضِ أَرْبَعِينَ سَنَةً إِمَامًا عَدْلاً ، وَحَكَمًا مُقْسِطًا.

Nabi Isa akan tinggal di bumi selama empat puluh tahun, dia memerintah dengan penuh keadilan. [Musnad Ahmad, Hasid ‘Aisyah, hadis no: 24511, Shaikh al-Arnaouth: Sanadnya hasan]

Tugas-tugas nabi Isa

Sebagaimana telah disebutkan dalam hadis-hadis sebelum ini tugasnya ialah:

- membunuh Dajjal

- menghancurkan salib-salib,

- membunuh babi,

- menghapuskan jizyah

- menjadi imam dan hakim yang adil dengan menegakkan syari’at Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihi wa sallam.

Dengan apa Nabi Isa berhukum?

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " كَيْفَ أَنْتُمْ إِذَا نَزَلَ فِيكُمْ ابْنُ مَرْيَمَ ، فَأَمَّكُمْ مِنْكُمْ ؟ " ، فَقُلْتُ لِابْنِ أَبِي ذِئْبٍ : إِنَّ الأَوْزَاعِيَّ ، حَدَّثَنَا ، عَنِ الزُّهْرِيِّ ، عَنْ نَافِعٍ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ : وَإِمَامُكُمْ مِنْكُمْ ، وَإِمَامُكُمْ مِنْكُمْ ، قَالَ ابْنُ أَبِي ذِئْبٍ : تَدْرِي مَا أَمَّكُمْ مِنْكُمْ ؟ قُلْتُ : تُخْبِرُنِي ، قَالَ : فَأَمَّكُمْ بِكِتَابِ رَبِّكُمْ تَبَارَكَ وَتَعَالَى وَسُنَّةِ نَبِيِّكُمْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ .

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi bersabda: Bagaimana keadaan kalian tatkala Nabi Isa turun kepada kalian dan menjadi pemimpin kalian. (Al-Walid bin Muslim berkata): Aku bertanya kepada Ibn Abi Zi’b sesungguhnya al-Awzai’e meriwayatkan daripada Az-Zuhri daripada Nafi, daripada Abu Hurairah: Dia menjadi pemimpin kalian. Ibn Abi Zi’b bertanya:

Adakah engkau tahu bagaimana dia mengimami kalian? Aku berkata: Beritahulah kepada aku. Ibn Abi Zi'b berkata: Dia akan memimpin kalian dengan kitab Tuhan kalian, sunnah Nabi kalian sallallahu 'alaihi wasallam. [Sahih Muslim, Kitab al-Iman, hadis no: 228]

Ya'juj dan Ma'juj

Firman Allah:

حَتَّى إِذَا بَلَغَ بَيْنَ السَّدَّيْنِ وَجَدَ مِنْ دُونِهِمَا قَوْمًا لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ قَوْلًا (93) قَالُوا يَا ذَا الْقَرْنَيْنِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَى أَنْ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا (94) قَالَ مَا مَكَّنِّي فِيهِ رَبِّي خَيْرٌ فَأَعِينُونِي بِقُوَّةٍ أَجْعَلْ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ رَدْمًا (95) آتُونِي زُبَرَ الْحَدِيدِ حَتَّى إِذَا سَاوَى بَيْنَ الصَّدَفَيْنِ قَالَ انْفُخُوا حَتَّى إِذَا جَعَلَهُ نَارًا قَالَ آتُونِي أُفْرِغْ عَلَيْهِ قِطْرًا (96) فَمَا اسْطَاعُوا أَنْ يَظْهَرُوهُ وَمَا اسْتَطَاعُوا لَهُ نَقْبًا (97) قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِنْ رَبِّي فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءَ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا (98) وَتَرَكْنَا بَعْضَهُمْ يَوْمَئِذٍ يَمُوجُ فِي بَعْضٍ وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَجَمَعْنَاهُمْ جَمْعًا (99)

Hingga apabila dia telah sampai di antara dua buah gunung, dia mendapati di hadapan kedua bukit itu suatu kaum yang hampir tidak memahami apa yang dicakapkan (93) Mereka berkata: "Hai Dzulqarnain, sesungguhnya Ya'juj dan Ma'juj itu orang-orang yang membuat kerosakan di muka bumi, maka bolehkah kami mengupah kamu, supaya kamu membuat dinding antara kami dan mereka?" (94) Zulkarnain berkata: "Apa yang telah dikuasakan oleh Tuhanku kepadaku terhadapnya adalah lebih baik, maka tolonglah aku dengan kekuatan [manusia dan alat-alat], agar aku membuatkan dinding antara kamu dan mereka, (95) berilah aku potongan-potongan besi" Hingga apabila besi itu telah sama rata dengan kedua [puncak] gunung itu, berkatalah Zulkarnain: Tiuplah [api itu]". Hingga apabila besi itu sudah menjadi [merah seperti] api, diapun berkata: "Berilah aku tembaga [yang mendidih] agar ku tuangkan ke atas besi panas itu". (96) Maka mereka (iaitu Ya'juj dan Ma'juj) tidak akan dapat mendakinya dan mereka tidak dapat pula melubanginya. (97) Zulkarnain berkata: "Ini [dinding] adalah rahmat dari Tuhanku, maka apabila sudah datang janji Tuhanku. Dia akan menjadikannya hancur luluh; dan janji Tuhanku itu adalah benar". (98) Kami biarkan mereka di hari itu bercampur aduk antara satu dengan yang lain, kemudian ditiup lagi sangkakala, lalu Kami kumpulkan mereka itu semuanya. (99) [Al-Kahf: 93-99]

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ , أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " تُفْتَحُ يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ فَيَخْرُجُونَ كَمَا قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : وَهُمْ مِنْ كُلِّ حَدَبٍ يَنْسِلُونَ سورة الأنبياء آية 96 فَيَعُمُّونَ الْأَرْضَ , وَيَنْحَازُ مِنْهُمُ الْمُسْلِمُونَ , حَتَّى تَصِيرَ بَقِيَّةُ الْمُسْلِمِينَ فِي مَدَائِنِهِمْ وَحُصُونِهِمْ , وَيَضُمُّونَ إِلَيْهِمْ مَوَاشِيَهُمْ , حَتَّى أَنَّهُمْ لَيَمُرُّونَ بِالنَّهَرِ فَيَشْرَبُونَهُ , حَتَّى مَا يَذَرُونَ فِيهِ شَيْئًا ,

Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Akan dibukakan untuk Ya'juj Ma'juj (jalan keluarnya), lantas mereka keluar sebagaimana firman Allah: Mereka turun dengan cepat dari seluruh tempat yg tinggi (Al-Anbiya': 96). Kemudian mereka

menguasai keseluruhan bumi dan sebahagian kaum Muslimin menyokong mereka, sehingga saki baki kaum Muslimin berada di kota-kota dan benteng-benteng beserta haiwan ternak mereka. Ketika Ya’juj dan Ma’juj melintasi sungai, mereka akan minum kesemua air itu tanpa meninggalkan sedikit pun.

فَيَمُرُّ آخِرُهُمْ عَلَى أَثَرِهِمْ , فَيَقُولُ قَائِلُهُمْ : لَقَدْ كَانَ بِهَذَا الْمَكَانِ مَرَّةً مَاءٌ , وَيَظْهَرُونَ عَلَى الْأَرْضِ , فَيَقُولُ قَائِلُهُمْ : هَؤُلَاءِ أَهْلُ الْأَرْضِ قَدْ فَرَغْنَا مِنْهُمْ , وَلَنُنَازِلَنَّ أَهْلَ السَّمَاءِ حَتَّى إِنَّ أَحَدَهُمْ لَيَهُزُّ حَرْبَتَهُ إِلَى السَّمَاءِ فَتَرْجِعُ مُخَضَّبَةً بِالدَّمِ ,

Lalu kelompok yg terakhir daripada mereka melintas, maka salah seorang daripada kelompok tersebut berkata: Sungguh, dahulu tempat ini mempunyai air. Kemudian muncullah seorang dari mereka di atas bumi sambil berkata: Mereka semua adalah penduduk bumi, dan kami telah selesai (mengalahkan) mereka, oleh kami pasti akan menentang penduduk langit pula. Sehingga seorang daripada mereka melemparkan tombaknya ke langit, maka tombak tersebut kembali dengan berlumuran darah.

فَيَقُولُونَ : قَدْ قَتَلْنَا أَهْلَ السَّمَاءِ , فَبَيْنَمَا هُمْ كَذَلِكَ , إِذْ بَعَثَ اللَّهُ دَوَابَّ كَنَغَفِ الْجَرَادِ , فَتَأْخُذُ بِأَعْنَاقِهِمْ فَيَمُوتُونَ مَوْتَ الْجَرَادِ , يَرْكَبُ بَعْضُهُمْ بَعْضًا , فَيُصْبِحُ الْمُسْلِمُونَ لَا يَسْمَعُونَ لَهُمْ حِسًّا ,

Lalu mereka berkata: Kita telah membunuh penghuni langit. Ketika mereka dalam keadaan seperti ini, Allah mengutus sekawan binatang seperti ulat pada belalang, lalu menyerang leher-leher mereka sehingga mereka mati bergelimpangan seperti matinya belalang, dan mayat mereka saling berhimpitan. Pada pagi harinya, kaum muslimin tidak mendengar suara mereka,

فَيَقُولُونَ : مَنْ رَجُلٌ يَشْرِي نَفْسَهُ وَيَنْظُرُ مَا فَعَلُوا , فَيَنْزِلُ مِنْهُمْ رَجُلٌ قَدْ وَطَّنَ نَفْسَهُ عَلَى أَنْ يَقْتُلُوهُ , فَيَجِدُهُمْ مَوْتَى فَيُنَادِيهِمْ أَلَا أَبْشِرُوا فَقَدْ هَلَكَ عَدُوُّكُمْ , فَيَخْرُجُ النَّاسُ , وَيَخْلُونَ سَبِيلَ مَوَاشِيهِمْ فَمَا يَكُونُ لَهُمْ رَعْيٌ إِلَّا لُحُومُهُمْ , فَتَشْكَرُ عَلَيْهَا كَأَحْسَنِ مَا شَكِرَتْ مِنْ نَبَاتٍ أَصَابَتْهُ قَطُّ. "

Lalu kaum Muslimin berkata: Siapa yang sanggup membahayakan diri sendiri untuk melihat apa yang sedang mereka lakukan? Maka turunlah seorang lelaki daripada kalangan mereka yang sudah bersedian untuk menjadi mangsa bunuh mereka, namun lelaki itu mendapati mereka telah mati terbunuh, maka dia pun berseru kepada mereka (kaum Muslimin): Bergembiralah, musuh kalian telah binasa! Maka orang ramai pun keluar dan melepaskan haiwan ternakan mereka. Tidaklah mereka memiliki binatang ternak kecuali hanya tinggal daging-dagingnya sahaja, lalu dia bersyukur untuknya sebagaimana hebatnya syukur daripada tumbuh-tumbuhan yang tidak pernah mendapatkan siraman air. [Sunan Ibn Majah, Kitab al-Fitan, hadis no: 4077]

Mereka adalah manusia

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى : " يَا آدَمُ ، فَيَقُولُ : لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ وَالْخَيْرُ فِي يَدَيْكَ ، فَيَقُولُ : أَخْرِجْ بَعْثَ النَّارِ ، قَالَ : وَمَا بَعْثُ النَّارِ ، قَالَ : مِنْ كُلِّ أَلْفٍ تِسْعَ مِائَةٍ وَتِسْعَةً وَتِسْعِينَ فَعِنْدَهُ يَشِيبُ الصَّغِيرُ وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتِ حَمْلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى النَّاسَ سُكَارَى وَمَا هُمْ بِسُكَارَى وَلَكِنَّ عَذَابَ اللَّهِ شَدِيدٌ ، قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ وَأَيُّنَا ذَلِكَ الْوَاحِدُ ، قَالَ : " أَبْشِرُوا فَإِنَّ مِنْكُمْ رَجُلًا وَمِنْ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ أَلْفًا

Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Allah Ta'ala berfirman: Wahai Adam!' Adam menjawab: Aku menjawab panggilan Mu, segala kebaikan ada di kedua tangan Mu. Lalu Allah berfirman: Keluarkanlah rombongan penghuni Neraka. Dia bertanya: Berapakah jumlah rombongan penghuni Neraka?. Allah menjawab: Untuk setiap seribu orang ada sembilan ratus sembilan puluh sembilan. Saat itu rambut anak kecil mendadak beruban, setiap orang yang hamil keguguran kandungannya, dan engkau lihat manusia mabuk padahal mereka tidak mabuk, melainkan azab Allah sangat pedih. Para Sahabat bertanya: Ya Allah, Siapakah di antara kami yang termasuk satu orang itu? Nabi menjawab: Bergembiralah, sesungguhnya satu orang daripada kalian dan seribu orang itu daripada Ya'juj dan Ma'juj.

[Sahih al-Bukhari, Kitab Ahadis al-Anbiya', hadis no: 3121]

Mereka berusaha mengorek lubang pada dinding yang dibina Zulkarnain

عَنْ أَبِي رَافِعٍ ، مِنْ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي السَّدِّ ، قَالَ : " يَحْفِرُونَهُ كُلَّ يَوْمٍ حَتَّى إِذَا كَادُوا يَخْرِقُونَهُ ، قَالَ الَّذِي عَلَيْهِمْ : ارْجِعُوا فَسَتَخْرِقُونَهُ غَدًا ، فَيُعِيدُهُ اللَّهُ كَأَمْثَلِ مَا كَانَ حَتَّى إِذَا بَلَغَ مُدَّتَهُمْ ، وَأَرَادَ اللَّهُ أَنْ يَبْعَثَهُمْ عَلَى النَّاسِ ، قَالَ الَّذِي عَلَيْهِمْ : ارْجِعُوا فَسَتَخْرِقُونَهُ غَدًا إِنْ شَاءَ اللَّهُ وَاسْتَثْنَى ، قَالَ : فَيَرْجِعُونَ فَيَجِدُونَهُ كَهَيْئَتِهِ حِينَ تَرَكُوهُ فَيَخْرِقُونَهُ فَيَخْرُجُونَ عَلَى النَّاسِ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Mereka membuat lubang setiap hari, hingga ketika mereka hampir sahaja selesai membuat lubang itu, maka pemimpin di antara mereka berkata: Kembalilah, esok hari kalian akan melubanginya. Baginda berkata: Lalu Allah mengembalikannya dinding itu seperti asalnya sehinggalah tiba waktunya, dan Allah mahu mengutus mereka kepada manusia, maka orang yang memimpin mereka berkata: Kembalilah, esok hari insya Allah (dengan izin Allah) kalian akan melubanginya. Dia mengucapkan lafaz Istisna (insya Allah). Nabi bersabda: Lalu mereka kembali sementara penutup tersebut tetap dalam keadaan ketika mereka tinggalkan, akhirnya mereka dapat melubanginya dan keluar ke tengah-tengah manusia [Sunan at-Tirmizi, Kitab Tafsir al-Quran, hadis no: 3097]

Terbitnya matahari dari barat

حَدَّثَنَا أَبُو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا ، فَإِذَا رَآهَا النَّاسُ آمَنَ مَنْ عَلَيْهَا ، فَذَاكَ حِينَ لَا يَنْفَعُ نَفْسًا إِيمَانُهَا ، لَمْ تَكُنْ آمَنَتْ مِنْ قَبْلُ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tidak akan berlaku kiamat sehingga matahari terbit dari barat. Apabila manusia melihatnya mereka semua akan beriman. Akan tetapi ketika itu iman seseorang tidak lagi berguna jika sebelum itu mereka tidak beriman. [Sahih al-Bukhari, Kitab Tafsir al-Quran, hadis no: 4294]

Keluarnya Haiwan

وَإِذَا وَقَعَ الْقَوْلُ عَلَيْهِمْ أَخْرَجْنَا لَهُمْ دَابَّةً مِّنَ الْأَرْضِ تُكَلِّمُهُمْ أَنَّ النَّاسَ كَانُوا بِآيَاتِنَا لَا يُوقِنُونَ) [النمل: 82]

Dan apabila apa yang dikatakan telah berlaku ke atas mereka, Kami keluarkan sejenis binatang melata dari bumi yang akan mengatakan kepada mereka, bahawa sesungguhnya manusia dahulu tidak yakin kepada ayat-ayat Kami [An-Naml:82]

Al-Imam Ibn Kathir menyatakan:

هذه الدابة تخرج في آخر الزمان عند فساد الناس وتَرْكِهم أوامر الله وتبديلهم الدين الحق، يخرج الله لهم دابة من الأرض

Haiwan ini akan keluar pada akhir zaman ketika manusia telah rosak, mereka meninggalkan suruhan Allah, dan menukarkan agama yang benar (dengan yang salah). Lalu Allah mengeluarkan untuk mereka haiwan dari muka bumi.[31]

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ , يَرْفَعُهُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " تَخْرُجُ الدَّابَّةُ فَتَسِمُ النَّاسَ عَلَى خَرَاطِيمِهِمْ , ثُمَّ يَغْمُرُونَ فِيكُمْ حَتَّى يَشْتَرِيَ الرَّجُلُ الْبَعِيرَ , فَيَقُولُ : مِمَّنْ اشْتَرَيْتَهُ ؟ فَيَقُولُ : اشْتَرَيْتُهُ مِنْ أَحَدِ الْمُخَطَّمِينَ

Abu Umamah al-Bahili meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Akan keluar Ad Daabbah lalu menulis pada muka (orang kafir) dan ia akan bertebaran ke seluruh muka bumi, sehingga apabila ada seseorang membeli unta kemudian ditanyakan kepada orang itu daripada siapa dia membeli unta tersebut, maka dia berkata : Daripada salah seorang yang bertanda di mukanya. [Musnad Ahmad, Hadis Abu Umamah, hadis no: 21720, Shaikh al-Arnaouth berkata: Isnadnya sahih]

[31] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 6, m/s 210

Nama-Nama Hari Kiamat

As-Sa'ah (Masa)

إِنَّ السَّاعَةَ لَآتِيَةٌ لَا رَيْبَ فِيهَا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿59﴾

Sesungguhnya hari kiamat itu akan datang tanpa sebarang keraguan padanya. Akan tetapi kebanyakan manusia tidak beriman. [Ghafir : 59]

Yaum al-Ba's (Hari Kebangkitan)

فَهَذَا يَوْمُ الْبَعْثِ وَلَكِنَّكُمْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿56﴾

Inilah hari kebangkitan. Akan tetapi kalian tidak mengetahui. [Ar-Rum:56]

Yaumud Din (Hari Pembalasan)

مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿4﴾

Yang menguasai hari pembalasan [Al-Fatihah : 4]

Yaumul Hasrah (Hari Penyesalan)

وَأَنْذِرْهُمْ يَوْمَ الْحَسْرَةِ إِذْ قُضِيَ الْأَمْرُ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ وَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿39﴾

Dan berilah mereka peringatan tentang hari penyesalan, [yaitu] ketika segala perkara telah diputus. Dan mereka dalam kelalaian dan mereka tidak [pula] beriman. [Maryam : 39]

Ad-Dar Al-Akhirah (Negeri Akhirat)

وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهْوٌ وَلَعِبٌ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿64﴾

Dan tiadalah kehidupan dunia ini melainkan senda gurau dan main-main. Dan sesungguhnya akhirat itulah yang sebenarnya kehidupan, kalau mereka mengetahui. [Al-Ankabut : 64]

Yaum at-Tanad (Hari Saling Memanggil)

وَيَا قَوْمِ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ يَوْمَ التَّنَادِ ﴿32﴾

Hai kaumku, sesungguhnya aku khawatir terhadapmu akan siksaan hari panggil memanggil (32)

Dar al-Qarar (Negeri yang kekal)

يَا قَوْمِ إِنَّمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَإِنَّ الْآخِرَةَ هِيَ دَارُ الْقَرَارِ ﴿39﴾

Hai kaumku, sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan [sementara] dan sesungguhnya akhirat itulah negeri yang kekal. [Ghafir : 39]

Yaum al-Fasl (Hari Keputusan)

هَذَا يَوْمُ الْفَصْلِ الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تُكَذِّبُونَ ﴿21﴾

Inilah hari keputusan yang kalian dustakan [As-Shaffat : 21]

Yaum al-Jam' (Hari berkumpul)

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِتُنْذِرَ أُمَّ الْقُرَى وَمَنْ حَوْلَهَا وَتُنْذِرَ يَوْمَ الْجَمْعِ لَا رَيْبَ فِيهِ فَرِيقٌ فِي الْجَنَّةِ وَفَرِيقٌ فِي السَّعِيرِ (7)

Demikianlah Kami wahyukan kepadamu Al Qur'an dalam bahasa Arab supaya kamu memberi peringatan kepada Ummul Qura dan penduduk [negeri-negeri] sekelilingnya serta memberi peringatan [pula] tentang hari berkumpul [kiamat] yang tidak ada keraguan padanya. Segolongan masuk syurga dan segolongan masuk neraka. [Asy-Syura : 7]

Yaum al-Hisab (Hari perhitungan)

هَذَا مَا تُوعَدُونَ لِيَوْمِ الْحِسَابِ (53)

Inilah apa yang dijanjikan untuk hari perhitungan [Shad : 53]

Yaum al-Wa'id (Hari Ancaman)

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ ذَلِكَ يَوْمُ الْوَعِيدِ (20)

Dan ditiuplah sangkakala. Itulah hari terlaksananya ancaman. [Qaf : 20]

Yaum al-Khulud (Hari yang kekal)

ادْخُلُوهَا بِسَلَامٍ ذَلِكَ يَوْمُ الْخُلُودِ (34)

masuklah syurga itu dengan aman, itulah hari yang kekal. [Qaf : 34]

Yaum al-Khuruj (Hari keluar)

يَوْمَ يَسْمَعُونَ الصَّيْحَةَ بِالْحَقِّ ذَلِكَ يَوْمُ الْخُرُوجِ (42)

Pada hari mereka mendengar teriakan dengan sebenar-benarnya, itulah hari keluar [dari kubur]. [Qaf :42]

Al-Waqiah (Hari yang akan terjadi)

إِذَا وَقَعَتِ الْوَاقِعَةُ (1)

Apabila terjadinya hari kiamat [Al-Waqi'ah : 1]

Al-Haqqah (Hari yang pasti terjadi)

الْحَاقَّةُ (1) مَا الْحَاقَّةُ (2) وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْحَاقَّةُ (3)

Hari kiamat? Apakah itu hari kiamat? Apakah yang kamu tahu tentang hari kiamat? [Al-Haqqah :1-3]

At-Thommah Al-Kubra (Malapetaka yang besar)

فَإِذَا جَاءَتِ الطَّامَّةُ الْكُبْرَى (34)

Apabila datangnya malapetaka yang besar [an-Naziaat:34]

As-Sokhoh (Hari bunyi yang membingitkan)

فَإِذَا جَاءَتِ الصَّاخَّةُ (33)

Apabila datangnya hari yang membingitkan [‘Abasa : 33]

Al-Azifah (Hari yang semakin dekat)

أَزِفَتِ الْآزِفَةُ (57)

Telah mendekatlah hari kiamat [An-Najm : 57]

Al-Qari’ah (Hari yang menggoncang hati)

الْقَارِعَةُ (1) مَا الْقَارِعَةُ (2) وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْقَارِعَةُ (3)

Hari kiamat. Apakah hari kiamat? Apakah yang kamu tahu tentang hari kiamat? [al-Qari’ah : 1-3]

Kebangkitan dari kubur

Firman Allah Ta'ala [al-Haj 22:5-7]:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُضْغَةٍ مُخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لِنُبَيِّنَ لَكُمْ وَنُقِرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَنْ يُتَوَفَّى وَمِنْكُمْ مَنْ يُرَدُّ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنْ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ (5)ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّهُ يُحْيِي الْمَوْتَى وَأَنَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (6) وَأَنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ لَا رَيْبَ فِيهَا وَأَنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ مَنْ فِي الْقُبُورِ (7)

Hai manusia, jika kamu dalam keraguan tentang kebangkitan (dari kubur), maka (ketahuilah) sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setitis mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna, agar Kami jelaskan kepada kamu dan Kami tetapkan dalam rahim, apa yang Kami kehendaki sampai waktu yang sudah ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu sebgai bayi, kemudian (dengan beransur-ansur) kamu sampailah kepada kedewasaan, dan di antara kamu ada yang diwafatkan dan (ada pula) di antara kamu yang dipanjangkan umurnya sampai pikun (sangat tua), supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatupun yang dahulunya telah diketahuinya. Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila telah Kami turunkan air di atasnya, hiduplah bumi itu dan suburlah dan menumbuhkan berbagai macam tumbuh-tumbuhan yang indah. (5) Yang demikian

itu, kerana sesungguhnya Allah, Dialah yang hak dan sesungguhnya Dialah yang menghidupkan segala yang mati dan sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. (6)Dan sesungguhnya hari kiamat itu pastilah datang, tiada keraguan padanya, dan bahawasanya Allah membangkitkan semua orang di dalam kubur.

Firman Allah Ta'ala (al-Ruum 30:27):

وَهُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ وَلَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَى فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ (27)

Maksudnya: Dan Dialah yang menciptakan (manusia) dari permulaan, kemudian mengembalikan (menghidupkan)nya kembali, dan menghidupkan kembali itu adalah lebih mudah bagiNya.

Firman Allah Ta'ala (Yaasiin 36:77-83):

أَوَلَمْ يَرَ الْإِنْسَانُ أَنَّا خَلَقْنَاهُ مِنْ نُطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ مُبِينٌ (77) وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ خَلْقَهُ قَالَ مَنْ يُحْيِي
الْعِظَامَ وَهِيَ رَمِيمٌ (78) قُلْ يُحْيِيهَا الَّذِي أَنْشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ (79) الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ مِنَ
الشَّجَرِ الْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَا أَنْتُمْ مِنْهُ تُوقِدُونَ (80) أَوَلَيْسَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِقَادِرٍ عَلَى أَنْ يَخْلُقَ
مِثْلَهُمْ بَلَى وَهُوَ الْخَلَّاقُ الْعَلِيمُ (81) إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ (82) فَسُبْحَانَ الَّذِي بِيَدِهِ
مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ (83)

Maksudnya: Dan apakah manusia tidak memperhatikan bahawa Kami menciptakannya dari setitik air, maka tiba-tiba ia menjadi penentang yang nyata! (77) Dan dia membuat perumpamaan bagi Kami; dan dia lupa kepada kejadiannya; ia berkata, "Siapakah yang dapat menghidupkan tulang belulang yang telah hancur luluh?" (78) Katakanlah, "Ia akan dihidupkan oleh Tuhan yang menciptakannya kali yang pertama. Dan Dia Maha Mengetahui tentang segala makhluk, iaitu Tuhan yang menjadikan untukmu api dari kayu yang hijau, maka tiba-tiba kamu nyalakan (api) dari kayu itu." (79) Dan tidakkah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi itu berkuasa menciptakan kembali jasad-jasad mereka yang sudah hancur itu? Benar. Dia berkuasa. Dan Dialah Maha Pencipta lagi Maha Mengetahui. (80) Sesungguhnya perintahNya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya, "Jadilah" maka terjadilah ia. (81) Maha Suci Allah yang di tanganNya kekuasaan atas segala sesuatu dan kepadaNyalah kamu dikembalikan.

Hukum menolak hari kebangkitan

Manusia yang menolak hari kebangkitan adalah manusia yang kafir dan terkeluar daripada Islam.

Firman Allah Ta'ala (al-Ra'd 13:5):

وَإِنْ تَعْجَبْ فَعَجَبٌ قَوْلُهُمْ أَإِذَا كُنَّا تُرَابًا أَإِنَّا لَفِي خَلْقٍ جَدِيدٍ أُولَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ الْأَغْلَالُ فِي أَعْنَاقِهِمْ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (5)

Maksudnya: Dan jika (ada sesuatu) yang kamu hairankan, maka yang patut menghairankan ialah ucapan mereka, “Apabila kami telah menjadi tanah, apakah kami sesungguhnya akan (dikembalikan) menjadi makhluk yang baru?” Orang-orang itulah yang kafir kepada Tuhan mereka, dan orang-orang itulah (yang dilekatkan) belenggu di lehernya; mereka itulah punghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.

Firman Allah Ta'ala (al-Taghaabun 64:7):

زَعَمَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنْ لَنْ يُبْعَثُوا قُلْ بَلَى وَرَبِّي لَتُبْعَثُنَّ ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلْتُمْ وَذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ (7)

Maksudnya: Orang-orang kafir mengatakan bahawa mereka sekali-kali tidak akan dibangkitkan. Katakanlah, “Tidak demikian, demi Tuhanku, benar-benar kamu akan dibangkitkan, kemudian akan diberitakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan.” Yang demikian itu adalah mudah bagi Allah.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " قَالَ اللَّهُ : كَذَّبَنِي ابْنُ آدَمَ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ ذَلِكَ ، وَشَتَمَنِي وَلَمْ يَكُنْ لَهُ ذَلِكَ ، فَأَمَّا تَكْذِيبُهُ إِيَّايَ فَقَوْلُهُ لَنْ يُعِيدَنِي كَمَا بَدَأَنِي ، وَلَيْسَ أَوَّلُ الْخَلْقِ بِأَهْوَنَ عَلَيَّ مِنْ إِعَادَتِهِ ، وَأَمَّا شَتْمُهُ إِيَّايَ فَقَوْلُهُ اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا ، وَأَنَا الْأَحَدُ الصَّمَدُ لَمْ أَلِدْ ، وَلَمْ أُولَدْ ، وَلَمْ يَكُنْ لِي كُفْئًا أَحَدٌ

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Allah telah berfirman: {Anak Adam telah mendustaiKu sedangkan dia tidak sepatutnya berbuat demikian. Dia mencaciKu sedangkan dia tidak sepatutnya berbuat demikian. Adapun pendustaannya terhadapKu ialah kata-katanya bahawa 'Dia tidak akan mengembalikanku sebagaimana Dia memulakanku' sedangkan permulaan ciptaan tidak lebih mudah bagiku daripada mengembalikannya semula. Adapun caciannya terhadapKu ialah kata-katanya bahawa 'Allah mengambil anak' sedangkan Aku adalah Yang Tunggal, Tempat bergantungnya makhluk, Aku tidak pernah beranak dan tidak pula diperanakkan, dan tiada satupun yang setanding denganKu}. [Sahih al-Bukhari, Kitab Tafsir al-Quran, hadis no: 4617]

Tiupan Sangkakala

Firman Allah Ta'ala (al-Zumar 39:68):

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَصَعِقَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخْرَى فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنْظُرُونَ (68)

Maksudnya: Dan ditiuplah sangkakala, maka matilah siapa yang di langit dan di bumi kecuali siapa yang dikehendaki Allah. Kemudian ditiup sangkakala itu sekali lagi maka tiba-tiba mereka berdiri menunggu (keputusan masing-masing.)

Ayat ini menyatakan dua tiupan, pertama untuk kematian dan kedua untuk kebangkitan semula.

Perhimpunan (Al-Hasyr)

Terdapat banyak ayat yang menjelaskan sifatnya.

Sendiri-sendiri

Antaranya ialah firman Allah Ta'ala (al-An'aam 6:94):

وَلَقَدْ جِئْتُمُونَا فُرَادَى كَمَا خَلَقْنَاكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَتَرَكْتُمْ مَا خَوَّلْنَاكُمْ وَرَاءَ ظُهُورِكُمْ وَمَا نَرَى مَعَكُمْ شُفَعَاءَكُمُ الَّذِينَ زَعَمْتُمْ أَنَّهُمْ فِيكُمْ شُرَكَاءُ لَقَدْ تَقَطَّعَ بَيْنَكُمْ وَضَلَّ عَنْكُمْ مَا كُنْتُمْ تَزْعُمُونَ (94)

Maksudnya: Dan sesungguhnya kamu datang kepada Kami sendiri-sendiri sebagaimana Kami ciptakan kamu pada mulanya, dan kamu tinggalkan di belakangmu (di dunia) apa yang telah Kami kurniakan kepadamu; dan Kami tiada melihat besertamu pemberi syafa'at yang kamu anggap bahawa mereka itu sekutu-sekutu Tuhan di antara kamu. Sungguh telah terputuslah (pertalian) antara kamu dan telah lenyap daripada kamu apa yang dahulu kamu anggap (sebgai sekutu Allah).

Kesemua manusia dikumpulkan

Firman Allah Ta'ala (al-Kahf 18:47):

وَيَوْمَ نُسَيِّرُ الْجِبَالَ وَتَرَى الْأَرْضَ بَارِزَةً وَحَشَرْنَاهُمْ فَلَمْ نُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا (47)

Maksudnya: Dan Kami kumpulkan seluruh manusia, dan tidak Kami tinggalkan seorangpun daripada mereka.

Tiga golongan

Firman Allah Ta'ala (al-Waaqi'ah 56:7-10):

وَكُنْتُمْ أَزْوَاجًا ثَلَاثَةً (7) فَأَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ مَا أَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ (8) وَأَصْحَابُ الْمَشْأَمَةِ مَا أَصْحَابُ الْمَشْأَمَةِ (9) وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ (10)

Maksudnya: Dan kamu menjadi tiga golongan, iaitu golongan kanan. Alangkah mulianya golongan kanan itu. Dan golongan kiri. Alangkah sengsaranya golongan kiri itu. Dan orang-orang yang paling dahulu beriman, merekalah yang paling dulu (masuk syurga).

Diseret di atas muka

Firman Allah Ta'ala (al-Israa' 17:97):

وَمَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضْلِلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُمْ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِهِ وَنَحْشُرُهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى وُجُوهِهِمْ عُمْيًا وَبُكْمًا وَصُمًّا مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ كُلَّمَا خَبَتْ زِدْنَاهُمْ سَعِيرًا (97)

Maksudnya: Dan barangsiapa yang ditunjuki Allah, dialah yang mendapat petunjuk an barangsiapa yang Dia sesatkan maka sekali-kali kamu tidak akan mendapat penolong-penolong bagi mereka selain dari Dia. Dan Kami akan mengumpulkan mereka pada hari kiamat (diseret) atas muka mereka dalam keadaan buta, bisu dan pekak. Tempat kediaman mereka adalah neraka

Jahannam. Tiap-tiap kali nyala api Jahannam itu akan padam, Kami tambah lagi bagi mereka nyalanya.

حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، أَنَّ رَجُلًا ، قَالَ : يَا نَبِيَّ اللَّهِ ، يُحْشَرُ الْكَافِرُ عَلَى وَجْهِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، قَالَ : " أَلَيْسَ الَّذِي أَمْشَاهُ عَلَى الرِّجْلَيْنِ فِي الدُّنْيَا قَادِرًا عَلَى أَنْ يُمْشِيَهُ عَلَى وَجْهِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ " ، قَالَ قَتَادَةُ : بَلَى ، وَعِزَّةِ رَبِّنَا .

Anas bin Malik meriwayatkan bahawa seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam: Wahai Nabi Allah, bagaimanakah orang kafir dikumpul di atas wajahnya?' Jawab Baginda: Bukankah Tuhan Yang menjalankannya di atas dua kakinya di dunia berkuasa untuk menjalankannya di atas wajahnya pada hari Qiamat? [Sahih al-Bukhari, Kitab Tafsir al-Quran, hadis no: 4413]

Dalam keadaan bertelanjang

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِنَّكُمْ مَحْشُورُونَ حُفَاةً عُرَاةً غُرْلًا ، ثُمَّ قَرَأَ كَمَا بَدَأْنَا أَوَّلَ خَلْقٍ نُعِيدُهُ وَعْدًا عَلَيْنَا إِنَّا كُنَّا فَاعِلِينَ سورة الأنبياء آية 104 وَأَوَّلُ مَنْ يُكْسَى يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِبْرَاهِيمُ ،

Ibn ‘Abbas radiallahu ‘anhum meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya kamu semua akan dikumpulkan tanpa kasut, telanjang dan tidak bersunat, Kemudian baginda membaca:{Sebagaimana kami mulakan kejadian pertama, akan kami ulanginya semula (Al-Anbiya’ : 104) }. Sesungguhnya makhluk pertama diberi pakaian ialah Ibrahim. [Sahih al-Bukhari, Kitab Ahadis al-Anbiya, hadis no: 3122]

حَدَّثَنِي الْقَاسِمُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ أَبِي بَكْرٍ ، أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " تُحْشَرُونَ حُفَاةً عُرَاةً غُرْلًا " ، قَالَتْ عَائِشَةُ : فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ : الرِّجَالُ وَالنِّسَاءُ يَنْظُرُ بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ ، فَقَالَ : " الْأَمْرُ أَشَدُّ مِنْ أَنْ يُهِمَّهُمْ ذَاكِ. "

'Aisyah radiallahu ‘anha bertanya: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya kamu semua akan dikumpulkan tanpa kasut, telanjang dan tidak bersunat. Aku bertanya: Wahai Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam., lelaki dan perempuan melihat antara satu sama lain?' Jawab Baginda "Keadaan ketika itu amat dahsyat sehinggakan mereka tidak terfikir langsung tentang perkara itu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Riqaq, hadis no: 6073]

Al-Mauqif (Berhenti di Padang Mahsyar)

Selepas dikumpulkan, manusia akan berhenti menanti di padang Mahsyar.

Firman Allah Ta'ala (al-Naba' 78:38):

يَوْمَ يَقُومُ الرُّوحُ وَالْمَلَائِكَةُ صَفًّا لَا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَقَالَ صَوَابًا (38)

Maksudnya: Pada hari ketika ruh dan paramalaikat berdidi bershaf-shaf mereka tidak berkata-kata, kecuali siapa yang telah diberi izin kepadanya oleh Tuhan Yang Maha Pemurah; dan ia mengucapkan kata yang benar.

قَالَ الزَّمَخْشَرِيُّ : لِشِدَّةِ هَوْلِ الْمَوْقِفِ ، وَهَؤُلَاءِ وَهُمْ أَكْرَمُ الْخَلْقِ عَلَى اللَّهِ وَأَقْرَبُهُمْ إِلَى اللَّهِ ، لَا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ ، فَغَيْرُهُمْ مِنَ الْخَلْقِ مِنْ بَابٍ أَوْلَى.

Imam al-Zamakhsyari berkata: Disebabkan kesukaran ketika menunggu (di padang Mahsyar). Mereka (iaitu malaikat) adalah semulia-mulia makhluk dan paling dekat kepada Allah. Ketika itu mereka tidak akan bercakap-cakap melainkan sesiapa yang Allah izinkan. Maka makhluk-makhluk lain pastilah lebih utama untuk tidak bercakap-cakap.[32]

Firman Allah Ta'ala (al-Ma'aarij 70:4):

تَعْرُجُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ إِلَيْهِ فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ (4)

Maksudnya: Malaikat dan Jibril naik kepadanya pada hari yang kadarnya 50 ribu tahun.

Sebahagian ulama tafsir menyatakan inilah kadar tempoh masa di akhirat kelak. Ketika itu manusia akan berpeluh-peluh.

عَنْ ابْنِ عُمَرَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ سورة المطففين آية 6 ، قَالَ : " يَقُومُ أَحَدُهُمْ فِي رَشْحِهِ إِلَى أَنْصَافِ أُذُنَيْهِ

Ibn ‘Umar radiallahu ‘anhuma meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam tentang ayat: Hari di mana manusia berdiri untuk bertemu tuhan sekalian alam (Al-Muthoffifin:6). Baginda bersabda: Berdiri salah seorang daripada mereka di dalam peluhnya yang sampai kepada dua telinganya. [Sahih Muslim, Kitab al-Jannah, hadis no: 5110]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " يَعْرَقُ النَّاسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يَذْهَبَ عَرَقُهُمْ فِي الْأَرْضِ سَبْعِينَ ذِرَاعًا ، وَيُلْجِمُهُمْ حَتَّى يَبْلُغَ آذَانَهُمْ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Manusia akan berpeluh pada hari Qiamat sehinggakan peluh mereka akan meresap ke dalam tanah sedalam 70 hasta. Peluh mereka akan menenggelami mereka sehinggakan ke telinga-telinga mereka. [Sahih al-Bukhari, Kita bar-Riqaq, hadis no: 6078]

[32] Adhwa’ al-Bayan, jilid 8, m/s 413

Pembentangan (Ardh) dan Perhitungan (Hisab)

Firman Allah Ta'ala (al-Haaqqah 69:18):

يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُونَ لَا تَخْفَى مِنْكُمْ خَافِيَةٌ (18)

Maksudnya: Pada hari itu kamu dihadapkan kepada Tuhanmu, tiada sesuatupun dari keadaanmu yang tersembunyi bagi Allah.

Firman Allah Ta'ala (al-Zalzalah 99:6-8):

يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِيُرَوْا أَعْمَالَهُمْ (6) فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ (7) وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ (8)

Maksudnya: Pada hari itu manusia keluar dari kuburnya dalam keadaan yang bermacam-macam, supaya diperlihatkan kepada mereka (balasan) pekerjaan mereka. Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan seberat zarahpun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya.

Sesungguhnya apabila amalan-amalan kita dipersoalkan ketika dihisab, maka ia petanda kita akan diazab.

عَنْ عَائِشَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَنْ نُوقِشَ الْحِسَابَ عُذِّبَ " ، قَالَتْ : قُلْتُ : أَلَيْسَ يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى : فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا سورة الانشقاق آية 8 قَالَ : " ذَلِكِ الْعَرْضُ

‘Aisyah radiallahu ‘anha meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang dipersoalkan dalam penghitungan akan diazab." 'Aisyah bertanya 'Bukankah Allah telah berfirman (al-Insyiqaaq 84:8): Maka dia akan dihitung dengan perhitungan yang mudah. Jawab Baginda: "Itu ialah 'ardh (pembentangan). [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Riqaq, hadis no: 6082]

Ketika pembentangan, orang kafir akan dipersoalkan tindakan-tindakan mereka.

حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ : " يُجَاءُ بِالْكَافِرِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، فَيُقَالُ لَهُ : أَرَأَيْتَ لَوْ كَانَ لَكَ مِلْءُ الْأَرْضِ ذَهَبًا أَكُنْتَ تَفْتَدِي بِهِ ، فَيَقُولُ : نَعَمْ ، فَيُقَالُ لَهُ : قَدْ كُنْتَ سُئِلْتَ مَا هُوَ أَيْسَرُ مِنْ ذَلِكَ

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Dibawa orang kafir pada hari Qiamat dan ditanyakan kepadanya, "Adakah sekiranya kamu mempunyai emas sebanyak satu bumi, kamu akan menebusnnya?" Dia menjawab, 'Ya.' Dikatakan pula kepadanya, "Sesungguhnya perkara yang diminta daripada kamu dahulu adalah lebih mudah daripada itu" dalam riwayat lain "Sesungguhnya Aku telah minta daripada kamu apa yang lebih mudah daripada itu sejak kamu berada di dalam sulbi Adam lagi iaitu supaya kamu tidak mempersekutukan Aku, tetapi kamu tetap berdegil ingin mempersekutukan." [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Riqaq, hadis no: 6084]

عَنْ عَدِيِّ بْنِ حَاتِمٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَا مِنْكُمْ أَحَدٌ إِلَّا سَيُكَلِّمُهُ رَبُّهُ لَيْسَ بَيْنَهُ وَبَيْنَهُ تُرْجُمَانٌ ، فَيَنْظُرُ أَيْمَنَ مِنْهُ فَلَا يَرَى إِلَّا مَا قَدَّمَ مِنْ عَمَلِهِ ، وَيَنْظُرُ أَشْأَمَ مِنْهُ فَلَا يَرَى إِلَّا مَا قَدَّمَ ، وَيَنْظُرُ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلَا يَرَى إِلَّا النَّارَ تِلْقَاءَ وَجْهِهِ ، فَاتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ

‘Adiy bin Hatim radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tiada seorang daripada kamu kecuali akan Allah akan berkata-kata dengannya tanpa sebarang penterjemah. Dia akan melihat di kanannya dan hanya dapat melihat amalan yang telah dilakukannya. Dia melihat di kirinya dan hanya dapat melihat amalan yang telah dilakukannya. Dia melihat di hadapannya dan hanya dapat melihat Neraka. Maka hendaklah kamu semua bertaqwa walaupun dengan memberi sebahagian buah kurma atau dengan kata-kata yang mulia. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tauhid, hadis no: 6981]

أَنَّ رَجُلاً، سَأَلَ ابْنَ عُمَرَ كَيْفَ سَمِعْتَ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ فِي النَّجْوَى قَالَ " يَدْنُو أَحَدُكُمْ مِنْ رَبِّهِ حَتَّى يَضَعَ كَنَفَهُ عَلَيْهِ فَيَقُولُ عَمِلْتَ كَذَا وَكَذَا. فَيَقُولُ نَعَمْ. وَيَقُولُ عَمِلْتَ كَذَا وَكَذَا. فَيَقُولُ نَعَمْ. فَيُقَرِّرُهُ ثُمَّ يَقُولُ إِنِّي سَتَرْتُ عَلَيْكَ فِي الدُّنْيَا، فَأَنَا أَغْفِرُهَا لَكَ الْيَوْمَ

Seorang lelaki bertanya kepada Ibn ‘Umar radiallahu ‘anhuma: Apa yang engkau dengar daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam tentang perbualan rahsia (antara seorang hamba dan Tuhan di akhirat). Beliau menjawab: Seseorang daripada kamu akan mendekati Tuhannya sehinggalah Tuhan meletakkan tepiNya/bayanganNya di atasnya seraya berkata "Kamu telah lakukan begini dan begini?" Dia akan menjawab, 'Ya.' Allah berkata lagi "Kamu telah lakukan begini dan begini?" Dia menjawab, 'Ya.' Allah menjadikannya mengaku, kemudian Allah berkata, "Sesungguhnya aku telah sembunyikannya atas kamu di dunia dan Aku ampunkannya untuk kamu hari ini." [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, hadis no: 6070]

Buku Catatan Amalan

Firman Allah Ta'ala (al-Takwiir 81:10):

وَإِذَا الصُّحُفُ نُشِرَتْ (10)

Maksudnya: Dan apabila catatan-catatan (amal perbuatan manusia) dibuka.

Tiada apa yang terlepas daripada catatan

Firman Allah Ta'ala (al-Kahf 18:49):

وَوُضِعَ الْكِتَابُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَا وَيْلَتَنَا مَالِ هَذَا الْكِتَابِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا (49)

Maksudnya: Dan diletakkan kitab lalu kamu akan melihat orang-orang yang bersalah ketakutan terhadap apa yang tertulis di dalamnya, dan mereka berkata "Aduhai celakalah kami, kitab apakah ini yang idak meninggalkan yang kecil dan tidak pula yang besar, melainkan ia mencatat semuanya; dan mereka dapati apa yang telah mereka kerjakan ada (tertulis). Dan Tuhanmu tidak menganiaya seorang jua pun.

Menerima dengan tangan kanan atau dengan tangan kiri

فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ فَيَقُولُ هَاؤُمُ اقْرَءُوا كِتَابِيَهْ (19)

Adapun orang-orang yang diberikan kepadanya kitabnya dari sebelah kanannya, maka dia berkata "Ambillah, bacalah kitabku ini. [Al-Haqqah:19]

وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِشِمَالِهِ فَيَقُولُ يَا لَيْتَنِي لَمْ أُوتَ كِتَابِيَهْ (25)

Adapun yang diberikan kitab pada tangan kiri akan berkata: Alangkah eloknya jika tidak diberikan kitab ini. [Al-Haqqah:25]

Al-Imam Ibn Kathir menyatakan:

خبر تعالى عن سعادة من أوتى كتابه يوم القيامة بيمينه، وفرحه بذلك، وأنه من شدة فرحه يقول لكل من لقيه: { هَاؤُمُ اقْرَءُوا كِتَابِيَهْ } أي: خذوا اقرؤوا كتابيه؛ لأنه يعلم أن الذي فيه خير وحسنات محضة؛ لأنه ممن بَدل الله سيئاته حسنات.

Allah menceritakan tentang kebahagiaan dan kegembiraan mereka yang diberikan kitab pada hari kiamat di tangan kanannya. Ia merupakan kegembiraan yang teramat sangat. Dia akan berkata kepada semua orang yang ditemuinya (Bacalah kitab ku ini) : Ambillah dan bacalah kitab ini. Ini kerana dia tahu di dalamnya terdapat catatan kebaikan kerana Allah telah menukarkan dosa-dosanya dengan kebaikan.[33]

Berkaitan yang menerima dengan tangan kiri pula, Al-Imam Ibn Kathir menerangkan:

وهذا إخبار عن حال الأشقياء إذا أعطي أحدهم كتابه في العَرَصات بشماله، فحينئذ يندم غاية الندم

Ini menceritakan tentang tekanan yang dihadapi seseorang apabila diberikan kitab pada tangan kirinya, ketika itu dia akan menyesal teramat sangat.[34]

Bagaimana pula dengan ayat menyatakan menerima kitab dari belakang?

وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ وَرَاءَ ظَهْرِهِ (10)

Adapun orang yang diberikan kitabnya dari belakang. [Al-Insyiqaq :10]

[33] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 8, m/s 213
[34] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 8, m/s 215

Al-Imam Ibn Jarir at-Thabari menyatakan:

وأما من أعطي كتابه منكم أيها الناس يومئذ وراء ظهره، وذلك أن جعل يده اليمنى إلى عنقه وجعل الشمال من يديه وراء ظهره، فيتناول كتابه بشماله من وراء ظهره، ولذلك وصفهم جلَّ ثناؤه أحيانًا أنهم يؤتون كتبهم بشمائلهم، وأحيانًا أنهم يؤتونها من وراء ظهورهم.

Adapun sesiapa di kalangan kalian wahai manusia yang diberikan kitabnya pada hari itu dari arah belakangnya kerana dia meletakkan tangan kanannya di lehernya, dan meletakkan tangan kirinya di belakang badannya. Lalu kitab catatan itu akan diberikan pada tangan kirinya yang ada di belakangnya. Oleh kerana itu kadang kala Allah menyatakan mereka akan diberikan kitab pada tangan kiri, dan adakalanya mereka akan diberikan kitab dari arah belakang.[35]

Al-Mizan (Timbangan)

Timbangan yang adil

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَى بِنَا حَاسِبِينَ (47)

Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari kiamat, maka tiadalah dirugikan seseorang barang sedikitpun. Dan jika amalan itu hanya seberat biji sallallahu ‘alaihi wasallamipun pasti Kami mendatangkan pahalanya. Dan cukuplah Kami sebgai Pembuat perhitungan. [Al-Anbiya’ :47]

وَالْوَزْنُ يَوْمَئِذٍ الْحَقُّ فَمَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (8) وَمَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنْفُسَهُمْ بِمَا كَانُوا بِآيَاتِنَا يَظْلِمُونَ (9)

Maksudnya: Timbangan pada hari itu ialah kebenaran (keadilan), maka barangsiapa berat timbangan kebaikannya, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung. Dan siapa yang ringan timbangan kebaikannya, maka itulah orang-orang yang merugikan dirinya sendiri, disebabkan mereka selalu mengingkari ayat-ayat Kami. [Al-A’raf : 8-9]

Kehebatan Tauhid

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْمَعَافِرِيِّ ثُمَّ الْحُبُلِيِّ , قَال : سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ , يَقُولُ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِنَّ اللَّهَ سَيُخَلِّصُ رَجُلًا مِنْ أُمَّتِي عَلَى رُءُوسِ الْخَلَائِقِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَيَنْشُرُ عَلَيْهِ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ سِجِلًّا كُلُّ سِجِلٍّ مِثْلُ مَدِّ الْبَصَرِ ، ثُمَّ يَقُولُ : أَتُنْكِرُ مِنْ هَذَا شَيْئًا ؟ أَظَلَمَكَ كَتَبَتِي الْحَافِظُونَ ؟ فَيَقُولُ : لَا يَا رَبِّ ، فَيَقُولُ : أَفَلَكَ عُذْرٌ ؟ فَيَقُولُ : لَا يَا رَبِّ ، فَيَقُولُ : بَلَى ، إِنَّ لَكَ عِنْدَنَا حَسَنَةً فَإِنَّهُ لَا ظُلْمَ

[35] Jami’ al-Bayan Fi Ta’wil al-Quran, jilid 24, m/s 315

عَلَيْكَ الْيَوْمَ ، فَتَخْرُجُ بِطَاقَةٌ فِيهَا أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، فَيَقُولُ : احْضُرْ وَزْنَكَ ، فَيَقُولُ : يَا رَبِّ مَا هَذِهِ الْبِطَاقَةُ مَعَ هَذِهِ السِّجِلَّاتِ ؟ فَقَالَ : إِنَّكَ لَا تُظْلَمُ ، قَالَ : فَتُوضَعُ السِّجِلَّاتُ فِي كَفَّةٍ وَالْبِطَاقَةُ فِي كَفَّةٍ ، فَطَاشَتِ السِّجِلَّاتُ وَثَقُلَتِ الْبِطَاقَةُ ، فَلَا يَثْقُلُ مَعَ اسْمِ اللَّهِ شَيْءٌ

Daripada ‘Abdullah bin ‘Amru radiallahu ‘anhu, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah akan meletakkan seorang lelaki dari umatku di hadapan seluruh makhluk lalu dibentangkan kepadanya 99 rekod, setiap rekod sejauh mata memandang. Kemudian Allah bertanya "Adakah kamu menafikan perkara-perkara ini? Adakah penulis-penulisKu telah menzalimi kamu?" Dia menjawab 'Tidak wahai Tuhanku.' Allah bertanya lagi "Adakah kamu mempunyai alasan?" Jawabnya 'Tidak.' Allah berkata "Ya, sebenarnya di sisi Kami kamu mempunyai satu kebaikan. Sesungguhnya tiada kezaliman ke atas kamu hari ini." Maka dikeluarkan satu kad yang mengandungi 'Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah dan aku naik saksi bahawa Muhammad adalah hamba dan pesuruh Allah.' Allah berkata "Bawa penimbang kamu." Dia berkata 'Wahai Tuhanku, apalah kad ini di sisi rekod-rekod itu?' Allah berkata "Sesungguhnya engkau tidak akan dizalimi." Lalu diletakkan rekod-rekod itu dalam satu neraca dan kad itu dalam satu neraca. Rekod-rekod itu berterbangan dan kad itu menjadi berat kerana tiada suatupun yang akan menjadi lebih berat daripada nama Allah.[Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Iman, hadis no: 2582, hasan gharib]

Yang ditimbang ialah amalan

عَنْ زِرِّ بْنِ حُبَيْشٍ ، أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ مَسْعُودٍ كَانَ يَحْتَزُّ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سِوَاكًا مِنْ أَرَاكٍ ، وَكَانَ فِي سَاقَيْهِ دِقَّةٌ ، فَضَحِكَ الْقَوْمُ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَا يُضْحِكُكُمْ مِنْ دِقَّةِ سَاقَيْهِ ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ ، إِنَّهُمَا أَثْقَلُ فِي الْمِيزَانِ مِنْ أُحُدٍ "

‘Abdullah bin Mas’ud radiallahu ‘anhu memotong kayu arak untuk dijadikan siwak untuk Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam. Betis beliau sangat kecil, maka sahabat-sahabat yang lain mentertawakannya. Lalu nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Adakah kamu ketawa dengan dua betisnya yang halus? Sesungguhnya kedua-duanya lebih berat daripada bukit Uhud di dalam alat penimbang." [Sahih Ibn Hibban, hadis no: 7226]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " إِنَّهُ لَيَأْتِي الرَّجُلُ الْعَظِيمُ السَّمِينُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا يَزِنُ عِنْدَ اللَّهِ جَنَاحَ بَعُوضَةٍ ، وَقَالَ : اقْرَءُوا فَلا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَزْنًا سورة الكهف آية 105

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya akan dihadapkan seorang lelaki yang besar dan gemuk pada hari Qiamat, akan tetapi dia tidak menyamai berat seekor nyamukpun di sisi Allah. Bacalah firman Allah Ta'ala (al-Kahf 18:105): {Maka Kami tidak akan mengadakan satu nilai bagi mereka pada hari Qiamat.} [Sahih al-Bukhari, Kitab Tafsir al-Quran, hadis no: 4385]

As-Sirath (Jambatan)

Yang beriman akan mempunyai cahaya penyuluh

يَوْمَ تَرَى الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ يَسْعَى نُورُهُمْ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَانِهِمْ بُشْرَاكُمُ الْيَوْمَ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ (12)

Pada hari ketika kamu melihat orang mukmin lelaki dan perempuan, sedang cahaya mereka bersinar di hadapan dan di sebelah kanan mereka. Hari itu merupakan satu berita gembira untuk kamu. Padanya taman yang mengalir di bawahnya sungai, dan kamu kekal di dalamnya. Itulah kejayaan yang besar [Al-Hadid : 12]

Al-Imam Ibn Kathir menerangkan:

يقول تعالى مخبرًا عن المؤمنين المتصدقين: أنهم يوم القيامة يسعَى نورهم بين أيديهم في عَرَصات القيامة، بحسب أعمالهم، كما قال عبد الله بن مسعود في قوله: { يَسْعَى نُورُهُمْ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ } قال: على قدر أعمالهم يمرون على الصراط، منهم مَن نوره مثل الجبل، ومنهم مَن نوره مثل النخلة، ومنهم مَن نوره مثل الرجل القائم، وأدناهم نورًا مَن نوره في إبهامه يتَّقد مرة ويطفأ مرة

Allah memberitahu tentang orang-orang beriman. Pada kiamat cahaya mereka akan berada di hadapat mereka bergantung kepada amalan-amalan mereka. Ini sebagaimana kata ‘Abdullah bin Mas’ud radiallahu ‘anhu berkaitan ayat (cahaya mereka bersinar di hadapan mereka): (Cahaya itu) akan mengikut jumlah amalannya ketika dia mahu lalu di jambatan itu. Sebahagian mereka cahayanya sebesar gunung. Sebahagian yang lain pula cahanya sebesar pohon kurma, sebahagian lain pula cahayanya sebesar manusia yang berdiri, dan yang paling sedikit cahayanya ialah kadang-kala ia bercahaya kadang-kala ia terpadam.

Imam ad-Dhahhak berkata:

ليس لأحد إلا يعطى نورًا يوم القيامة، فإذا انتهوا إلى الصراط طفئ نور المنافقين، فلما رأي ذلك المؤمنون أشفقوا أن يطفأ نورهم كما طُفِئ نور المنافقين، فقالوا: ربنا، أتمم لنا نورنا.

Semua orang akan mendapat cahaya sendiri pada hari hari kiamat. Apabila tiba di jambatan, cahaya orang munafiq akan terpadam. Apabila orang beriman melihat hal itu, mereka takut

cahaya mereka akan terpadam sebagaimana terpadamnya cahaya orang munafiq. Lalu mereka berkata: Tuhan kami, sempurnakan cahaya kami untuk kami[36]

Keadaan manusia di atas sirath

Daripada Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu, Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

ثُمَّ يُؤْتَى بِالْجَسْرِ فَيُجْعَلُ بَيْنَ ظَهْرَىْ جَهَنَّمَ ". قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا الْجَسْرُ قَالَ " مَدْحَضَةٌ مَزِلَّةٌ، عَلَيْهِ خَطَاطِيفُ وَكَلاَلِيبُ وَحَسَكَةٌ مُفَلْطَحَةٌ، لَهَا شَوْكَةٌ عُقَيْفَاءُ تَكُونُ بِنَجْدٍ يُقَالُ لَهَا السَّعْدَانُ، الْمُؤْمِنُ عَلَيْهَا كَالطَّرْفِ وَكَالْبَرْقِ وَكَالرِّيحِ وَكَأَجَاوِيدِ الْخَيْلِ وَالرِّكَابِ، فَنَاجٍ مُسَلَّمٌ وَنَاجٍ مَخْدُوشٌ وَمَكْدُوسٌ فِي نَارِ جَهَنَّمَ، حَتَّى يَمُرَّ آخِرُهُمْ يُسْحَبُ سَحْبًا

"Dihadapkan jambatan lalu diletakkan di atas dua bahagian Jahannam." Kami bertanya 'Wahai Rasulullah, apakah itu jambatan?' Baginda menjawab "Licin, mudah tergelincir orang di atasnya, di atasnya ada cangkuk-cangkuk dan duri yang besar ibarat pokok al-Sa'dan di negeri al-Najd. Orang beriman akan menyeberanginya seperti kelipan mata, kilat, angin, kuda yang laju dan rombongan berkuda. Ada yang berjaya dan selamat. Ada yang berjaya dan cedera. Ada yang tergelincir ke dalam neraka Jahannam. Sehinggalah menyeberang yang terakhir sekali dalam keadaaan diheret." [Sahih al-Bukhari, Kitab Tafsir at-Tauhid, hadis no: 7439]

Al-Qisas (Pembalasan)

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ ، قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أَوَّلُ مَا يُقْضَى بَيْنَ النَّاسِ فِي الدِّمَاءِ. "

'Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu berkata: Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Perkara pertama yang dihukumkan di antara manusia ialah berkenaan darah." [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Muharibin, hadis no: 6385]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَنْ كَانَتْ عِنْدَهُ مَظْلِمَةٌ لِأَخِيهِ فَلْيَتَحَلَّلْهُ مِنْهَا ، فَإِنَّهُ لَيْسَ ثَمَّ دِينَارٌ وَلَا دِرْهَمٌ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُؤْخَذَ لِأَخِيهِ مِنْ حَسَنَاتِهِ ، فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ حَسَنَاتٌ أُخِذَ مِنْ سَيِّئَاتِ أَخِيهِ ، فَطُرِحَتْ عَلَيْهِ . "

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Sesiapa yang mempunyai kezaliman terhadap saudaranya, hendaklah dia meminta maaf darinya hari ini. Sesungguhnya pada hari itu nanti tiada dinar mahupun dirham. Sebaliknya pahala kebaikannya akan diberikan kepada saudaranya. Sekiranya dia tidak mempunyai pahala kebaikan,

[36] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 8, m/s 15

maka akan diambil dosa keburukan saudaranya dan dilemparkan kepadanya." [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Riqaq, hadis no: 6080]

عَنْ أَبِي الْمُتَوَكِّلِ النَّاجِيِّ ، أَنَّ أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " يَخْلُصُ الْمُؤْمِنُونَ مِنَ النَّارِ فَيُحْبَسُونَ عَلَى قَنْطَرَةٍ بَيْنَ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ ، فَيُقَصُّ لِبَعْضِهِمْ مِنْ بَعْضٍ مَظَالِمُ كَانَتْ بَيْنَهُمْ فِي الدُّنْيَا ، حَتَّى إِذَا هُذِّبُوا وَنُقُّوا أُذِنَ لَهُمْ فِي دُخُولِ الْجَنَّةِ ، فَوَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ ، لَأَحَدُهُمْ أَهْدَى بِمَنْزِلِهِ فِي الْجَنَّةِ مِنْهُ بِمَنْزِلِهِ كَانَ فِي الدُّنْيَا

Abu Sa’id al-Khudri radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Orang yang beriman akan menyeberangi Neraka, lalu mereka akan duduk di atas satu tempat di antara Syurga dan Neraka. Di situ sebahagian mereka akan dibalas mengikut kezaliman yang dilakukannya terhadap sebahagian yang lain di dunia. Apabila mereka telah dibersihkan dan disucikan, barulah diizinkan mereka untuk masuk ke dalam Syurga.Sesungguhnya mereka sangat mengenali rumah mereka di syurga melebihi mereka tahu tentang rumah mereka di dunia. [Sahih al-Bukhari, Kitab ar-Riqaq, hadis no: 6081]

Al-Haudh (Telaga)

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ (1)

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah kurniakan kepadamu sebuah sungai di syurga. [Al-Kauthar :1]

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، قَالَ : " بَيْنَمَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ بَيْنَ أَظْهُرِنَا ، إِذْ أَغْفَى إِغْفَاءَةً ، ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ مُتَبَسِّمًا ، قُلْنَا لَهُ : مَا أَضْحَكَكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ ؟ ، قَالَ : " نَزَلَتْ عَلَيَّ آنِفًا سُورَةٌ : بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ { 1 } فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَانْحَرْ { 2 } إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الأَبْتَرُ { 3 } سورة الكوثر آية 1-3 " ثُمَّ قَالَ : " هَلْ تَدْرُونَ مَا الْكَوْثَرُ ؟ " قُلْنَا : اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ ، قَالَ : " فَإِنَّهُ نَهَرٌ وَعَدَنِيهِ رَبِّي فِي الْجَنَّةِ ، آنِيَتُهُ أَكْثَرُ مِنْ عَدَدِ الْكَوَاكِبِ ، تَرِدُهُ عَلَيَّ أُمَّتِي فَيُخْتَلَجُ الْعَبْدُ مِنْهُمْ ، فَأَقُولُ : رَبِّ إِنَّهُ مِنْ أُمَّتِي ، فَيَقُولُ : إِنَّكَ لا تَدْرِي مَا أَحْدَثَ بَعْدَكَ

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Pada suatu hari, ketika baginda sallallahu ‘alaihi wasallam masih bersama kami. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam mahu tidur. Kemudian baginda mengangkat kepalanya sambil tersenyum. Kami bertanya kepadanya: Apa yang membuatkan engkau ketawa ya Rasulullah. Baginda menjawab: Telah diturunkan satu surah kepada aku. (Baginda membaca): Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Sesungguhnya telah kami berikan kepada engkau telaga al-Kauthar. Dirikanlah solat dan sembelihlah korban untuk tuhan mu. Sesiapa yang membenci mu akan musnah. Kemudian

baginda bertanya: Adakah kalian tahu apa itu al-Kauthar? Kami menjawab: Allah dan rasulNya lebih tahu. Baginda berkata: Sesungguhnya ia merupakan satu sungai yang telah Tuhan ku janjikan untuk ku di syurga. Bekas-bekas airnya lebih banyak daripada jumlah bintang. Umat ku akan datang kepada ku, lalu seseorang daripada mereka akan dihalau. Aku berkata: Ya tuhan, sesungguhnya dia umat ku. Maka Allah akan berkata kepada ku: Sesungguhnya engkau tidak tahu apa yang akan mereka lakukan selepas engkau tiada. [An-Nasaie dalam Al-Sunan Al-Kubra, Kitab al-Masajid, hadis no: 965]

عَنْ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ ، قَالَ : قَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرٍو ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " حَوْضِي مَسِيرَةُ شَهْرٍ ، مَاؤُهُ أَبْيَضُ مِنَ اللَّبَنِ ، وَرِيحُهُ أَطْيَبُ مِنَ الْمِسْكِ ، وَكِيزَانُهُ كَنُجُومِ السَّمَاءِ ، مَنْ شَرِبَ مِنْهَا فَلَا يَظْمَأُ أَبَدًا

‘Abdullah bin ‘Amru radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Haudku (perigiku) seluas sebulan perjalanan. Airnya lebih putih daripada susu. Baunya lebih wangi daripada kasturi. Gelasnya sebanyak bilangan bintang di langit. Sesiapa yang minum dari perigi itu tidak akan dahaga selama-lamanya." [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Riqaq, hadis no: 6121]

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : لَمَّا عُرِجَ بِالنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى السَّمَاءِ ، قَالَ : " أَتَيْتُ عَلَى نَهَرٍ حَافَتَاهُ قِبَابُ اللُّؤْلُؤِ مُجَوَّفًا ، فَقُلْتُ : مَا هَذَا يَا جِبْرِيلُ ؟ " قَالَ : " هَذَا الْكَوْثَرُ

Anas radiallahu ‘anhu berkata: Ketika Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam dinaikan ke langit, baginda menceritakan: Aku telah mendatangi sebatang sungai, dua tebingnya permata yang berongga. Aku pun bertanya, "Apakah ini wahai Jibril?" Beliau menjawab 'Ini ialah al-Kauthar.' [Sahih al-Bukhari, Kitab Tafsir al-Quran, hadis no: 4607]

Syurga dan Neraka

إِنْ لَمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ (24) وَبَشِّرِ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رِزْقًا قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ وَأُتُوا بِهِ مُتَشَابِهًا وَلَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (25)

Peliharalah dirimu dari neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu, yang disediakan bagi orang-orang kafir. Dan sampaikanlah berita gemabira kepada mereka yang beriman dan berbuat baik bahawa bagi mereka disediakan syurga-syurga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya. [Al-Baqarah :24-25]

Dalam doa istiftah ketika solat malam, baginda sallallahu ‘alaihi wasallam sering membaca doa yang mengandungi lafaz ini:

وَوَعْدُكَ الْحَقُّ ، وَلِقَاؤُكَ حَقٌّ ، وَقَوْلُكَ حَقٌّ ، وَالْجَنَّةُ حَقٌّ ، وَالنَّارُ حَقٌّ ، وَالنَّبِيُّونَ حَقٌّ , وَمُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقٌّ , وَالسَّاعَةُ حَقٌّ

janjiMu adalah benar, pertemuan denganMu adalah benar, syurga adalah benar, neraka adalah benar, nabi-nabi adalah benar, Muhammad Sallallahu ‘alaihi wa sallam adalah benar, hari kiamat adalah benar [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jum’ah, hadis no: 159]

Syurga dan Neraka telah wujud

Allah juga telah jelaskan kepada kita bahawa Dia telah menetapkan Adam dan isterinya dia dalam Syurga sebelum mereka makan dariapada pokok itu. Begitu juga terdapat banyak hadis menunjukkan syurga dan neraka telah wujud

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : "اطَّلَعْتُ فِي الْجَنَّةِ فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا الْفُقَرَاءَ ، وَاطَّلَعْتُ فِي النَّارِ فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا النِّسَاءَ

‘Imron bin Husain radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: "Aku telah menjenguk Syurga dan aku telah melihat kebanyakan penghuninya ialah orang fakir. Aku juga telah menjenguk Neraka dan aku telah melihat kebanyakan penghuninya ialah wanita." [Sahih al-Bukhari, Kitab Bad’i al-Kholqi, hadis no: 3020]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ فَأَبْرِدُوا بِالصَّلَاةِ ، فَإِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ مِنْ فَيْحِ جَهَنَّمَ ، وَاشْتَكَتِ النَّارُ إِلَى رَبِّهَا ، فَقَالَتْ : يَا رَبِّ أَكَلَ بَعْضِي بَعْضًا ، فَأَذِنَ لَهَا بِنَفَسَيْنِ نَفَسٍ فِي الشِّتَاءِ وَنَفَسٍ فِي الصَّيْفِ ، فَهُوَ أَشَدُّ مَا تَجِدُونَ مِنَ الْحَرِّ ، وَأَشَدُّ مَا تَجِدُونَ مِنَ الزَّمْهَرِيرِ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila cuaca terlalu panas, sejukkanlah (bermaksud lewatkan sedikit sehingga kurang panas) untuk solat Zohor, sesungguhnya kepanasan yang terik itu adalah daripada lonjakan api Neraka. Neraka telah mengadu kepada Tuhannya dengan berkata 'Wahai Tuhanku, sesetengah dariku telah memakan sesetengah dariku.' Lalu Allah mengizinkan baginya mempunyai dua nafas iaitu pada musim sejuk dan pada musim panas. Itulah kepanasan yang amat terik dan kesejukan yang amat dingin yang dapat kamu rasakan." [Sahih al-Bukhari, Kitab Mawaqit as-Solat, hadis no: 506]

عَنْ أَبِي جَمْرَةَ الضُّبَعِيِّ ، قَالَ : كُنْتُ أُجَالِسُ ابْنَ عَبَّاسٍ بِمَكَّةَ فَأَخَذَتْنِي الْحُمَّى ، فَقَالَ : أَبْرِدْهَا عَنْكَ بِمَاءِ زَمْزَمَ فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " الْحُمَّى مِنْ فَيْحِ جَهَنَّمَ فَأَبْرِدُوهَا بِالْمَاءِ أَوْ ، قَالَ : بِمَاءِ زَمْزَمَ ، شَكَّ هَمَّامٌ .

Abu Hamzah ad=Dhiba’ie berkata: Aku se

[Sahih al-Bukhari, Kitab Bad’I al-Khalqi, hadis no: 3036]

Syurga dan Neraka Kekal

وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ (100)

Orang-orang yang terdahulu daripada golongan Muhajirin dan Ansar dan mereka yang mengikuti mereka dengan baik. Allah redha pada mereka dan mereka redha pada Allah. Disediakan untuk mereka syurga yang mengalir di bawahnya sungai. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kejayaan yang besar. [At-Taubah:100]

لَا يَمَسُّهُمْ فِيهَا نَصَبٌ وَمَا هُمْ مِنْهَا بِمُخْرَجِينَ (48)

Maksudnya: Dan tidak sekali-kali mereka akan dikeluarkan daripadanya. [Al-Hijr:48]

إِلَّا طَرِيقَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا (169)

Maksudnya: kecuali jalan ke neraka Jahannam; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Hal itu mudah sahaja untuk Allah [An-Nisa':169]

Firman Allah Ta'ala (al-Ahzaab 33:64-65):

إِنَّ اللَّهَ لَعَنَ الْكَافِرِينَ وَأَعَدَّ لَهُمْ سَعِيرًا (64) خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا لَا يَجِدُونَ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا (65)

Sesungguhnya Allah melaknati orang-orang kafir dan menyediakan bagi mereka neraka yang menyala-nyala. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Mereka tidak mendapati pelindung mahupun penolong. [Al-Ahzab :64-65]

Tiada lagi kematian

عَنْ ابْنِ عُمَرَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا صَارَ أَهْلُ الْجَنَّةِ إِلَى الْجَنَّةِ ، وَأَهْلُ النَّارِ إِلَى النَّارِ ، جِيءَ بِالْمَوْتِ حَتَّى يُجْعَلَ بَيْنَ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ ، ثُمَّ يُذْبَحُ ، ثُمَّ يُنَادِي مُنَادٍ : يَا أَهْلَ الْجَنَّةِ ، لَا مَوْتَ ، وَيَا أَهْلَ النَّارِ ، لَا مَوْتَ ، فَيَزْدَادُ أَهْلُ الْجَنَّةِ فَرَحًا إِلَى فَرَحِهِمْ ، وَيَزْدَادُ أَهْلُ النَّارِ حُزْنًا إِلَى حُزْنِهِمْ

Ibn 'Umar radiallahu 'anhuma meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Apabila penghuni Syurga masuk ke dalam Syurga dan penghuni Neraka masuk ke dalam Neraka, maut akan dihadapkan sehinggalah diletak di antara Syurga dan Neraka di mana maut akan disembelih. Kemudian seseorang akan melaungkan 'Wahai penghuni Syurga, tiada maut lagi. Wahai penghuni Neraka, tiada maut lagi.' Penghuni Syurga akan bertambah-tambah kegembiraan mereka manakala penghuni Neraka akan bertambah-tambah kesedihan mereka." [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Riqaq, hadis no: 6093]

Nikmat melihat Allah

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَاضِرَةٌ (22) إِلَى رَبِّهَا نَاظِرَةٌ (23)

Maksudnya: Wajah-wajah pada hari itu berseri-seri. Kepada Tuhan mereka mereka melihat. [Al-Qiyamah : 22-23]

لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا الْحُسْنَى وَزِيَادَةٌ وَلَا يَرْهَقُ وُجُوهَهُمْ قَتَرٌ وَلَا ذِلَّةٌ أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (26)

Maksudnya: Bagi orang-orang yang berbuat baik ada pahala yang terbaik (syurga) dan tambahannya. [Yunus :26]

Apakah maksud tambahan? Al-Imam Ibn Kathir menyatakan:

وقد روي تفسير الزيادة بالنظر إلى وجه الله (6) الكريم، عن أبي بكر الصديق، وحذيفة بن اليمان، وعبد الله بن عباس [قال البغوي وأبو موسى وعبادة بن الصامت] (7) وسعيد بن المسيب، وعبد الرحمن بن أبي ليلى، وعبد الرحمن بن سابط، ومجاهد، وعكرمة، وعامر بن سعد، وعطاء، والضحاك، والحسن، وقتادة، والسدي، ومحمد بن إسحاق، وغيرهم من السلف والخلف.

Diriwayatkan penafsiran maksud (tambahan) sebagai melihat wajah Allah daripada Abu Bakar as-Siddiq, Huzaifah bin al-Yaman, Abdullah bin Abbas, Abu Musa al-Asyaari, Ubadah bin al-Somit, Sa'id bin al-Musayyib, 'Abdul Rahman bin Abi Laila, 'Abdul Rahman bin Sabith, Mujahid, Ikrimah, 'Amir bin Sa'ad, 'Atho', Ad-Dhahhak, Qatadah, As-Suddi, Muhammad bin Ishaq dan selain mereka daripada salaf dan khalaf.[37]

Berkenaan orang kafir pula, firman Allah Ta'ala :

كَلَّا إِنَّهُمْ عَنْ رَبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ لَمَحْجُوبُونَ (15)

Maksudnya: Sekali-kali tidak, sesungguhnya mereka pada hari itu benar-benar terhalang dari melihat Tuhan mereka. [Al-Muthoffifin:15]

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، هَلْ نَرَى رَبَّنَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ ؟ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " نَعَمْ ، هَلْ تُضَارُّونَ فِي رُؤْيَةِ الشَّمْسِ بِالظَّهِيرَةِ ، ضَوْءٌ لَيْسَ فِيهَا سَحَابٌ ؟ " قَالُوا : لَا ، قَالَ : " وَهَلْ تُضَارُّونَ فِي رُؤْيَةِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ ، ضَوْءٌ لَيْسَ فِيهَا سَحَابٌ ؟ " قَالُوا : لَا ،

Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu meriwayatkan: Para sahabat berkata: Ya Rasulullah. Adakah kami dapat melihat tuhan kami pada hari kiamat? Nabi sallallahu 'alaihi wasallam menjawab: Ya.

[37] Tafsir al-Quran al-Azhim, jilid 4, m/s 262

Adakah kalian mengalami kesukaran melihat matahari pada waktu siang, ketika hari terang tanpa kabus? Mereka menjawab: Tidak. Baginda bertanya lagi: Adakah kalian mengalami kesukaran untuk melihat bulan purnama pada waktu malam ia mengambang, yang bersinar tanpa sebarang kabus? Mereka menjawab: Tidak.

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَا تُضَارُونَ فِي رُؤْيَةِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، إِلَّا كَمَا تُضَارُونَ فِي رُؤْيَةِ أَحَدِهِمَا ، إِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ أَذَّنَ مُؤَذِّنٌ ، تَتْبَعُ كُلُّ أُمَّةٍ مَا كَانَتْ تَعْبُدُ ، فَلَا يَبْقَى مَنْ كَانَ يَعْبُدُ غَيْرَ اللَّهِ مِنَ الْأَصْنَامِ وَالْأَنْصَابِ إِلَّا يَتَسَاقَطُونَ فِي النَّارِ ،

Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam berkata: Kalian tidak akan mengalami kesukaran untuk melihat Allah di hari kiamat sebagaimana kamu tidak menghadapi kesulitan untuk melihat keduanya. Pada hari kiamat, akan ada penyeru yang menyeru bahawa setiap umat akan mengikuti apa yang mereka sembah. Tidak akan tertinggal sedikit pun daripada sesiapa yang menyembah selain Allah seperti berhala dan sesembahan yang lain melainkan mereka akan jatuh ke dalam api neraka.

حَتَّى إِذَا لَمْ يَبْقَ إِلَّا مَنْ كَانَ يَعْبُدُ اللَّهَ بَرٌّ أَوْ فَاجِرٌ ، وَغُبَّرَاتُ أَهْلِ الْكِتَابِ ، فَيُدْعَى الْيَهُودُ ، فَيُقَالُ لَهُمْ : مَنْ كُنْتُمْ تَعْبُدُونَ ؟ قَالُوا : كُنَّا نَعْبُدُ عُزَيْرَ ابْنَ اللَّهِ ، فَيُقَالُ لَهُمْ : كَذَبْتُمْ ، مَا اتَّخَذَ اللَّهُ مِنْ صَاحِبَةٍ وَلَا وَلَدٍ ، فَمَاذَا تَبْغُونَ ؟ فَقَالُوا : عَطِشْنَا رَبَّنَا فَاسْقِنَا ، فَيُشَارُ أَلَا تَرِدُونَ فَيُحْشَرُونَ إِلَى النَّارِ كَأَنَّهَا سَرَابٌ يَحْطِمُ بَعْضُهَا بَعْضًا فَيَتَسَاقَطُونَ فِي النَّارِ ،

Kemudian tiada siapa yang tinggal melainkan yang menyembah Allah sama ada yang baik atau jahat, dan pengikut Ahlil Kitab. Lalu kelompok Yahudi dipanggil dan disoal: Siapa yang kalian sembah? Mereka menjawab: Kami menyembah Uzair anak Allah. Lalu dikatakan kepada mereka: Kalian pendusta. Allah itu tidak mempunyai pasangan atau anak. Kenapa kalian melampaui batas? Lalu mereka menjawab: Kami dahaga ya tuhan kami, beri kami minum. Mereka pun diberikan isyarat: Adakah kamu tidak mahu minum, lalu mereka dikumpulkan ke neraka. Neraka umpama fatamorgana sebahagiannya menghancurkan sebahagian yang lain. Lalu mereka pun jatuh ke dalam neraka.

ثُمَّ يُدْعَى النَّصَارَى ، فَيُقَالُ لَهُمْ : مَنْ كُنْتُمْ تَعْبُدُونَ ؟ قَالُوا : كُنَّا نَعْبُدُ الْمَسِيحَ ابْنَ اللَّهِ ، فَيُقَالُ لَهُمْ : كَذَبْتُمْ ، مَا اتَّخَذَ اللَّهُ مِنْ صَاحِبَةٍ وَلَا وَلَدٍ ، فَيُقَالُ لَهُمْ : مَاذَا تَبْغُونَ ؟ فَكَذَلِكَ مِثْلَ الْأَوَّلِ ، حَتَّى إِذَا لَمْ يَبْقَ إِلَّا مَنْ كَانَ يَعْبُدُ اللَّهَ مِنْ بَرٍّ أَوْ فَاجِرٍ ، أَتَاهُمْ رَبُّ الْعَالَمِينَ فِي أَدْنَى صُورَةٍ مِنَ الَّتِي رَأَوْهُ فِيهَا ، فَيُقَالُ : مَاذَا تَنْتَظِرُونَ ؟ تَتْبَعُ كُلُّ أُمَّةٍ مَا كَانَتْ تَعْبُدُ ، قَالُوا : فَارَقْنَا النَّاسَ فِي الدُّنْيَا عَلَى أَفْقَرِ مَا كُنَّا إِلَيْهِمْ وَلَمْ نُصَاحِبْهُمْ ، وَنَحْنُ نَنْتَظِرُ رَبَّنَا الَّذِي كُنَّا نَعْبُدُ ، فَيَقُولُ : أَنَا رَبُّكُمْ ، فَيَقُولُونَ : لَا نُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا ، مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا

Kemudian orang Kristian akan dipanggil dan ditanya: Siapa yang kalian sembah? Mereka menjawab: Kami menyembah Al-Masih anak Allah (iaitu Nabi Isa). Lalu dikatakan kepada mereka: Kalian berdusta. Allah tidak mempunyai pasangan atau anak. Lalu dikatakan kepada mereka:

Kenapa kalian melampaui batas. Maka ia juga seperti yang tadi (yang berlaku pada Yahudi). Sehinggalah tiada yang tinggal kecuali mereka yang menyembah Allah daripada kalangan orang baik dan jahat. Tuhan sekalian alam datang kepada mereka dalam bentuk yang paling hampir pernah mereka bayangkan. Lalu ditanya kepada mereka: Apa yang kalian tunggu? Setiap umat sudah mengikut apa yang mereka sembah. Lalu mereka menjawab: Kami meninggalkan orang lain di dunia dalam keadaan kami sangat perlu apda mereka, dan kami tidak bersahabat dengan mereka. Kami menunggu Tuhan kami yang kami sembah. Lalu Allah berkata: Aku adalah tuhan kalian. Mereka menjawab: Kami tidak pernah menyekutukan Allah dengan sesuatu pun sebanyak dua atau tiga kali.

[Sahih al-Bukhari, Kitab Tafsir al-Quran, hadis no: 4240]